**Bil. 64**

**Khamis**
**28 November 2019**

**MALAYSIA**

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN RAKYAT

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**
**PENGGAL KEDUA**
**MESYUARAT KETIGA**

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 6)

**RANG UNDANG-UNDANG**
**DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 28)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Perbekalan 2020
**Jawatankuasa:-**
**Jadual:-**
Maksud B.63 (Halaman 39)

**USUL-USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)
Anggaran Pembangunan 2020
**Jawatankuasa:-**
Maksud P.63 (Halaman 39)

Diterbitkan Oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2019

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. " Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. " Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. " Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. " Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. " Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. " Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. " Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. " Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. " Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, *Dato'* Dr. Xavier Jayakumar, *D.J.M.K.* [Kuala Langat] – PKR
18. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. " Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. " Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. " Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP

22. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH

24. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH

25. " Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN

26. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN

27. " Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN

28. " Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM

2. " Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri – [Kosong]

3. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM

4. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM

5. " Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR

7. " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR

8. " Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR

9. " Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR

10. " Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR

11. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP

12. " Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

13. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP

14. " Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP

15. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP

16. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP

17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH

20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH

21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR

22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN

23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN

24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Wira Marzuki bin Yahya – *Senator*

25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*

26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*

27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

**AHLI-AHLI (PH)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR

2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM

3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - PPBM

4. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR

5. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM

6. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR

7. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR

8. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP

9. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR

10. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR

11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] - PPBM

12. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR

13. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP

14. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP

15. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR

16. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR

17. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP

18. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP

19. Yang Berhormat Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
20. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
21. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
22. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
23. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
24. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
25. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
26. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
27. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
28. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
29. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
30. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
31. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
32. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
33. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
34. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
35. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
36. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
37. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
38. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
39. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
40. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
41. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
42. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM
43. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
44. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
45. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
46. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
47. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
48. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
49. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
50. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
51. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
52. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP

53. Yang Berhormat Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR

54. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR

55. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP

56. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP

57. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR

58. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP

59. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - PPBM

60. “ Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM

61. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR

62. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

63. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR

64. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM

65. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP

66. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR

67. “ Dr. Su Keong Siong [Kampar] – DAP

68. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR

69. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP

70. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR

71. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP

72. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP

73. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP

74. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR

75. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR

76. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR

77. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP

78. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP

79. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP

80. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP

81. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP

*82.* “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - PPBM

83. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] - PPBM

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO

2. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO

3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO

4. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO

5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO

7. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO

8. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N,, S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO

9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [ [Ketereh] – UMNO

10. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

11. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

12. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO

13. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO

14. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

15. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO

16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO

17. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

18. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO

19. “ Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO

20. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO

21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO

22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC

23. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO

24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO

25. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO

26. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO

27. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO

28. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO

29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO

30. “ Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO

31. Yang Berhormat Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
32. " Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
33. " Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
34. " Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
35. " Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
36. " Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
37. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
38. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
39. " Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
40. " Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] - MCA
41. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. " Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. " Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. " Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
5. " Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. " Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. " Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. " Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. " Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. " Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. " Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. " Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. " Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. " Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff. D.J.M.K. [Rantau Panjang]
16. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. " Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (PBB)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (WARISAN)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PBS)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

**AHLI-AHLI (PBRS)**

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

**AHLI-AHLI (UPKO)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

**AHLI-AHLI (PSB)**

1. Yang Berhormat Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS**
**CAWANGAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Halijah binti Mat Sin @ Md Zain
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Nurul Atikah binti Basrudin
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juarah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 28 November 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

## JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**1. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah status tindakan kerajaan terhadap semua pihak yang terlibat dengan pembelian 6 helikopter McDonnell Douglas yang masih tidak diterima sehingga kini serta isu 16 projek *land swap* yang terdiri daripada 1,183 hektar tanah milik kementerian bernilai RM4.7 bilion.

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, hala tuju perolehan enam buah helikopter McDonnell Douglas akan dibentangkan untuk pertimbangan kerajaan dalam masa yang terdekat. Sebarang tindakan terhadap syarikat dan mereka yang berkaitan akan diambil sewajarnya selepas keputusan terhadap hala tuju perolehan ini dibuat.

Bagi pertanyaan *land swap* pula, pihak kerajaan telah mengemukakan laporan siasatan bagi dua daripada 16 projek *land swap* kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pada 21 Februari 2019. Manakala laporan siasatan baki 14 projek *land swap* pula telah dikemukakan pada 16 Mei 2019 untuk siasatan lanjut pihak SPRM. Berikutan itu, Kementerian Pertahanan bersedia untuk bekerjasama sepenuhnya dengan pihak SPRM dalam penyiasatan ini. Sehingga kini, Kementerian Pertahanan tidak dimaklumkan mengenai sebarang penemuan atau hasil siasatan oleh pihak SPRM berkaitan projek tersebut.

Untuk status terkini *land swap*, pihak kementerian telah membentangkan Kertas Kerja Jemaah Menteri pada 18 September 2019 untuk mendapatkan kelulusan berhubung hala tuju projek di Hutan Melintang. Di samping itu, pemakluman kepada Jemaah Menteri turut dilaksanakan pada 18 Oktober 2019 melibatkan tujuh projek yang lain bertujuan untuk mendapatkan hala tuju projek-projek tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua maklum bahawa kedua-dua isu ini dan saya percaya bukan sahaja kedua-dua isu ini telah berlaku sewaktu jawatan Menteri Pertahanan dipegang oleh Yang Berhormat Sembrong. Persoalan saya, adakah selain daripada dua isu ini, kita melihat kepada perkara-perkara lain yang mungkin telah berlaku sewaktu Yang Berhormat Sembrong menjadi Menteri Pertahanan. Juga apakah yang akan diusahakan oleh pihak kementerian untuk memastikan kebobrokan ataupun masalah-masalah yang telah berlaku tidak berulang lagi? Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ya, kita cuba untuk memulihkan dan juga mendapatkan semula, terutama yang telah dibelanjakan. Jemaah Menteri akan membuat keputusan seminggu dua inilah apabila kertas kepada Kabinet dibawa iaitu untuk menentukan misalnya kedudukan perolehan helikopter McDonnell Douglas yang kita telah membayar RM112 juta atau 35 persen. Perjanjian itu selama dua tahun iaitu November 2015 hingga 24 November 2017. Oleh kerana ia belum lagi dapat dibawa helikopter itu, maka Jemaah Menteri akan membuat keputusan pada seminggu dua ini apabila kertas ini sudah siap dibawa ke Jemaah Menteri untuk membuat keputusan terakhir sama ada hendak menamatkan atau hendak meneruskan.

Kalau hendak menamatkan, langkah-langkah yang diambil termasuk untuk menuntut semula wang dan sebagainya. Kalau hendak diteruskan, mesti mereka memenuhi segera alat-alat yang diperlukan dalam helikopter tersebut. Kita sedang membuat perundingan terakhir.

Begitu juga *land swap*. Sekarang ini dirunding semula, di antaranya projek-projek yang dirunding semula banyak kalau saya hendak baca di sini. Ini supaya- kenapa dirunding semula? Ini kerana syarikat-syarikat dahulu telah berbelanja.

Oleh kerana ada perkara yang tidak kena, kita minta runding semula dan pihak kementerian akan meletakkan harga yang sepatutnya dan bukan mengikut kehendak mereka yang dapat projek itu. Perundingan semula ini sedang berjalan dan projek-projek itu akan diteruskan dengan rundingan semula beberapa tempat. Ini supaya yang kita hilang lebih kurang dalam Laporan Tan Sri Ambrin Buang, hasil daripada *land swap* ini lebih kurang RM500 juta. Sekurang-kurangnya dapat kita selamatkan melalui rundingan semula ini. Kalau tidak semua pun, sekurang-kurangnya kita memperoleh setaraf dengannya. Terima kasih.

**■1010**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Menteri Pertahanan berkenaan dengan pembelian helikopter McDonnell Douglas ini. Pembelian ini menggunakan sistem *barter trade* ataupun menggunakan *cash flow* negara dalam pembayaran ke atas pembelian helikopter ini? Itu yang pertama.

Kedua, semasa perjanjian pembelian ini, dengan harga tertentu. Sekarang ini sudah berapa tahun kita belum menerima dan adakah penilaian semasa kita itu perlu kepada tambah nilai apabila kejatuhan nilai mata wang Malaysia? Adakah berlakunya penambahan peruntukan untuk pembelian helikopter ini? Sekian.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Perolehan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 30 Oktober 2015 secara rundingan terus dengan syarikat Halaman Optima Sdn. Berhad. Tempoh kontrak ini adalah selama dua tahun dari 25 November sehingga 24 November. Memorandum Jemaah Menteri akan dibentangkan pada bulan ini, satu untuk menamatkan kontrak dan kedua, kalau sekiranya ditamatkan kontrak- iaitu kena dapat jaminan bank, menuntut RM112 juta yang telah dibayar kepada syarikat.

Sekiranya diteruskan, kementerian akan mengarahkan syarikat untuk membekalkan helikopter dan memenuhi semua obligasi kontrak. Di sinilah barangkali kalau diteruskan semula, barangkali pihak McDonnell Douglas dan mengikut perjanjian sebagainya, adakah masuk dalam klausa mengikut harga pada dua tahun kemudian ini. Perkara ini berdasarkan kepada keputusan Kabinet dan selepas itu, apa-apa keputusan pun saya akan bawa dan menerangkan kembali ke Parlimen, *insya-Allah.*

**2.** **Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada sistem e-Lelong akan dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Malaya dan sama ada kajian impak kepada sara hidup pelelong bertauliah telah dijalankan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bukit Bendera di atas soalan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mei 2017 telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Perintis Sistem E-Lelong Bagi Kes-kes Lelongan Awam Harta Tak Alih di Mahkamah Tinggi Malaya.

Ekoran daripada itu, pelaksanaan sistem e-Lelong sebagai projek perintis ataupun dikenali sebagai pilot project telah dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuantan bermula pada 1 Jun 2017. Sistem e-Lelong kemudiannya telah diperluaskan ketiga buah lokasi Mahkamah Tinggi Malaya iaitu di Temerloh, Ipoh dan juga Taiping bermula pada 1 Jun 2018.

Perancangan peluasan kedua belas lokasi Mahkamah Tinggi di Malaya ini akan dilaksanakan pada tahun 2020. Berkenaan dengan kajian impak kepada pelelong bertauliah, PKPMP telah pun mengadakan beberapa sesi perkongsian dan juga mesyuarat dengan para *stakeholders* iaitu pertama, bersama dengan Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, wakil institusi kewangan dan juga wakil pelelong berdaftar pada 28 November 2015.

Kedua, bersama dengan Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia, Persatuan Perbankan Islam Malaysia dan juga persatuan-persatuan pelelong negeri pada 1 Mac 2016. Ketiga, bersama dengan wakil pelelong seluruh Semenanjung, Malaysia pada 23 Jun 2016. Terakhir sekali, bersama dengan wakil Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Institut Integriti Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Majlis Peguam, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia, Persatuan Perbankan Islam Malaysia, Malayan Banking Berhad, CyberSecurity Malaysia, Pos Digicert Sdn. Berhad, dan juga persatuan-persatuan pelelong negeri pada 16 Februari 2017.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Persatuan Pelelong Negeri Pulau Pinang dan juga kebangsaan telah berjumpa dengan saya dan mengeluarkan keluhan mereka melebihi seramai 1,000 pelelong di negeri-negeri akan tergugat ekoran daripada pelancaran sistem e-Lelong dan juga pelaksanaan e-Lelong. Nampaknya konsultasi- waktu itu tahun 2017, belum dijalankan secara sepenuhnya.

Soalan saya, memandangkan projek perintis e-Lelong ini menghadapi beberapa masalah-masalah selain daripada kadar kelajuan Internet, selain daripada kerja yang sebelum ini dilakukan oleh pelelong diambil alih oleh sistem ataupun institusi yang lain.

Saya ingin tahu, bolehkah kerajaan mempertimbangkan e-Lelong ini dijalankan secara *hybrid* iaitu melibatkan juga pelelong-pelelong bertauliah di negeri-negeri, supaya bukan sahaja boleh mendapatkan *benefit* daripada sistem komputer, tetapi juga menjaga periuk nasi lebih 1,000 orang pelelong dan keluarga mereka lebih 5,000 orang dalam hal ini? Itulah soalan saya.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera di atas soalan tambahan ini. Sememangnya Yang Berhormat, kita tidak dapat nafikan bahawa ada sedikit sebanyak masalah teknikal yang telah pun wujud sejak projek perintis ini dimulakan pada tahun 2017. Kerajaan pada masa ini dalam proses menambah baik infrastruktur-infrastruktur tersebut untuk memastikan pelaksanaan sistem e-Lelong ini dapat dijalankan dengan lancar.

Jadi, bagi pihak pelelong tradisi yang telah pun terjejas dengan e-Lelong ini, kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan mereka untuk mengadakan sistem secara *hybrid*. Sistem secara *hybrid* ini akan- untuk makluman Yang Berhormat, akan juga menggunakan perkhidmatan pelelong tradisi. Ini di mana, mereka tidak akan dikeluarkan daripada sistem e-Lelong ini dan mereka boleh memastikan perkhidmatan mereka diteruskan dan menjamin periuk nasi mereka tidak akan terjejas.

Daripada sistem *hybrid* ini, keberkesanannya ialah bahawa mereka akan dijalankan secara nyata dan secara pemasaran seperti pasaran akan dijalankan oleh pihak pelelong yang berlesen. Apa yang penting sekali ialah mereka tidak akan terjejas. Apa yang penting sekali dalam sistem e-Lelong ini, saya juga telah pun memaklumkan kepada pihak mahkamah untuk memberikan satu kempen kesedaran kepada orang awam, supaya orang awam tahu apakah itu e-Lelong.

Ini kerana ramai juga yang mahu mengambil peranan di dalam e-Lelong ini apabila ada lelongan dibuat terhadap sesuatu harta yang telah pun dilelong oleh pihak bank melalui e-Lelong ini. Jadi, untuk mengadakan kempen kesedaran ini, kementerian saya akan terus terlibat untuk memastikan orang awam akan dimaklumkan secara besar-besaran. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu, Kota Bharu, Kota Bharu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri penjelasan mengenai e-Lelong ini. Sebagai mana yang kita tahu, telah dilancarkan hampir tiga tahun yang lalu. Namun demikian, pelaksanaannya masih belum dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Jadi, soalan saya adakah pihak kerajaan telah mengambil kira pandangan dan juga opsyen-opsyen yang telah diberikan oleh Majlis Pelelong Malaysia- *The Auctioneers Council of Malaysia*, yang merupakan *national body* yang dianggotai oleh para pelelong ini, di mana pandangan mereka walaupun e-Lelong ini baik dilaksanakan, namun demikian pelelong-pelelong yang berlesen ini tidak boleh diketepikan penglibatan mereka.

Mereka sepatutnya diberikan peluang untuk *participate* di dalam pelaksanaan e-Lelong ini. *Not totally* mereka ini diabaikan dan tidak mempertimbangkan kedudukan mereka sebagai satu profesion. Jadi, mohon pandangan daripada pihak Menteri.

**■1020**

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Baharu. Pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa Majlis Pelelong Malaysia ini bukan satu pertubuhan berkanun, ia bukan badan berkanun, ia hanya sebuah NGO. Jadi kenyataan seperti majlis ini amat mengelirukan, ia tidak sama dengan Majlis Peguam yang dikenali sebagai satu badan berkanun yang telah pun didaftar di sebuah akta seperti *Legal Profession Act* bagi Majlis Peguam. Ia hanya sebuah NGO sahaja. Ia berbeza daripada Persatuan-persatuan Pelelong Malaysia daripada segi keahlian mereka.

Jadi itu amat penting dan mereka telah pun datang juga memberikan banyak maklumat kepada saya sejak saya dilantik pada tahun lalu. Seperti yang saya katakan tadi, sememangnya kerajaan dalam proses untuk mempertimbangkan sistem hibrid ini untuk memastikan bahawa pelelong tradisi ini juga mengambil peranan dalam e-lelong. Jadi apabila e-lelong dijalankan, pihak pelelong tradisi ini dapat bersama-sama dengan sistem e-lelong ini membuat peranan-peranan aktiviti apabila e-lelongan ini dijalankan. Jadi daripada segi itu, saya rasa mereka tidak akan disingkirkan daripada sistem e-lelong ini. Akan tetapi kita kena ambil maklum bahawa *internet progress* daripada segi *information technology* ini akan terus berkembang di negara kita.

Jadi kita kenalah bersedia untuk menerima perkembangan teknologi untuk mengadakan e-lelongan dan lain-lain lagi. E-lelongan ini antara kebaikannya ialah dapat menyingkirkan rasuah dan juga ulat-ulat daripada lelongan harta-harta tertentu. Jadi ini adalah satu kebaikan tetapi pada masa yang sama infrastruktur yang telah pun diadakan sejak perintis dijalankan masih lagi tidak berapa memuaskan hati. Jadi kerajaan mengambil maklum dan akan memastikan bahawa infrastruktur ini ditambah baik dengan segera sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya di Semenanjung pada tahun depan. Terima kasih.

**3. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah pelaksanaan Pengerang sebagai *Smart City* akan dapat membantu meningkatkan tahap sosioekonomi, kesejahteraan dan penggunaan teknologi digital kepada masyarakat setempat dan bagaimana konsep *Smart City* yang akan dilaksanakan oleh kerajaan di Pengerang seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Alhamdulillah*, terima kasih Yang Berhormat Pengerang di atas soalan kerana baru-baru ini sahaja saya mengumumkan tentang penaiktarafan Majlis Daerah Pengerang kepada Majlis Perbandaran Pengerang.

Jadi semua maklum dalam konsep *smart city* itu sudah tentu akan membawakan satu kadar pertumbuhan ekonomi yang agak pesat dan juga kadar aktiviti kemasyarakatan yang lebih mampan. Jadi oleh kerana itu memandangkan Pengerang adalah sebuah kawasan yang baru dinaiktaraf menjadi majlis perbandaran, jadi permulaan awal untuk pembentukan *smart city* ini adalah lebih mudah dan agaknya lebih terancang.

Jadi peringkat awalnya, kita akan melihatkan tentang bagaimana untuk membina infrastruktur yang mampan. Selain daripada infrastruktur, adalah untuk memastikan bahawa lalu lintas di masa depan juga akan lebih teratur dan tersusun, dari segi kenderaan dan juga dari segi *smart home* nya dan peralatan agar mereka tidak banyak *dependent on man power*. Melihatkan ini, konsep *smart city* sudah tentu adalah satu konsep yang menjimatkan belanja dan meningkatkan produktiviti.

KPKT sebagai kementerian yang menjaga pihak berkuasa tempatan seluruh negara amat menggalakkan PBT-PBT untuk menaik taraf kerana sudah tiba masanya kita menaik tarafkan *Local Council* kita kepada taraf yang lebih berdaya agar mereka dapat berdaya saing untuk mempertingkatkan ekonomi mereka masing-masing. Jadi ini memang kita galakkan kepada semua YDP seluruh negara agar mereka berjaya untuk mencari cara yang lebih kreatif untuk meningkatkan ekonomi mereka. Dengan itu, boleh mereka juga membangunkan kawasan-kawasan *council* mereka.

Jadi KPKT di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan sudah melancarkan satu dasar iaitu Dasar *Smart City Framework* yang mana di situ ada garis panduan, bermakna semua PBT boleh mengikut garis panduan dalam dasar itu sebagai *guide* untuk mereka membina atau membangunkan *smart city,* apa yang mereka rasa sesuai dengan kawasan mereka itu.

Jadi untuk Pengerang, ia adalah satu konsep industri di mana kita ada *Rapid development* di situ dan mereka akan bekerjasama dengan Petronas, dengan konsultan dan juga *PLANMalaysia*, *urbanize* dan juga KPKT dan kerajaan negeri untuk mulakan perbincangan, garis panduan dan apakah prioriti yang akan mereka laksanakan dalam pembangunan bandar *smart city* Pengerang.

Jadi kita amat berharap dengan adanya Pengerang ini telah *designated*-kan 300 ekar zon yang akan menjadi zon bandar pintar. Jadi setiap pembangunan yang akan masuk dalam zon ini akan berpandukan dengan konsep-konsep pintar seperti lampu, kamera dan juga *low carbon emission* dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana tidak pilih kasih dan membantu kawasan Pengerang walaupun di bawah Ahli Parlimen pembangkang... *[Tepuk]* Inilah yang kita nak, Menteri tidak pilih kasih.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, seterusnya ialah kita tahu bila bercakap tentang *smart city*, dua cabaran besar iaitu risiko teknologi- *technological risk* yang sentiasa berubah. Kemudian, risiko kewangan iaitu apa yang disebut sebagai *public funding,* dengan izin, dan *private financing*. Masalahnya ialah mendapatkan pelabur. Seperti kata Yang Berhormat Menteri, di kawasan Pengerang bersama Rapid mempunyai pelabur yang paling besar iaitu PETRONAS.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau rujuk kepada pelabur-pelabur yang hendak masuk ke *smart city* tertakluk kepada kawasan, apakah bentuk pelaburan swasta yang dilihat dalam bentuk apa, sebagai contoh *project financing* ke, *traditional loan and lease,* dengan izin, *vendor financing,* dengan izin, *consumption based financing,* dengan izin, *as a service financing,* dengan izin, *consentional financing,* dengan izin, *revenue share financing,* dengan izin, dan *equity financing.*

Ini adalah kerana bentuk-bentuk pelaburan inilah yang akan menggerakkan kejayaan dalam kewujudan *smart city* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Polisi atau kaedah kerajaan baharu ini memang lebih berkaedah untuk mencari pelaburan tanpa harus Kerajaan Pusat mengeluarkan dana yang kita pun dah berkurangan dana ketika ini. Jadi kita menggunakan konsep menggunakan pelaburan asing.

Jadi kita memang mengalu-alukan, memang banyak pelabur-pelabur yang akan masuk dari segi infrastrukturnya, dari segi *transportation*nya, dari segi *traffic light*, dari segi pencahayaan, ia semua konsep seperti saya sebut tadi, kita alu-alukan *whatever partnership whether it is project financing, equity financing, partnership whatever, we are open towards this concept so that* kita akan dapat manfaatkan kepakaran daripada luar dan juga kewangan daripada luar, *investment* daripada luar dan ini adalah satu pendekatan yang saya rasa amat sesuai ketika ini dan satu *partnership* yang bijak. *So, we have to start with smart partnership first before we going to smart city. So, therefore we minimize our investment and,* dengan izin, dan juga kita akan *increase productivity*. *Insya-Allah*, terima kasih.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya untuk Menteri adalah, adakah Menteri setuju maka sebuah bandar pintar tidak akan sempurna jika keselamatan penduduk serta harta benda mahupun awam ataupun swasta tidak terjamin. Sama ada CCTV akan dipasang di semua bandar pintar bagi tujuan ini kerana saya dapat tahu ada lima bandar perintis akan dimulakan sebagai bandar pintar, jadi ini adalah termasuk Johor Bahru. Ini adalah soalan saya. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Yang lima bandar itu adalah *pilot cities* yang kita mulakan program di situ. Akan tetapi keperluan sesebuah ataupun pembinaan bandar pintar itu akan bergantung pada keperluan masyarakat setempat. Jadi *it is a bottom's up approach* yang mana kita mendapatkan maklumat-maklumat daripada penduduk di kawasan situ, melihat apakah prioritinya.

**■1030**

Kalau *priority* di situ adalah mengenai keselamatan, kecurian dan sebagainya, sudah tentu CCTV yang menjadi pilihan utama. Sekiranya kalau lalu lintas di situ menjadi isu, jadi makanya trafik, *smart lighting is the issue.* Kalau gelap kita akan *go into LED, smart lighting* juga. *So,* jadi ini terpulang kepada kawasan itu sendiri. Jadi KPKT mengambil kaedah *approach bottom up, we have to engage the community* untuk mendapatkan maklum balas dan kita *design the smart city* mengikut kemahuan penduduk-penduduk di situ.

Namun demikian, *engagement with the community* adalah penting kerana tidak guna kalau kita ada *smart* sana, *smart* sini, kalau komuniti sendiri tidak tahu menggunakan *apps* ini atau kaedah-kaedah ini dan ia juga akan menjahanamkan. Jadi ianya lebih penting juga untuk kita memastikan bahawa komuniti setempat faham apa itu konsep *city,* dia faham bagaimana hendak menggunakannya dan dia faham bagaimana ia akan menaikkan, meningkatkan mutu hidup mereka dan juga mereka akan menikmati hidup yang jauh lebih selesa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua? Mustahak ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah sampai pada masa untuk menamatkan sesi waktu pertanyaan Menteri. Terima kasih kepada semua. Seterusnya.

***[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]***

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita bermula, boleh saya mengalu-alukan rombongan daripada *University of Swinburne*, Kuching, Sarawak ke Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang. Ya silakan.

**1.** **Tuan Cha Kee Chin [Rasah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, secara menyeluruh cara pelaksanaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak yang diumumkan baru-baru ini. Apakah justifikasi mewajibkan semua kanak-kanak yang ketinggiannya di bawah 135cm supaya menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kaedah pelaksanaan dan pemakaian Sistem Keselamatan Kanak-kanak ataupun *Child Restrain Seat* (CRS) dengan izin, telah digariskan dengan terperinci di dalam buku panduan yang telah dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau MIROS. Buku panduan ini antara lain merangkumi tiga komponen utama iaitu:

(i) garis panduan mengenai pematuhan produk CRS yang digunakan;

(ii) garis panduan mengenai cara pemakaian dan penggunaan CRS; dan

(iii) garis panduan pelaksanaan penguatkuasaan ke atas peraturan pemakaian CRS.

Secara umumnya produk-produk CRS yang akan digunakan hendaklah mematuhi peraturan dan pensijilan di bawah peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Regulation* (UNR44), dengan izin, atau UNR129. Secara ringkasnya UNR44 memberi panduan penggunaan produk CRS berdasarkan kumpulan atau kelompok berat kanak-kanak. Manakala UNR129 memberi panduan produk CRS berdasarkan ketinggian kanak-kanak. Produk CRS yang mempunyai pensijilan kedua-dua UNR ini akan sesuai untuk digunakan bagi kumpulan kanak-kanak di antara umur kelahiran sehingga berat dalam lingkungan 36 kilogram.

Dalam hubungan ini secara umumnya kanak-kanak yang mempunyai berat 36 kilogram ini adalah berada dalam kumpulan umur 12 tahun dengan lingkungan ketinggian 135 sentimeter (cm). Produk-produk CRS yang mematuhi UNR44 juga dikategorikan mengikut kepada kumpulan berat sebagai panduan dan memudahkan orang ramai memilih produk yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Begitu juga bagi produk yang mendapat pensijilan di bawah UNR129. Orang ramai boleh meneliti panduan produk untuk mengenal pasti CRS yang bersesuaian untuk anak-anak mereka berdasarkan anggaran ketinggian anak-anak.

Di samping itu had ketinggian 135cm dinyatakan di dalam peraturan CRS kerana bagi kanak-kanak yang melebihi ketinggian ini, mereka telah mempunyai saiz tubuh badan yang lebih sesuai untuk menggunakan tali pinggang keledar biasa yang sedia ada di dalam keadaan yang selamat. Ini kerana tali pinggang keledar tiga poin di dalam kenderaan adalah direka untuk penumpang dewasa dengan ketinggian 135 cm ke atas.

CRS telah direka khas untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak kerana mereka mempunyai tubuh badan yang masih di peringkat tumbesaran dengan struktur tulang yang masih belum matang. Oleh itu penggunaan CRS akan membolehkan tubuh badan kanak-kanak menahan daya hentaman dari impak kemalangan dengan lebih sempurna berbanding sekiranya hanya menggunakan tali pinggang keledar sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang agak menyeluruh tadi. Cuma saya menghargai *approach,* pendekatan daripada kerajaan untuk menjaga khasnya keselamatan anak-anak kita, kanak-kanak kita dalam perjalanan dalam kereta. Cuma satu, saya berpandangan bahawa kalau kita *classify*-kan ataupun kita tetapkan ketinggian 135 sentimeter ataupun 36 kilogram yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebagai hadnya. Apakah ia sebenarnya mengambil kira berat badan dan juga ketinggian orang barat, bukan rakyat Malaysia dan kalau *approach* ini kita laksanakan secara *straight,* ia mungkin tidak menggalakkan keluarga mempunyai anak kecil yang ramai.

Ini saya bercakap ini bukan setakat sebagai wakil rakyat, sebagai seorang bapa yang mempunyai ramai anak kecil. Jadi saya menghadapi masalah ini. Saya kena mengakui hakikat.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Betul, saya kena mengakui hakikat ini. Sebab, jadi saya mohon satu *approach* ini. Walaupun saya cukup menitikberatkan keselamatan anak-anak, kalau boleh anak-anak yang ketinggian dia 120 sehingga 135 sentimeter diberikan kelonggaran. Ada dia punya *optional.* Saya bersetuju kalau bawa 120 sentimeter ke bawah, memang wajib. Itu saya cukup bersetuju. Sebab bayangkan kalau keluarga itu, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ambil masa sikit. Bayangkan sekiranya keluarga itu ada empat anak di bawah kategori ini, kereta apa mereka hendak gunakan.

Tidak akan keluarga itu semua dengan *Alphard*. Saya terus terang saya cakap, walaupun sebagai Ahli Parlimen, saya tidak mampu beli *Alphard*, saya tidak ada *Alphard*.

Saya kena mengakui hakikat. Kalau setakat kereta biasa, kalau dia ada empat anak, dengan *car seat* itu penuh. Jadi saya mohon pertimbangan sebegini sebab kita kena fikir *approach* yang- pendekatan yang holistik untuk keluarga macam ini. Jadi saya minta maaflah. Bukan untuk lawan pendekatan daripada kerajaan, saya cukup menghargai komitmen kerajaan untuk menjaga kepentingan. Cuma saya harap ada *optional* itu. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tentang bagaimana atau kenapa dikenakan syarat ketinggian dan berat badan itu sebagaimana saya laporkan tadi ianya berlandaskan kepada kenyataan yang berbentuk saintifik bagaimana kerusi tertentu atau tali pinggang keledar tertentu lebih selamat untuk berat badan atau ketinggian badan yang tertentu. Jadi hal itu saya rasa amat teknikal dan kita boleh terus berbincang dengan pihak MIROS tentang apa yang mereka cadangkan itu. Akan tetapi berkaitan dengan isu...

**Seorang Ahli:** Satu lagi.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** ...Ramai anak-anak dan tempat duduk yang mungkin tidak boleh memuatkan empat atau lima kerusi-kerusi kanak-kanak ini dalam kerusi-kerusi tempat duduk kereta itu, saya suka melaporkan bahawa secara umumnya pendekatan Kementerian Pengangkutan dalam pelaksanaan dasar baru CRS yang akan bermula pada tahun hadapan ini adalah untuk memulakannya sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri pun maklumkan dalam penggulungan Bajet baru-baru ini, akan diambil pendekatan pendidikan, nasihat dan sebagainya.

Tidak akan ada tindakan-tindakan yang jelas dan keras ataupun disaman. Khusus untuk keluarga yang besar, saya boleh laporkan bahawa yang melibatkan keluarga yang besar akan diberikan pengecualian sekiranya di dalam sesebuah kenderaan tersebut tidak membolehkan CRS dipasang dalam bilangan yang sama dengan ramainya anak-anak kita.

Jadi kelonggaran akan diberikan dalam pelaksanaan ini memandangkan bahawa apa yang Yang Berhormat Rasah bimbang itu juga dalam pertimbangan kementerian kita yang sama ini. Jadi itu respons saya Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang kedua. Yang Berhormat Paya Jaras silakan. Yang Berhormat Paya Besar maaf saya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Jaras tempat lain. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memandang tinggi usaha kerajaan apabila hendak melaksanakan pada 1 Januari 2020. Cumanya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dengan pengangkutan awam, teksi, bas, LRT, MRT. Adakah anak-anak kecil ini juga diambil kira keselamatan mereka apabila mereka menggunakan pengangkutan awam.

**■1040**

Jangan kita hanya menggunakan pengangkutan persendirian sahaja sebab bagi saya, kita nak menggalakkan mereka menggunakan pengangkutan awam tetapi impak keselamatan kanak-kanak ini juga harus diberi perhatian. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Memang isu-isu yang dibangkitkan itu senantiasa dalam pemerhatian kementerian dan kita rasanya mulakan dengan kenderaan-kenderaan peribadi dahulu dan kemudiannya akan kita kembangkan. Sekarang ini pun dasar berkaitan dengan tali keledar untuk penumpang bas adalah dalam pertimbangan yang serius untuk dijadikan wajib.

Jadi, proses ini akan terus berjalan dan ini kita lakukan kerana statistik kita menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam kematian jalan raya bagi satu tahun yang melibatkan kanak-kanak mati akibat kemalangan jalan raya ialah dalam lingkungan 14 peratus ke 15 peratus. Jadi, jumlahnya agak besar. Daripada sekitar 7,000 yang mati hasil kemalangan jalan raya, sekitar 15 peratus melibatkan kanak-kanak. Jadi, ini akan terus diberikan perhatian yang serius. Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, secara ringkas. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan berhasrat untuk membekalkan kerusi keselamatan kanak-kanak ini secara percuma kepada golongan B40, keluarga OKU dan lain-lain lagi keluarga yang susah kerana sudah pasti mereka akan terbeban khususnya jika jumlah anak yang ramai. Saya bagi contoh, pihak PERODUA pernah menawarkan harga RM660 kerusi bayi dan RM780 kerusi kanak-kanak. Jadi, ini perkara yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Ini pun dalam perhatian kita. Saya boleh laporkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah pun mendapat kelulusan untuk duti import CRS ini dikosongkan, *zero import duty* daripada sekitar saya dimaklumkan 30 peratus. Kemudian, cukai SST pula telah dipersetujui diturunkan daripada 10 peratus ke lima peratus. Jadi, proses ini dalam proses pewartaan sebelum ia dilaksanakan pada tahun hadapan.

Juga berkaitan dengan golongan OKU, saya dapat laporkan bahawa setakat ini telah terdapat pihak swasta yang telah memberikan subsidi pembelian kerusi kanak-kanak ini kepada golongan yang kurang berkemampuan. Ini akan terus menerus juga menjadi dasar kementerian untuk menggalakkan lagi penjualan kerusi-kerusi ini yang semurah mungkin untuk kepentingan rakyat kita di Malaysia ini.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh* dan selamat pagi. Sebelum itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini adalah tetamu-tetamu dari Parlimen Permatang Pauh. Dewan dengan ini mengalu-alukan kehadiran mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang.

**2.** **Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, apakah status terkini pelaksanaan projek menaik taraf lima loji rawatan air (LRA) di Kedah bagi menangani krisis bekalan air pada musim kemarau.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatauh.* Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan lima projek membaik pulih dan menaik taraf loji rawatan air yakni LRA melibatkan peruntukan berjumlah RM931 juta seperti berikut, ada lima:

(i) menaik taraf LRA Pelubang daripada 227 juta liter harian kepada 454 JLH

(ii) membaik pulih LRA Lubuk Buntar Lama berkapasiti 34 JLH

(iii) menaik taraf LRA Jenun Baru daripada 55 JLH kepada 110 JLH

(iv) menaik taraf LRA Bukit Selambau daripada 30 JLH kepada 70 JLH dan akhir sekali;

(v) menaik taraf LRA Bukit Sungai Limau daripada 18 JLH kepada 40 JLH

Memandangkan peruntukan untuk projek ini adalah dalam bentuk pinjaman, maka pelaksanaan projek ini adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Kementerian ini dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek-projek ini mengalami kelewatan di mana proses tender hanya akan dibuat pada Januari 2020. Manakala pengeluaran surat setuju terima dijangka dapat dikeluarkan pada April 2020 dan projek ini dijangka siap pada tahun 2023. Kementerian ini ingin memohon kerjasama Kerajaan Negeri Kedah untuk memberi keutamaan terhadap pelaksanaan projek-projek ini bagi memastikan kelangsungan bekalan air terawat yang mampan bagi penduduk negeri Kedah. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang dasar Kerajaan Pusat berdasarkan Akta 655 terhadap konsesi di lima loji tersebut dengan penswastaan oleh Air Utara Indah, dan juga, apakah SPAN akan membenarkan konsesi ini disambung selepas tamat pada tahun 2020? Sekian.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya tak ada maklumat itu dan saya akan jawab secara bertulis.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya nak memberi sedikit sahaja soalan tambahan. Projek ini sebenarnya telah dimaklumkan sejak tahun ini beberapa kali. Cuma, adakah itu status sebenar sebab tadi disebutkan bahawa dalam bentuk pinjaman. Dalam sidang perbahasan yang lepas, Yang Berhormat Menteri sendiri ada menyatakan bahawa telah ditukar kepada geran. Jadi, status pertukaran kepada geran dan juga status pelaksanaan projek yang sebenar-benarnya itu boleh tak? Sebab ini melibatkan seluruh rakyat negeri Kedah. Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Apa yang saya ingin jelaskan di sini, kementerian memberi tarikh akhir sehingga 31 Disember 2019 kepada Kerajaan Negeri Kedah. Sekiranya ada *migration* dengan izin, ataupun pengusutan semula bentuk pinjaman, pinjaman ini akan menjadi geran tetapi dia akan dimasukkan ke dalam PAAP. Dia ada lanjutan persefahaman antara kerajaan negeri. Itu yang saya boleh jelaskanlah. Terima kasih.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Sekuntum seroja tepi telaga;*
*Soalan saya nombor tiga.*

**3.** **Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk terus membantu warga FELDA bagi mengurangkan beban hidup warga peneroka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Kena *turn* saya, ada sahaja pantun.

*Sorong papan dalam telaga:*
*Ini jawapan nombor tiga.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang FELDA berdasarkan Kertas Putih yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019. Secara keseluruhannya, sebanyak RM6.23 bilion telah diperuntukkan kepada FELDA dalam bentuk geran, pinjaman dan jaminan kerajaan yang disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif. Sebahagian besar daripada peruntukan ini telah dan akan digunakan bagi meningkatkan taraf hidup warga peneroka. Ini termasuklah inisiatif berikut:

(i) Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA atau PGBF. Peruntukan sebanyak RM250 juta untuk PGBF bagi menyiapkan sebanyak 4794 unit rumah yang tahap kemajuannya telah mencapai 70 peratus dan ke atas. Sehingga hari ini, 1,698 unit telah disiapkan sepenuhnya dan baki selebihnya akan disiapkan secara berperingkat selewat-lewatnya pada akhir tahun 2020.

Penyiapan projek terbengkalai ini akan memberikan manfaat langsung kepada generasi baharu FELDA

(ii) Program Pembangunan Peneroka. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Peneroka atau PPP untuk tempoh empat tahun. Peruntukan ini telah dan akan digunakan untuk meningkatkan inisiatif bagi menjana pendapatan baharu melalui diversifikasi tanaman dengan mengenal pasti tanaman baharu yang sesuai dan mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat serta berpotensi menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten

**■1050**

Selain itu, FELDA sedang meneliti ternakan yang sesuai diusahakan oleh warga peneroka. Inisiatif ini akan memperkasakan generasi FELDA dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada hasil sawit dan getah semata-mata.

Ketiga, penggunaan teknologi terkini. FELDA bergerak ke arah penggunaan teknologi terkini berasaskan pertanian pintar atau *smart farming* melalui pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam bidang perladangan. Penggunaan mekanisasi dan automasi akan diperluas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan ketirisan pengeluaran. Di samping itu, sistem pemantauan tanaman yang efektif juga akan diwujudkan.

Keempat, pemerkasaan koperasi FELDA. Kaedah pengurusan ladang akan diperbaharui melalui penglibatan aktif koperasi peneroka di setiap rancangan FELDA. Pengurusan ladang peneroka oleh koperasi secara berskala besar mampu meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dan mengurangkan kos operasi. Keuntungan koperasi secara langsung akan dapat dinikmati oleh peneroka melalui pemberian dividen secara konsisten.

Kelima, penghapusan faedah hutang peneroka. Merasai denyutan nadi peneroka, kerajaan bersetuju untuk menghapuskan kadar faedah di atas pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil melalui peruntukan yang disebut semasa membentangkan Kertas Putih iaitu sebanyak RM2 bilion. Sebanyak RM300 juta telah disalurkan kepada FELDA pada tahun 2019 dan jumlah yang sama akan disalurkan pada tahun 2020.

Keenam, penggabungan tanah. Program penggabungan tanah peneroka dapat memberi implikasi positif ke arah peningkatan produktiviti melalui ekonomi bidangan dan pengurusan ladang yang cekap dan efektif. Pengenalan model baharu ini akan membolehkan tanah peneroka diusahakan secara cekap berskala besar dengan ekonomi bidangan yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

Pada masa yang sama peneroka tidak akan kehilangan hak milik kerana FELDA hanya mengurus ladang sahaja. Melalui program ini, peneroka tidak perlu memikirkan tanggungan beban hutang tanam semula seperti pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil dan kos pembangunan ladang. Program-program ini dijangka dapat memberi manfaat secara langsung kepada peneroka yang seterusnya akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih. Apa yang saya tanya, rasa saya telah dijawab. Cuma saya hendak tahu, kalau boleh secepat mungkin dilaksanakan terutama sekali dalam penanaman tanaman kontan. Maksud saya ini akan menjana pulangan kepada peneroka-peneroka yang masih tertanya-tanya, kenapa tanah terbiar dan mereka hendak usahakan tetapi ada pihak yang menentang misalnya untuk dijadikan tanah-tanah terbiar ini sebagai sebuah estet. Saya dapat tahu bahawa ada sebilangan peneroka yang tidak bersetuju.

Jadi, mereka lebih suka sekiranya diberikan kepercayaan untuk mereka mengusahakan tanah terbiar ini. Pada saya, oleh kerana harga sayur dan sebagainya telah meningkat, jadi kalau diberikan sedikit modal kepada peneroka-peneroka ini, mungkin melalui koperasi juga dapat mereka usahakan bersama dan ini akan menambah pendapatan mereka dan rasa saya satu cara yang baiklah. Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Jadi, adakah pihak FELDA bersetuju dengan cadangan daripada separuh peneroka? Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti mana saya nyatakan sebentar tadi, Program Pembangunan Peneroka (PPP) ini melibatkan penglibatan peneroka dalam tanaman kontan khususnya dan dapat memberikan hasil dalam tempoh yang singkat supaya ianya dapat menjana aliran tunai yang boleh dimanfaatkan oleh peneroka.

Buat masa ini, pihak FELDA sedang berusaha keras supaya program ini dapat dilaksanakan dengan baik dan cemerlang dan pada masa ini, telah diadakan projek rintis di FELDA Bukit Rokan dengan keluasan seluas 77 ekar, melibatkan pelbagai plot, pelbagai jenis tanaman di Bukit Rokan dan akan diperluaskan dan ini lah antara penekanan yang diberikan oleh pihak FELDA.

Saya sendiri baru duduk dengan pengurusan FELDA semalam tiga jam bersama pengurusan FELDA untuk mendapat perkembangan terkini dan mereka sedang berusaha keras untuk memastikan RM1 bilion yang diperuntukkan untuk PPP ini dapat digunakan sebaiknya bagi memberikan impak yang cukup positif kepada peneroka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya bersimpati dengan Yang Berhormat Sepang kerana kesejukan... *[Dewan ketawa]* Begitu juga keletihan. Saya *aircond* atas kepala Tuan Yang di-Pertua. Atas kepala lagi sejuk.

Pada 18 Julai 2018 yang lalu, FELDA ada menyatakan dana khas pelajar cemerlang universiti ke luar negara tidak dapat diteruskan kerana kekangan kedudukan kewangan yang sedang dialami oleh FELDA. Sebelum ini, pihak FELDA menyediakan bantuan mahasiswa sebanyak RM500 ribu ke RM800 ribu sepanjang tempoh empat tahun pengajian. Mengapakah biasiswa ini ditamatkan sedangkan ia merupakan satu inisiatif untuk mengurangkan beban hidup warga peneroka dan apakah tindakan dilakukan untuk menggantikan peruntukan ini? Adakah pihak FELDA sendiri akan terus mengembalikan balik dana ini kerana mereka-mereka dan anak-anak mereka ini hendak meneruskan pelajaran ke luar negara tidak lagi dapat untuk meneruskan?

Keduanya, adakah pihak FELDA telah memuktamadkan jumlah ataupun penyata hutang peneroka ini? Oleh kerana, sampai ke hari ini peneroka khususnya di Palong dan Serting masih lagi tidak dapat penyata akhir yang dijanjikan oleh pihak FELDA. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Dua soalan ya. Saya jawab soalan kedua terlebih dahulu berkaitan dengan penyata hutang kerana ini saya baru dapat *update* daripada pihak FELDA dalam mesyuarat lepas. Penyata hutang ini mereka sedang usahakan untuk siapkan keseluruhan penyata hutang ini, ada beberapa kawasan atau wilayah yang mana telah di peringkat akhir. Akan tetapi *insya-Allah* dalam masa terdekat penyata hutang ini dapat disiapkan supaya kita ingin peneroka-peneroka merasa selesa bahawa mereka mempunyai maklumat yang jelas tentang berapakah baki sebenar hutang yang masih ada. Jadi, pihak FELDA di peringkat akhir untuk menyiapkan penyata hutang ini.

Soalan pertama tadi berkaitan dengan dana untuk pengajian ke luar negara. Pertama sekali, apabila kita ambil laih kerajaan seperti mana Yang Berhormat sedia maklum yang kita bentangkan dalam Kertas Putih daripada berbilion-bilion tunai FELDA yang tinggal dalam akaun pada waktu itu hanya RM35 juta. Itu pun belum ditolak lagi liabiliti semasa yang perlu dibayar. Kalau ditolak pada waktu itu negatif. Jadi, itu lah antara asas keputusan FELDA bahawa FELDA menghadapi satu kekangan kewangan di mana apa yang perlu ditekankan adalah inisiatif-inisiatif untuk memastikan FELDA ini dapat dipulihkan. Jadi, pada waktu itu kita membuat keputusan supaya dana ini tidak diteruskan atas sebab kekangan kewangan. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Pertama sekali saya minta perhatian supaya daripada PGBF yang disebutkan tadi hingga setakat ini ada 3 ribu rumah lagi yang belum disiapkan. Saya jangka tidak akan dapat disiapkan dalam tahun ini sebagaimana disebut tadi. Sebab di antara yang saya monitor masih langsung tidak berjalan lagi dan saya minta perhatian serius dalam soal ini.

Soalan yang kedua ialah soal, apakah FELDA bersedia untuk menyediakan tapak rumah- bukan menyediakan rumah, menyediakan tapak rumah kepada generasi kedua, ketiga sebagaimana projek rintis yang telah pun dibuat di kawasan gugusan Bera dan saya fikir ini satu mekanisme yang boleh dibuat bagi mengurangkan kos kepada generasi kedua, ketiga di FELDA. Mohon pertimbangan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Pertama sekali berkaitan dengan PGBF. Kita kena faham bahawa PGBF ini ada banyak peringkat di mana peruntukan yang diberikan kepada FELDA, dalam sebab itu kerajaan membentangkan Kertas Putih adalah untuk menyiapkan projek-projek yang telah 70 peratus ke atas. Jadi, bukannya untuk projek yang baru naik tiang dan sebagainya, tidak.

**■1100**

Peruntukan tersebut adalah untuk projek 70 peratus dan ke atas. Oleh sebab itulah saya sebut tadi bakinya kita jangka akan dapat disiapkan dalam tahun 2020 sebab hampir semua projek ini sudah siap 70 peratus dan ke atas. Ada sudah lebih daripada 90 peratus kerana apa yang berlaku sebelum ini, saya sudah jelaskan dalam jawapan bertulis saya sebelum ini bahawa kerajaan sebelum ini telah janjikan pada tahun 2013 untuk menyiapkan sejumlah yang besar tetapi tidak diberi peruntukan.

Jadi sebab itulah projek-projek ini terbengkalai. Maka apabila kita mengambil alih kerajaan, kita dapati *the low hanging fruits,* dengan izin, adalah rumah-rumah yang terbengkalai 70 peratus ke atas dan memerlukan suntikan sebanyak RM250 juta iaitu lah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan. Jadi bukan untuk semua keseluruhan projek PGBF, peringkat pertama adalah untuk 70 peratus ke atas.

Kedua berkaitan dengan tanah tadi, sepertimana yang saya maklumkan dalam jawapan saya sebelum ini bahawa FELDA pada ketika ini sedang melihat keberkesanan projek PGBF ini. Bagaimana projek PGBF ini berkesan memberi manfaat kepada generasi baru FELDA supaya sebarang keputusan berkaitan dengan perumahan generasi baru FELDA ini dipertimbangkan secara mendalam. Kita perlu ingat dalam konteks pemberian tanah dan sebagainya antara kos utama adalah kos-kos infrastruktur.

Jadi itulah FELDA kena dalami sebelum membuat sebarang keputusan kerana kita tidak mahu apa yang berlaku sebelum ini akan terjadi lagi pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

**5.** **Tuan Lim Lip Eng [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan, bila kerajaan akan menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian bagi menyekat polemik berkaitan agama dan kaum yang dilihat semakin meruncing di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kepong tapi sebelum itu saya hendak jawab dulu Yang Berhormat Jempol *[Ketawa]* Boleh Yang Berhormat Jempol? Saya hendak jawab dengan satu pepatah Arab lah, mungkin kalau dia tidak faham saya terjemah lah, tidak apa lah.

Ada seorang penyair Mesir nama dia Mahmoud Sami el-Baroudi, dia kata... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Saya tidak peduli dengan tuduhan itu walaupun saya banyak jawapan yang boleh dibagi'. Tidak faham tidak apalah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jawab merapu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal satu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri kasihan kontraktor tiap-tiap hari dia buat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal satu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Anti Diskriminasi sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2004. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, kami tidak mahu dituduh sebagai kerajaan *legistative busybody.*

Izinkan saya *quote* Yang Berhormat Kepong, apa dia aduan yang diberikan, yang dilemparkan kepada King George III semasa pengisytiharan *Declaration of Independence*, '*he has erected a multitude of new offices, and sent Hither swarms of officers to harass our people, and eat out their substance*'. Jadi kita juga kerajaan yang baharu ini tidak bercadang untuk terlibat dalam *over regulation.*

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan agar cadangan draf-draf undang-undang yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara disemak semula. Ekoran dari hasil semakan dan penelitian, kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kementerian Agama dan Kaum diperkukuhkan di bawah Kanun Keseksaan yang ada beberapa seksyen, seksyen 29(8A), seksyen 505C. Mungkin Yang Berhormat Jempol mungkin tidak tahu.

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, kerajaan juga bagaimanapun bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu Akta Suruhanjaya Bebas melalui Rang Undang-undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional- *National Harmony and the Reconciliation Commission Bill* dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada yang telah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara.

Pada tahun 2014, dengan mengambil kira kewujudan lain-lain model suruhanjaya serta bidang kuasa seperti yang terdapat di negara yang lain. Sebuah jawatankuasa teknikal yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan berkaitan telah ditubuhkan untuk meneliti dan memperhalus cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional, sama ada cadangan tersebut mempunyai pertindihan dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 atau sebaliknya sebelum mengemukakan berapa syor kepada kerajaan untuk mempertimbangkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional. Sekian terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan pertama saya, bilakah kerajaan akan melaksanakan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian. Tempoh anggaran, tahun depan kah ataupun tahun 2021? Soalan kedua, sebelum akta baharu itu diwujudkan, apakah akta atau undang-undang sedia ada kerajaan boleh guna untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa yang menghasut isu perkauman dan agama, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas soalan tambahan ada dua. Pertama, tentang cadangan untuk menubuhkan Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kerajaan dalam proses libat urus. *Insya-Allah* saya difahamkan akan selesai dalam hujung tahun ini. Kemungkinan dalam bulan awal tahun depan mungkin akan ada satu pembentangan Memorandum Jemaah Menteri.

Selepas itu kalau tidak ada apa-apa, semuanya berjalan dengan okey, dalam perancangannya mungkin dalam tahun depan akan diadakan satu undang-undanglah. Tentang soalan kedua, tentang undang-undang sedia ada untuk makluman Yang Berhormat telah ada beberapa pertuduhan. Antaranya di bawah seksyen 289A, 505C Kanun Keseksaan. Di mana kalau kita lihat kepada seksyen 233, Akta Komunikasi dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan menghina agama dan sebagainya saya hendak bagi contoh Yang Berhormat, dalam seksyen 298A, Kanun Keseksaan, mahkamah boleh tidak memberikan jaminan.

Walaupun kesalahan itu ada budi bicara tetapi mahkamah boleh dalam keadaan tertentu tidak memberikan jaminan dan kalau kita lihat seksyen 298A itu ia satu seksyen yang memang boleh kata kalau kita kena dakwa itu *it's a big difficult for us to be discharged* sebab ia satu seksyen yang boleh katakan ia perangkap semua tempatlah. Orang Arab kata... *[Berucap dalam bahasa Arab]* tidak ada tempat hendak lari sudah. Jadi, itu contohlah.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, untuk orang-orang yang di luar sana, saya hendak beritahu jangan terlibat dalam menghina agama dan sebagainya termasuk ahli-ahli politik yang suka *instigate* ini daripada pihak sana khususnya. Jangan ingat tidak kena. Suatu hari nanti kena jangan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat pun sama apa ini tengok Tanjong Piai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tanjong Piai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Pontian, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Tiga akta ini sepatutnya dibentangkan pada tahun 2004 tapi ditangguhkan kerana kita rasakan sudah ada Akta Hasutan 1948, Akta 15 dan Kanun Keseksaan, Akta 574 terutama seksyen 298.

Saya ingin bertanya akibat daripada penghinaan Raja, Nabi, kaum, bendera, Jawi, tentera segala-galanya dihina. Promosi ideologi komunis misalnya terutama dalam media sosial dalam program-program, adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan Akta Hasutan dang mengikut *Buku Harapan* muka surat 77, Janji 27 saya ingin mencadangkan supaya Pakatan Harapan buat *U-turn.* Jangan mansuhkan Akta Hasutan.

Apakah pandangan tentang penghapusan Akta Hasutan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian yang suruh buat *U-turn* itu kami bukan macam Yang Berhormat Barisan Nasional lah. Jadi kami tidak akan membuat *U-turn insya-Allah.* Kami dalam proses untuk mansuhkan tetapi kami akan mengkaji betul-betul.

Jadi, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sudah biasa buat *U-turn*, jangan suruh orang lain buat *U-turn* juga terima kasih sekian. Jadi tentang Yang Berhormat kata tadi ada tiga rang undang-undang itu, saya hendak beritahu Yang Berhormat itu sebenarnya memang asal...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Memang begitu asalnya, Yang Berhormat Mujahid daripada Parit Buntar masa itu ditugaskan untuk terlibat dalam merangka undang-undang itu.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Dia kesejukan biar *pi* ikut dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Akan tetapi saya beritahu Yang Berhormat itulah yang dulunya *U-turn* daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional. Asalnya hendak hapuskan Akta Hasutan tiba-tiba bila sudah buat semua tidak jadi *U-turn*. Itulah *U-turn* yang paling *excellent.* Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang paling teruk sekali *U-turn Manifesto* semua tidak tunai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tanjong Piai kenyataan rasis.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Burung pipit terbang di awan;*
*Terbang waktu matahari terbenam;*
*Wahai Menteri yang tampan lagi menawan;*
*Saya kemukakan soalan nombor enam.*

6. **Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara dan bagaimanakah ianya mampu meningkatkan pendapatan per kapita.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Hendak kena fikir pantun memanjang.

*Buah ceri, buah namnam;*
*Ini jawapan nombor enam... [Dewan Ketawa]*

**■1110**

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi negara kekal stabil di pacu oleh permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi negara berhadapan dengan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan. Gangguan terhadap rantaian bekalan global yang berpunca daripada konflik perdagangan yang berpanjangan antara ekonomi utama dunia, ketegangan politik, kelembapan pasaran elektronik serta ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan komoditi global dijangka mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Secara keseluruhannya, walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani, antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti.

Selain itu, sebahagian besar industri di Malaysia masih bergantung kepada perdagangan komoditi mentah yang tidak mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta kurang menghasilkan produk baru. Industri sedia ada juga terlalu bergantung kepada pekerja asing dan hanya 37 peratus daripada industri dalam sektor pembuatan dan 20 peratus dalam sektor perkhidmatan mengguna pakai teknologi tinggi. Kebergantungan kepada pekerja asing yang tinggi telah memberi tekanan kepada kadar gaji dan upah pekerja di negara ini.

Bagi menangani isu dan cabaran ini, kerajaan telah merangka strategi yang lebih holistik seperti mana yang telah dibentangkan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Antara strategi jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat dan kuasa beli rakyat adalah melalui penstrukturan semula ekonomi. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk menarik pelaburan yang berkualiti yang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, usaha akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Kerajaan akan terus meningkatkan inisiatif pendigitalan dan penerima gunaan teknologi secara lebih meluas, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Di samping itu, bagi merapatkan jurang antara wilayah, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara, terutama ke negeri yang kurang membangun. Kerajaan akan melaksanakan pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hotspots* di setiap negeri. Usaha ini bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat ekonomi yang mampan.

Bagi memastikan perancangan pembangunan ini lebih holistik dan inklusif, kementerian telah melaksanakan sesi libat urus bersama semua kerajaan negeri sebagai pendekatan baharu yang diambil dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ke arah pelaksanaan WKB 2030 pada tahun 2021, kerajaan melalui Belanjawan 2020 telah merangka strategi jangka pendek bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

Antara strategi yang diambil, termasuk menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi pelaburan, mengukuhkan kepelbagaian ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Dalam memastikan pengurusan fiskal yang cekap dan berkesan, kerajaan akan menumpukan kepada perbelanjaan yang lebih produktif yang memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Justeru, kerajaan mensasarkan untuk mengimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan pengukuhan fiskal melalui penetapan sasaran defisit fiskal sebanyak 3.4 peratus kepada KDNK dengan jangkaan pertumbuhan KDNK yang mampan sebanyak 4.7 peratus pada tahun ini dan 4.8 peratus pada tahun hadapan.

Bagi memastikan sasaran pembangunan negara tercapai, kerajaan sedang memperincikan Dasar Strategi dan Inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-12. Kerajaan yakin melalui dasar yang lebih holistik di bawah WKB 2030 dan pelaksanaan yang lebih efektif di bawah RMKe-12, pendapatan dan kuasa beli rakyat akan dapat dipertingkatkan bagi membolehkan seluruh rakyat Malaysia mengecap satu kehidupan yang wajar menjelang tahun 2030. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan panjang lebar, mudah-mudahan kita berdoa dapat diterjemahkan. Soalan tambahan, adakah kementerian berhasrat untuk membantu secara khusus kepada untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar? Oleh sebab pada waktu ini, masa ini masyarakat kampung berhadapan dengan tekanan. Tekanan ekonomi, tekanan kos sara hidup yang tidak menentu. Kalau ya, apakah mekanisme dan juga pendekatan yang diguna pakai oleh kerajaan, strategi yang lebih komprehensif untuk memastikan bahawa ekonomi seimbang di antara wilayah dapat diterjemahkan? Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan peningkatan pendapatan masyarakat luar bandar. Dalam objektif kedua WKB 2030, terdapat empat komponen utama dalam konteks jurang ekonomi yang akan diusahakan oleh kerajaan supaya ianya dapat dirapatkan. Antara jurang ekonomi yang jelas adalah jurang ekonomi antara wilayah. Di mana jika kita lihat data menunjukkan bahawa 40 peratus pembangunan ekonomi negara ataupun KDNK negara bertumpu di Kuala Lumpur dan Selangor.

Jadi oleh yang demikian, melalui WKB 2030 kerajaan seperti mana saya sebut tadi ingin melihat, mengkaji dengan lebih mendalam supaya dapat diwujudkan *economic hotspots* di kawasan-kawasan luar bandar bagi memastikan supaya penduduk di seluruh negara, khususnya di luar bandar mendapat manfaat dari pembangunan ekonomi.

Untuk memastikan bahawa kita menggembleng sepenuhnya kebolehan masyarakat luar bandar, khususnya dalam bidang pertanian. Maka, penekanan seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberikan kepada pertanian yang menggunakan teknologi tinggi supaya nilai produktiviti yang dikeluarkan dapat ditingkatkan dan hasil juga dapat ditingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Oleh yang demikian, kita berharap dengan usaha-usaha kerajaan merapatkan jurang ekonomi antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar ini, maka masyarakat luar bandar akan dapat manfaat yang cukup besar daripada Wawasan Kemakmuran Bersama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, semalam saya membaca laporan media menyatakan keuntungan Petronas merosot, berkurangan. Saya rasa bimbang, tiap-tiap tahun berpuluh bilion kerajaan menerima peruntukan dividen daripada Petronas. Seandainya pendapatan Petronas menurun-menurun-menurun, apa jaminan masa hadapan ekonomi Malaysia? Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, kita cukup yakin dengan kepimpinan di Petronas dalam usaha mereka untuk memastikan hasil atau pendapatan Petronas akan terus dapat ditingkatkan. Turun naik pendapatan dalam konteks perniagaan ini merupakan sebahagian daripada proses perniagaan dan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penurunan ataupun kenaikan.

Jadi, dengan kebolehan dan kepimpinan pengurusan Petronas, kita yakin bahawa Petronas akan terus menjadi sebuah institusi yang mampan dan akan terus dapat membantu negara dalam mencetuskan pembangunan ekonomi yang lebih cemerlang. Sekian, terima kasih.

**7.** **Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, mengikut kajian, nyamuk mampu membiak walaupun di dalam rumah dan di antara langkah-langkah yang diambil dengan menggunakan *water based fogging* dengan melakukan semburan di dalam rumah. Walaupun begitu *American Cancer Society* menyatakan produk yang digelar *water based* tersebut mempunyai agen aktif yang dikenali sebagai Karsinogenik yang mampu memudaratkan individu dengan penyakit kanser. Jadi apakah tindakan kementerian terhadap isu ini dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam Sejahtera... *[Membaca sepotong doa]*

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini pernah dibahas semasa penggulungan bajet tetapi oleh kerana soalan-soalan dikemukakan lebih awal, maka ianya timbul kembali. Saya jawab sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Batu, semua racun yang digunakan oleh pihak Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah racun yang telah berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak di bawah Jabatan Pertanian. Racun-racun tersebut ada disertakan dengan *Medical Safety Data Sheet* (MSDS) yang berkaitan. Setiap semburan perlu mengikut SOP yang ditetapkan, di mana sepatutnya tiada penghuni berada di dalam rumah semasa semburan *indoor* dijalankan.

**■1120**

Pendedahan kepada orang ramai adalah amat minima semasa aktiviti *fogging* dijalankan. JKAS telah menghentikan penggunaan *Aqua Resigen* dalam aktiviti *fogging.* Untuk tiga tahun kebelakangan JKAS telah menggunakan *Aqua K-Othrine* sejenis *pyrethroid* yang bahan aktifnya terdiri daripada *deltamethrin* yang diguna untuk semburan di dalam rumah. Sehingga kini, tiada bukti menunjukkan *deltamethrin* sebagai penyebab mutasi atau karsinogenik kepada sel-sel haiwan yang diuji di dalam dan di luar makmal. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, dakwaan bahawa *Aqua Resigen* sebagai karsinogenik masih tiada bukti yang kukuh. Mohon Yang Berhormat Batu menyerahkan maklumat tersebut ke pejabat saya untuk diteliti.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, *the American Cancer Society* pernah mendakwa bahawa ia boleh menyebabkan kanser tetapi kesnya telah dibawa ke mahkamah dan dapatan *the American Cancer Society* itu dipertikaikan kerana mereka menggunakan satu kadar *dilution* ataupun *concentration* yang terlalu tinggi. Penggunaan yang digunakan di DBKL dan di Malaysia adalah hanya 1:100 iaitu lebih kurang hanya satu peratus sahaja. Akan tetapi ujian yang dilakukan oleh *the American Cancer Society* adalah lebih tinggi dan bila digunakan kimia dengan *dosage* yang terlalu tinggi, memang hampir semua kimia akan menjadi bahaya kepada manusia ya. Terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan. Di sini saya ingin membahaskan bahawa statistik kes denggi di Kuala Lumpur telah pun menaik, *has increased tremendously,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kuala Lumpur telah naik 118.5 persen dan juga antara Parlimen yang paling tinggi adalah Batu.

Di sini saya ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa produk yang digunakan oleh DBKL ini, adakah perkara itu tidak berfungsi lagi. Adakah kementerian ada cadangan untuk menukar produk tersebut supaya lebih efektif oleh sebab kadar yang meningkat ini bukan kadar yang sedikit tetapi terlalu besar. Untuk makluman Kuala Lumpur adalah nombor dua tertinggi kes denggi. Mohon penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya rasa setakat ini kita cuba menggunakan pendekatan dan kaedah serta bahan yang terbaik yang diketahui oleh pihak yang berwajib iaitu kita pun telah cuba pelbagai kaedah dan sebagainya. Akan tetapi kita tidak boleh nafikan bahawa masalah denggi ini bukan bergantung kepada hanya jenis racun ataupun kimia yang digunakan semasa *fogging* tetapi ia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan *lifestyle*, persoalan menjaga kebersihan dan usaha pendidikan yang menyeluruh melibatkan penduduk itu sendiri ya.

Namun demikian kalau pihak Yang Berhormat Batu mempunyai kaedah dan bahan yang lebih berkesan kita sentiasa terbuka kerana kaedah dan bahan yang digunakan bukan mempunyai apa-apa kepentinganlah mana-mana pihak dalam penggunaannya tetapi ia dianggap yang terbaik akan tetapi kita sentiasa terbuka kepada cadangan daripada mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan kaedah semula jadi seperti pemeliharaan ikan gupi yang kecil-kecil itu, yang makan telur nyamuk dan juga kempen kebersihan mungkin boleh ditingkatkan dan oleh sebab isu denggi ini isu menyeluruh di seluruh negara. Kita boleh memanfaatkan dengan hidupan semula jadi yang boleh membantu untuk mengurangkan pembiakan nyamuk ataupun kuman daripada nyamuk aedes ini. Minta penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita seperti mana yang saya sebutkan tadi memang terbuka kepada semua cadangan. Seperti mana yang kita semua tahu masalah denggi ini bukan masalah yang baharu ia berpanjangan dan kempen-kempen kebersihan memang kita lakukan berkali-kali. Pihak Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL mempunyai berbagai program setiap kali adanya kes denggi di mana-mana tempat yang dianggap sebagai kawasan *hot spot,* maka terus turun buat pemeriksaan, buat usaha pendidikan dan sebagainya.

Kaedah semula jadi dengan menggunakan ikan, menggunakan katak, menggunakan serangga-serangga yang lain untuk memerangi nyamuk aedes ini pun sedang dikaji dan *insya-Allah* kita doakan adanya pendekatan yang bersepadu dengan sokongan rakyat jelata, maka masalah ini dapat kita kekang dan dapat kita tangani. Terima kasih.

**8. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membendung gejala jenayah seksual seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat dan LGBT yang semakin berleluasa dalam masyarakat hari ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]:**

*Cantiknya rumah siapa empunya;*
*Kereta besar apa jenama;*
*Terima kasih Sik sudi bertanya;*
*Isu ini kita tangani bersama.*

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sangat relevan. Kerajaan hari ini melihat keseluruhan gejala sosial yang disebutkan dalam soalan ini sebagai satu tanggungjawab bersama bagi kita melihat berbagai-bagai pendekatan yang lebih holistik dalam menyelesaikan. Pendekatan itu sama ada ia bersifat pendekatan secara advokasi, menyedarkan mereka, sama ada pendekatan itu pencegahan mahupun pendekatan itu bersifat kita panggil *islahi* ataupun kita membetulkan gejala hidup yang merosakkan ini dengan nasihat, pemulihan dan sebagainya.

Kerajaan amat tegas dalam hal ini khususnya apabila ada suara-suara sumbang yang menyebut tentang hak LGBT dan sebagainya. Saya ingin menyebut cukup untuk saya memberikan penegasan itu melalui kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 September 2018 yang menyatakan tentang Malaysia tidak mungkin menerima gaya hidup ini kerana ia bercanggah dengan sifat fitrah dan perlunya institusi perkahwinan bagi membentuk sebuah masyarakat yang normal.

Begitu juga pada 16 Jun 2019 di *Cambridge Union,* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutnya. Begitu juga yang terkini pada 21 November dalam pelancaran Program Sidang Kemuncak Kuala Lumpur yang akan diadakan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun menyatakan sekali lagi bahawa untuk kembali kepada sistem institusi keluarga dan perkahwinan yang telah ditetapkan.

Bagi menjawab soalan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan. Pertama ialah melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) yang bermesyuarat pada 13 Jun 2019, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kita telah membentang satu apa yang kita namakan sebagai pembangunan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) dalam menangani gejala-gejala yang telah disebutkan.

Kedua ialah pelaksanaan program pendidikan dan advokasi. Kita ada program yang kita namakan Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah, Program Cakna Pergaulan dan juga membudayakan hidup yang sihat. Semua itu termasuk di dalam program advokasi dan pendidikan yang kita adakan dengan bantuan kerajaan-kerajaan negeri. Saya sendiri turun ke beberapa negeri untuk melancarkan program tersebut.

**■1130**

Seterusnya sebagai bimbingan kita telah menubuhkan penubuhan Pusat Khidmat Sosial di mana kita membimbing mereka yang menghadapi masalah-masalah keluarga, masalah-masalah sosial secara psiko spiritual Islam dan *'Ilaj* secara syarie. Kita juga tidak ketinggalan membina rumah-rumah perlindungan kepada mereka yang menjadi mangsa ataupun yang terjebak. Maka kita ada Darul Islah, Darul Saadah untuk kita jadikan sebagai pusat perlindungan di mana program-program tertentu kita adakan dalam cuba untuk membetuli dan membaiki kehidupan mereka yang menjadi mangsa kepada gejala yang disebutkan tadi.

Akhirnya sudah tentulah semua ini juga memerlukan tindakan perundangan, dan tindakan perundangan di bawah kuasa Wilayah Persekutuan termaktub di dalam undang-undang jenayah syariah dan juga yang ada di negeri masing-masing. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ya saya melihat isu jenayah seksual ini secara menyeluruh dan sekarang ini apabila dilihat statistik oleh Jabatan Polis sangat merisaukan dan mencemaskan kita. Semua kita merasai perkara tersebut. Pada- dilaporkan antara tahun 2010 sehingga 2017, lebih 22 ribu kes penderaan seksual khususnya hanya untuk kanak-kanak dan apatah lagi melibatkan orang dewasa. Jadi sangat-sangat parah.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri menyedari banyak pandangan daripada pelbagai pihak termasuk majlis ataupun Persatuan Peguam Syarie, Persatuan Dakwah, Persatuan Islam, antara punca berleluasanya jenayah seksual ini ialah dari segi undang-undang yang ada nampak sangat ringan hukumannya khususnya undang-undang jenayah syariah Akta 335 itu. Ia tidak melahirkan kegerunan kepada pesalah-pesalah ini apabila kita menyedari hukumannya sangat minimum, 356 itu, tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan.

Jadi soalan saya, adakah atau apakah halangan pihak kerajaan sendiri untuk menyegerakan pindaan Akta 355 ini supaya hukumannya lebih maksimum berdasarkan undang-undang Islam dalam usaha kita hendak melahirkan kegerunan supaya tidak ada lagi pihak-pihak ataupun penjenayah ini dengan sewenang-wenangnya melakukan jenayah seksual ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sik yang bertanya. Satu, apa yang disuarakan itu adalah merupakan juga satu kebimbangan bagi semua pihak. Ia tidak hanya melibatkan soal peningkatan statistik. Akan tetapi ia juga melibatkan pendekatan kita dan tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Sik sendiri bahawa pendekatan kita adalah bersifat holistik, bersifat yang lebih menyeluruh.

Kita meyakini bahawa undang-undang semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah kerana pada hari ini kita melihat kalau undang-undang yang ada ketat sekali pun tetapi tanpa ada satu usaha untuk membetuli gaya hidup, tanpa ada satu urusan dakwah, tanpa satu usaha melibatkan NGO-NGO, tanpa satu usaha untuk membaiki Mahkamah Syariah itu sendiri.

Ini kita bercakap tentang Mahkamah Syariah yang perlu diperkasakan Akta Profesion Guaman Syarie yang perlu diperkasakan. Semua itu masuk dalam pakej kita. Maka dengan sebab itu kita melihat secara holistik dan undang-undang adalah salah satu daripada pendekatannya. Maka kerajaan pada hari ini cuba melihat perkara itu dengan lebih melihat dasar yang kita kata *reformative* ataupun dasar kita membetuli keadaan daripada dasar punitif atau sekadar menghukum dengan hukuman yang berat. Akan tetapi syarat benda itu perlu dilihat secara menyeluruh, bukan hanya dari satu segmen sahaja. Itu sikap kerajaan hari ini.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas respons. Saya sebenarnya tersentuh dengan isu LGBT ini sebab saya melihat pendekatan kita lebih- lazimnya masyarakat umum suka menghukum mereka yang gay ataupun lesbian ini dan sebagainya. Akan tetapi, kita mungkin tidak sedar bahawa *especially* orang lelaki dia memang- mereka yang lahir ini memang kadang-kadang itu adalah suatu ujian. Cuma kita sebagai ibu bapa ataupun masyarakat, kita tidak membantu mereka untuk memilih jalan, sama ada untuk menjadi lelaki sejati ataupun sebaliknya.

Jadi pendekatan kita- saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri menyatakan undang-undang atau hukuman tidak menyelesaikan semata-mata untuk isu LGBT ini. Oleh sebab mereka akan lebih jauh dan mereka sebenarnya akan mencari orang menyokong mereka. Oleh sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan apakah mekanisme secara drastik ataupun yang dilihat untuk *create awareness* di kalangan rakyat supaya melihat LGBT dalam konteks yang lebih luas. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua*...[Dewan riuh]..*.Mereka mahu menjawab. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya kalau teringin, silakan ya.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Hendak jawab? Dia mana boleh jawab, dia bukan Menteri.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Suruh, kita jawablah.

**Seorang Ahli:** Tak usah sombonglah.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Sabar dulu. Terima kasih. Saya rasa soalan ini sangat baik seperti mana soalan Yang Berhormat Sik sangat baik sebenarnya. Dua-dua soalan sangat baik kerana ia menggambarkan keprihatinan kita. Oleh sebab isu ini isu bersama, bukan isu parti, bukan isu kita hendak politikkan, jadi kita melihat itu secara objektif. Jadi sebagaimana yang disebut, pendekatan kita itu kerana kita sedar bahawa isu dan gejala ini perlu ditangani dengan lebih bersifat kita membetuli mereka daripada kita menghukum mereka melainkan jika mereka memang terlibat dengan jenayah dan cukup syarat mereka dihukum.

Akan tetapi secara umum kita menggerakkan program yang kita adakan, yang kita namakan sebagai Program *Mukhayyam* Bersama Komuniti Di Sayangi. Kita ada program itu, di mana dalam program itu, yang telah kita laksanakan semenjak tahun 2011 oleh kerajaan yang terdahulu. Oleh sebab benda ini baik, kita sambunglah. Kita tak kata semua yang tak elok, mana yang baik, kita akan sambung di mana program ini melibatkan JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam Negeri. Supaya kita *reform* mereka, kita baiki mereka, dan kita betuli sikap mereka, serta gejala hidup mereka yang songsang itu. Kedua, hingga tahun 2019 ini, dari tahun 2011, seramai 1,700 peserta telah terlibat di dalam program ini. Seramai 1,700.

Kita tidak memaksa, dia datang secara sukarela dia kata dia hendak betuli diri dia, *Ahlan Wasahlan* kita pun tangani mereka mengikut keperluan-keperluan yang sesuai dengan program modul yang kita adakan. Kita bekerjasama dan saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua ini perlu dirakamkan dalam usaha menanganinya secara lebih objektif. Kita ada banyak NGO-NGO yang bantu kita.

Saya sebut nama-nama mereka di sini. Antara lainnya ialah NGO yang kita namakan sebagai Komuniti Hijrah, Persatuan Insaf Pahang dari Kuantan, Usrah Iqra di Putrajaya, Hijrah Republik di Ampang dan Kedah. Kedah pun ada Yang Berhormat Sik boleh tanya mereka apakah usaha-usaha yang mereka lakukan. *My Hijrah, My Adventure* Johor Baru, TFitrah Kuala Terengganu boleh rujuk di Kuala Terengganu, tanya supaya kita boleh bantu mereka, Usrah Fitrah Pertubuhan Permata Insan Disayangi.

Kiffah Huna Jemaah Kota Bharu Kelantan ada satu NGO namanya Kiffah Huna Jemaah itu tanya mereka macam mana kita hendak tolong supaya orang-orang ini dapat kita bantu. Kelas Al-Quran dan fardu ain khas komuniti ini untuk mereka secara khusus di Ipoh dan di Perak. Paling yang menarik dalam hal ini saya ingat saya kena kongsi di sini walaupun masa sudah habis iaitu fatwa di Selangor. Fatwa di Selangor telah menyatakan bahawa salah satu daripada asnaf *Wafi Riqab* itu diletakkan mereka yang menjadi hamba itu ialah hamba kepada nafsu songsang mereka. Kerana itu mereka melalui NGO, bukan orang yang melakukan nafsu songsang itu, akan tetapi melalui NGO, apa sahaja program pemulihan supaya mereka bebas daripada kongkongan menjadi hamba kepada nafsu songsang ini diberikan bantuan melalui asnaf.

Ini satu yang cukup unik bagi saya, saya minta Ahli Parlimen yang ada pada hari ini balik negeri masing-masing, minta negerinya buat satu fatwa supaya dengan itu Islam dilihat macam yang disebut tadilah. Hendak pulihkan orang dan zakat itu diberikan. Sudah ramai orang silap faham, Tuan Yang di-Pertua, mereka kata bagi zakat dekat golongan ini mereka beratur panjang depa kata saya LGBT, saya layak dapat zakat. Bukan itu maksud kita, maksud kita mesti ada usaha untuk bebas dia daripada kita kata menjadi hamba kepada nafsu songsang ini. Jadi, semua ini yang ditanya lebih bersifat *reform* daripada bersifat punitif yang kita telah adakan. Banyak lagilah program lain yang masanya tidak mencukupi untuk saya sebut di sini.

**■1140**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon jawapan...

**Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Yang di-Pertua mohon soalan...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa:** Saya seru kepada semua Ahli Parlimen supaya membantu pihak kami untuk menjayakan program ini.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, semua satu sahaja soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan Yang Berhormat Menteri panjang lebar. Tidak adil...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian satu- sikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:**...kepada Yang Berhormat lain yang sedang menunggu. Jadi sekarang saya menjemput Tuan Wong Kah Woh, silakan.

**9.** **Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah caj yang dikutip hasil daripada permohonan dan kelulusan cermin gelap pada tahun 2019. Apakah kriteria yang dipertimbangkan dalam pemberian kelulusan tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato’ Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timur dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mensyaratkan bagi setiap permohonan cermin gelap yang dikemukakan di atas faktor keselamatan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak RM50 bagi setiap permohonan. Manakala setiap permohonan yang diluluskan pula, akan dikenakan fi sebanyak RM5,000.

Setiap kelulusan yang diberikan adalah untuk tempoh selama dua tahun sahaja. Individu yang telah diluluskan bagi penggunaan cermin gelap hendaklah memohon semula apabila tempoh sah laku tamat dan akan dikenakan fi yang sama dalam setiap permohonannya. Untuk permohonan atas faktor kesihatan pula, pemohon dikecualikan daripada bayaran fi perkhidmatan dan juga fi kelulusan. Pemohon perlu mematuhi syarat serta kehendak yang diperakukan oleh doktor pakar hospital kerajaan atau doktor pakar hospital swasta yang diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Hasil kutipan fi bayaran bagi permohonan penggunaan cermin gelap sehingga November 2019 ini adalah sebanyak RM1,165,000 dengan jumlah permohonan yang diluluskan sebanyak 413 yang merangkumi faktor keselamatan dan faktor kesihatan serta orang-orang yang dikecualikan pemakaian mengikut Kaedah 11(1)(a), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar Lain) (Pindaan) 2019. Pengecualian ini juga terpakai bagi kenderaan yang didaftarkan atas nama orang-orang yang dinyatakan pada Perkara 6.6A, "Selagi mana orang-orang dinyatakan masih memegang jawatan tersebut".

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat permohonan penggunaan cermin gelap atas faktor keselamatan adalah seperti berikut:

(i) permohonan kenderaan milikan persendirian individu atau persendirian syarikat;

(ii) pemohon dan pemilik kenderaan tidak mempunyai apa-apa kes yang belum selesai dengan JPJ dan PDRM berhubung dengan apa-apa perlanggaran Akta APJ, ALPKP dan APAD; dan

(iii) pemohon juga perlu mengisi borang pengisytiharan yang mana tidak pernah terlibat atau melakukan kes-kes jenayah yang akan dilakukan semakan silang oleh pihak JPJ dan PDRM sebelum sesuatu kelulusan diberikan.

Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan sebelum ini bahawa Menteri Pengangkutan sememangnya mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian ataupun kelulusan berkenaan dengan cermin gelap ini. Soalan saya, sama ada pihak kementerian mempunyai apa-apa rekod? Sama ada Menteri Pengangkutan sekarang ataupun Menteri-menteri Pengangkutan yang sebelum ini telah pun meluluskan rekod berkenaan dengan berapa jumlah yang telah pun diluluskan oleh Menteri Pengangkutan sekarang ataupun Menteri-menteri Pengangkutan yang lepas berkenaan dengan cermin gelap ini?

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Setakat rekod yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sekarang, semua proses kelulusan adalah dilaksanakan oleh suatu jawatankuasa yang diketuai oleh pihak JPJ dan tidak ada campur tangan oleh mana-mana pihak Menteri atau Timbalan Menteri dalam kementerian.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sebelum itu?

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Kementerian atau Menteri sebelum ini saya akan cari butir-butirnya dan akan memberikan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian telah menjalankan libat urus dengan Ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya berkenaan cermin gelap ini? Bagi mengelakkan sebarang kes jenayah disebabkan penggunaan cermin gelap seperti contoh penjenayah boleh bersembunyi di tempat duduk belakang serta kemungkinan mangsa culik mungkin tidak dapat dilihat disebabkan cermin gelap. Ini kerana jawapan Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat sidang yang lepas menyatakan, "Sehingga kini masih belum ada kes jenayah. Namun saya yakin kita perlu berusaha untuk mengelakkan jenayah sebelum ia berlaku." Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. JPJ dan PDRM mempunyai Jawatankuasa Teknikal di antara mereka berdua yang bermesyuarat pada kadar biasanya tiga kali setahun. Antara isu yang sudah tentu ialah laporan-laporan dan statistik-statistik jenayah dan kaitannya dengan kereta ataupun cermin gelap yang mungkin digunakan oleh penjenayah. Jadi, statistik-statistik ini ada dengan pihak polis dan juga JPJ. Kementerian akan memantau dan jika ada kaitan sebagaimana yang dibayangkan tadi, sudah tentu tindakan-tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa kelonggaran cermin gelap dan sebagainya ini tidak disalahgunakan untuk tujuan dan aktiviti jenayah.

***[Soalan No.10 –** YB. Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) tidak hadir]*

**11. Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Industri Utama menyatakan, adakah kementerian bersedia untuk menambah baik sistem Insentif Pengeluaran Getah (IPG) kepada pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah dengan cara membuat bayaran terus insentif (IPG) bersama harga getah semasa aktiviti pembelian getah. Memandangkan tempoh masa yang lama sehinggakan ada kes pekebun kecil tidak sempat menikmati IPG hasil jualan getah kerana jarak yang terlalu jauh untuk mengambil hasil insentif dan ada kes sehingga meninggal dunia.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin dengan kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun menubuhkan satu *task force* melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Industri Utama, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Industri Getah Sabah dan juga Jabatan Pertanian Sarawak yang telah pun bermesyuarat pada 18 November baru-baru ini untuk melihat dengan terperinci pendekatan yang terbaik untuk pembayaran insentif pengeluaran getah di Sabah.

Namun begitu, mekanisme yang akan ditambah baik mestilah mengambil kira dasar dan mekanisme sedia ada yang telah diguna pakai oleh Semenanjung dan juga Sarawak sejak pelaksanaan IPG pada tahun 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih. Tentang *task force* yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu, jadi apakah cadangan kementerian ataupun *task force* ini kepada agensi pelaksana pembayaran insentif pengeluaran getah di Sabah? Dalam usaha untuk memastikan pembayaran segera kepada pekebun kecil getah di Sabah ini dapat diperbaiki untuk kemudahan para pekebun kecil. Terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, ada beberapa model yang kita kemukakan ataupun yang kita cadangkan. Antaranya model di Semenanjung ini seperti contohnya FELDA. Mereka diberikan satu tarikh yang akhir untuk memuat naik apa yang dipanggil sebagai data tuntutan IPG. Apabila adanya satu tarikh akhir ataupun *deadline* dengan izin, maka mereka akan memuat naik data itu. Setelah selesai mereka memuat naik data, maka IPG akan dibayar terus kepada FELDA kemudiannya diagihkan kepada mereka yang – pekebun-pekebun kecil getah ini.

Namun untuk Sabah ini Yang Berhormat, kita tidak kenakan tarikh akhir ataupun *deadline* kepada LIGS kerana kita semua maklum bahawa Sabah ini penting dan kita sayang dengan pekebun-pekebun kecil di Sabah ini. Namun kita juga telah mengemukakan cadangan kepada Lembaga Industri Getah Sabah yang merupakan agensi pelaksana pembayaran IPG ini untuk mereka membayar dahulu pekebun kecil dari segi tuntutan IPG ini.

**■1150**

Apabila selesai pembayaran itu, mereka bolehlah mengemukakan *claim* ataupun tuntutan kepada Lembaga Getah Malaysia ataupun kepada kementerian kerana kita mahu akan ada usaha yang lebih cepat, tuntutan itu dapat sampai terus dengan segera kepada pekebun-pekebun kecil.

Jadi, cadangan ini telah pun kami angkat dan kemukakan kepada LGS dan saya harap cadangan seperti ini boleh dilaksanakan kerana kita semua sedia maklum bahawa LGS baru-baru ini telah mengumumkan keuntungan mereka RM30.65 juta. Jadi, dari segi kemampuan kewangan mereka ada dan kalau itu dapat dilakukan, ia akan mempermudah lagi dan menyegerakan pembayaran tuntutan IPG ini kepada pekebun kecil. Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan sejauh manakah penetapan harga bayaran IPG ini. Kalau kita lihat daripada yang telah dikeluarkan oleh pihak kementerian sebelum ini iaitu untuk Sabah 75 sen sekilo, untuk Sarawak 55 sen sekilo dan untuk Semenanjung Malaysia 45 sen sekilo.

Jadi, saya ingin tahu bagaimana cara penetapan ini dibuat dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan harga lantai untuk getah ladang sekerap ini lebih tinggi sekurang-kurangnya RM3 sekilo untuk membantu pekebun-pekebun kecil terutamanya yang berdepan dengan musim tengkujuh dalam keadaan kos hidup yang tinggi hari ini.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang penting. Untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, saya mengambil contoh misalnya harga semalam untuk Semenanjung, RM2.17. Di Sabah, RM1.88 dan di Sarawak, RM1.97. Jadi, kerajaan telah pun menetapkan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) teraktif dengan harga RM2.50.

Untuk itu di Sabah ini, ada penambahan sebanyak 70 Senator dan di Semenanjung sekitar 30 sen ke 40 sen. Saya telah menyatakan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, buat masa ini kemampuan kewangan kita hanyalah meletakkan IPG itu teraktif pada harga RM2.50. Segala cadangan penambahan dan seperti mana Yang Berhormat cadangkan tadi RM3 dan sebagainya, tentulah sedang dikaji oleh Lembaga Getah Malaysia berdasarkan kemampuan kewangan kita.

Itu pun untuk makluman Dewan seperti mana yang telah pun saya nyatakan, kalau dahulu RM2.20 sekarang ini RM2.50. Jadi, ada pertambahan 30 sen. Dengan pertambahan 30 sen itu pun sebenarnya kerajaan telah pun menunjukkan bagaimana kita mengambil sikap prihatin terhadap pekebun kecil. Misalnya bantuan musim tengkujuh masih lagi diteruskan untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah berhadapan dengan musim tengkujuh pada satu hingga dua bulan ini agar mereka dapat mampu bertahan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, ini penting getah Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Fasal getah, tengkujuh, tolong Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya tidak sampai setengah minit. Tolong Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bertanya sedikit berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh tadi ini. Terima kasih kerajaan begitu prihatin untuk meneruskan. Soalan saya, bolehkah tidak kementerian teliti betul-betul teliti sebab musim tengkujuh, duit sudah tidak ada, mulakan bayaran itu seawal bulan 12 ini. *Possible or not?* Minta tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap dengan Kementerian Kewangan, mula bayarkan bantuan musim tengkujuh itu seawal bulan 12 bagi memudahkan rakyat di sana, harga getah turun dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Aki**n**:** Terima kasih Yang Berhormat Baling di atas keprihatinan. Saya pun berkongsi keprihatinan yang sama dengan Yang Berhormat Baling. Antara kawasan yang mula-mula saya pergi tahun lepas ialah kawasan Baling. Saya akan mengambil maklum tentang cadangan dan penegasan Yang Berhormat Baling itu, *insya-Allah* kita akan menyegerakan bantuan musim tengkujuh (BMT). Terima kasih.

***[Soalan No. 12** – YB Dato' Henry Sum Agong (Lawas) tidak hadir]*

**13. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Perdana Menteri menyatakan, bilakah kerajaan akan memperkenalkan semula Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen untuk memberikan autonomi kepada Parlimen.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** *Handsome* betul.

**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar dan juga komen dia. Samalah *handsome* kita itu ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** *MP* PH *handsome.*

**Datuk Liew Vui Keong:** ...Penubuhan Suruhanjaya Parlimen Malaysia masih lagi dalam peringkat kajian dan penyediaan draf rang undang-undang. Penubuhan suruhanjaya ini akan dilaksanakan setelah ia diperhalusi dan dipersetujui oleh pihak kerajaan. Itu sahaja saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh saya tahu apakah halangan-halangan yang besar yang sebenarnya yang menyebabkan perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan segera?

**Datuk Liew Vui Keong:** Untuk maklumat Yang Berhormat, tidak ada halangan. Saya dan juga Tuan Yang di-Pertua juga ada beberapa mesyuarat dalam perkara ini untuk memastikan perjalanan yang licin untuk rang undang-undang ini. Jangka masa, saya rasa pada tahun depan. Jadi, pada keseluruhannya kerajaan tidak ada halangan untuk penubuhan akta ini. Jadi, halangan itu saya rasa hanya mengenai masa sahaja. *That's all the time factor* sahaja. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini mengenai perkhidmatan Parlimen. Saya kira mengenai kebajikan Ahli Parlimen. Bilakah bangunan di belakang ataupun di sebelah sana itu akan siap dan apakah kemudahan-kemudahan untuk Ahli Parlimen yang ada di bangunan itu? Adakah pihak Parlimen akan mengadakan tahap waktu persidangan yang tertentu supaya kita disebut sebagai letih dan macam-macam itu walaupun kami tidaklah membuat kompelin yang berkaitan. Yang Berhormat Menteri, mengenai kemudahan tambahan Ahli Parlimen.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Saya telah pun dimaklumkan mengenai bangunan tambahan di belakang Dewan yang mulia ini akan siap sedia pada bulan Mac yang akan datang.

Jadi, saya akan menjemput semua Ahli Parlimen mungkin pada minggu depan untuk kita semua beramai-ramai pergi ke situ untuk melihat kemudahan yang sedia ada kepada kita. Pada keseluruhannya, setiap Ahli Parlimen akan diberikan bilik ataupun akan berkongsi bilik di dalam sebuah bilik. Kemudahan itu juga diberikan seperti Internet dan semuanya. Bilik bagi pihak Ketua Pembangkang itu pun diberikan. Jadi, kita bersabar sedikit. Saya akan mengeluarkan jemputan pada minggu depan kepada semua Ahli Parlimen untuk melawat bangunan yang baharu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oh masih ada masa lagi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Pendang.

**14. Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta Menteri Industri Utama menyatakan:

(a) adakah Kementerian bercadang untuk memberi peranti secara percuma kepada pembeli atau peraih getah bagi mengakses sistem *online* subsidi getah; dan

(b) apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan harga getah dan memastikan tuntutan harga getah tidak berlapis-lapis supaya para penoreh mampu mendapatkan hasil yang lebih tinggi.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin dan akan terus memelihara kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan melaksanakan perkara-perkara berikut. Lembaga Getah Malaysia (LGM) sedang melaksanakan projek untuk memperkenalkan kaedah merekod transaksi jual beli getah secara elektronik di mana pihak peraih yang terpilih dalam projek tersebut dibekalkan dengan sistem peranti untuk kemudahan merekod.

Projek ini untuk makluman Yang Berhormat masih di peringkat perintis dan hanya akan diperkenalkan di peringkat nasional setelah selesai peringkat perintis dan diterima pakai oleh pembeli. Kementerian belum lagi bercadang untuk memberikan peranti secara percuma memandangkan pembelian peranti oleh pembeli akan memberi penjimatan dari segi kos operasi dan masa. Penggunaan sistem secara dalam talian ataupun *online* ini akan memudahkan lagi sistem merekod transaksi jual beli.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk memastikan rantaian jualan peraih tidak berlapis agar penoreh getah mampu mendapat hasil yang lebih tinggi adalah seperti berikut. Pertama, penjualan terus kepada koperasi melalui mekanisme penetapan harga di ladang. Pihak koperasi boleh memberi harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana pihak koperasi berurusan secara terus dengan kilang pemproses secara pukal. Sehingga kini sebanyak 19 buah koperasi terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan harga pada purata 10 sen sehingga 20 sen sekilogram *cup lump* lebih tinggi berbanding dengan pembeli getah.

Penglibatan koperasi akan menggalakkan lagi pelesen-pelesen yang berdekatan bersaing untuk memberikan harga yang sepadan. Koperasi yang terlibat adalah di bawah pemerhatian Lembaga Getah Malaysia dan adalah disarankan agensi-agensi lain yang terlibat dengan pembelian getah seperti RISDA, FELDA, FELCRA mengamalkan pendekatan yang sama.

**■1200**

LGM juga telah memperkenalkan sistem belian secara atas talian yang dipanggil dengan nama MyROL (MyRubberOnline) dan telah digunakan oleh empat pusat pembelian getah secara berkelompok. Harga yang ditawarkan oleh pusat pembelian ini melalui sistem ini adalah lebih kompetitif dan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pekebun kecil kerana capaian kepada pembeli itu lebih meluas. Pendekatan ini juga membolehkan penjualan getah oleh kelompok pekebun kecil secara terus kepada kilang pemprosesan getah bagi mengurangkan lagi lapisan penjualan getah. Program ini juga telah disarankan untuk diguna pakai oleh pusat-pusat penjualan getah yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya terus kepada apakah keputusan yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa ataupun ITRC mengenai skim jumlah eksport yang dipersetujui AETS? Adakah ia telah dilaksanakan sepenuhnya? Jika ya, berapakah jumlah eksport yang telah dikeluarkan bagi ketiga-tiga negara ini sepanjang tahun 2019? Sekian.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Yang Berhormat Pendang, bagi soalan ini, Yang Berhormat bertanyakan soalan yang lain sedikit daripada soalan asal. Saya akan berikan secara bertulis.

Akan tetapi saya ingin maklumkan bahawa dalam Mesyuarat ITRC berkaitan dengan AETS seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, kita lihat adanya komitmen yang begitu baik daripada Kerajaan Thailand. Kalau dahulu kita berhadapan dengan cabaran tetapi sekarang ini nampaknya, ada kesediaan yang lebih baik daripada mereka. *Purpose* ataupun tujuan utama AETS itu adalah untuk memastikan masing-masing mengemukakan kuota yang telah dipersetujui untuk memastikan harga getah itu dapat kita kawal. *Detail* tentang apa Yang Berhormat nyatakan, apakah keputusan mesyuarat dan sebagainya, saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis, *insya-Allah.* Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah kanan, ada? Tidak ada. Di sebelah kiri, tidak ada. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]***

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Sebelum saya membaca pembentangan ini, bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini adalah tetamu daripada Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanah Rata, Cameron Highlands, para guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Pasir Putih dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Selangor (PAC) dan pegawai-pegawai Dewan Undangan Negeri Selangor... *[Tepuk]* Saya ucapkan selamat datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang kepada semua.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2019

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) 2019

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2019

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**12.05 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 2 Disember 2019."

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

### DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020

### Jawatankuasa

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kelima Belas]***

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 25. Seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, semalam saya bangkitkan isu yang telah saya cakapkan semalam dan Tuan Yang di-Pertua meminta saya tulis surat. Semalam saya telah menghantar pun surat itu kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak tahu, bagaimana kedudukan usul yang saya bawakan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, untuk pengetahuan- untuk makluman Yang Berhormat, saya sedang uruskan untuk berhubung dengan Menteri untuk mendapat penjelasan dahululah, seperti biasa. Akan saya maklumkan selepas ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, atas isu aturan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kelmarin Yang Berhormat Bukit Gelugor telah merujuk Dewan yang mulia ini kepada aturan 36(4). Di mana semasa sesi perbahasan kelmarin, perkara ini juga telah tersebar luas dalam media sosial malahan video juga sedang tular. Ketika berbahas, Yang Berhormat Tanjong Karang telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang kurang sopan, yang mengejikan dan perkara ini sedang dibualkan, menjadi buah mulut secara luas, di mana beliau telah datang ke Dewan yang mulia ini dan mencarut dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang kurang sopan.

*So*, saya ingin tanya petua, sama ada kita ingin mengambil tindakan, meminta beliau meminta maaf kerana kalau kita menunggu sehingga video dan surat ditulis secara rasmi, ia akan menjadi bahan ketawa. Kita lihat berulang kali Yang Berhormat Tanjong Karang telah mengeluarkan kenyataan tersebut. Malahan kelmarin beliau telah memanggil saya “bodoh” juga dan saya membalas balik mengatakan beliau juga bodoh. Akan tetapi bukan setakat itu bila berbahas, ketika beliau tidak dapat berbahas kembali, beliau telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang begitu...

**Seorang Ahli:** Lucah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Lucah. *So*, saya minta kalau boleh, tindakan tegas diambil supaya perkara ini tidak diulangi. Selalu dikeluarkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana... *[Dewan riuh]* Dan Dewan ini menjadi...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Hei! Majlis. Dia yang selalu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya belum habis lagi Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan tuduhlah. *You* ingat *you* sahaja ada peraturan mesyuarat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Paya Besar, duduk dulu Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar, sila duduk. Bila ada aturan mesyuarat yang dibangkitkan, saya mendengar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya di sini memohon supaya perkara ini diambil tindakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Jelutong main belasah sahaja selalu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau tidak, Dewan ini akan menjadi bahan ketawa, di mana orang-orang boleh masuk... *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ini Dewan ini gelak kepada Yang Berhormat Jelutong sahaja. Dengan orang tidak ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dan mereka akan keluarkan kenyataan-kenyataan begini. Berulang kali Yang Berhormat Tanjong Karang kita lihat. *So*, saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk ambil tindakan dan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Be yourself first.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita tidak boleh membenarkan perkara ini berulang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Saya...

**Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, balik kepada dia dulu Tuan Yang di-Pertua, lagi baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah Yang Berhormat Lipis. Satu persatu lah. Kalau hendak tunjuk teladan yang baik, semua kena tunjuk teladan yang baik. Terima kasih. Saya mengambil maklum semalam Yang Berhormat Bukit Gelugor ya telah bangun dan mengatakan perkara yang sama.

**■1210**

Beliau merujuk kepada apa yang disiarkan melalui *Free Malaysia Today*. Saya telah merujuk kepada *Free Malaysia Today* dan klip video melalui *YouTub*e melalui *Free Malaysia Today* (FMT) tetapi perkataan itu tidak jelas. Akan tetapi ada orang yang berkata ada video lain yang jelas. Jadi orang yang paling baik untuk menjelaskan ialah Yang Berhormat Tanjong Karang. Adakah Yang Berhormat Tanjong Karang menyebut perkataan lucah itu ataupun tidak?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Ini barulah betul Yang Berhormat Jelutong ikut peraturan. Saya tengah cakap jangan bangun. Kalau bangun akan gaduh lagi kena maki lagi. Duduk diam-diam jangan kacau saya cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua duduk diam-diam. Saya dengar penjelasan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya kena bagi amaran dulu. Saya kena bagi amaran dulu kepada Yang Berhormat Jelutong ini supaya dia ikut peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, pertama saya hendak tanya dalam Peraturan Mesyuarat 36(4) dibangkit, adakah apabila seseorang mula berkata apa jugalah peraturan ini mesti dibangkit *on the spot* ataupun boleh dibawa kemudian hari. Ini yang pertama, yang saya – usul ini bila katalah saya tengah berbahas patutnya pada masa itu bangun, suruh tarik balik. Okey, itu yang pertama.

Ini hendak kena betul kena jelas. Jangan esok ucapan saya ataupun ucapan kawan yang minggu lepas pun akan dibangkit lagi, betul? Ia mesti ada *limit*. Daripada pengalaman saya dalam Parlimen apabila hendak bangkit Peraturan Mesyuarat 36(4) ataupun Peraturan Mesyuarat 36(6) *whatever* peraturan mesti bangun *on the spot* masa itu juga untuk diarah untuk ditarik balik. Itu yang pertama. Kena *clear* ini.

Baiklah. Kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata akan bagi petua, ini betul. Ini supaya jangan berulang lagi nanti ini. Baik, itu yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik. Petua itu telah pun saya keluarkan tahun sudah iaitu secepat mungkin. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua tidak mendengar, kemudian aduan dibuat, dan hari seterusnya dibangkitkan. Itu tidak mengapa. Janganlah bangkitkan tiga minggu lepas sebutan dan sebagainya. Itu memang tidak munasabah. Akan tetapi kalau dibangkitkan secepat mungkin itu munasabah. Jadi saya akan mendengar.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Betullah, ia secepat mungkin. Tidak apa, itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat. Kalau saya bercakap ramai depan saya, tidak akan tidak dengar apa yang saya cakap. Masa itu saya dengar, okey, okey. Itu yang pertama. Kedua, kalau saya cakap mungkin saya tidak sedar apa yang saya cakap... *[Dewan riuh]* Dengar, dengar dulu. Dengarlah dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Dengar, dengar.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dengar lagi. Saya pun tengok balik video itu, saya tengok. Apa yang saya tengok video itu sebelum saya mulakan kata-kata yang dia suruh saya tarik balik, saya boleh tarik balik. Tidak ada masalah, saya boleh tarik balik. Akan tetapi sebelum saya keluar kata, apa punca saya keluar kata-kata tersebut apabila Yang Berhormat Jelutong tiba-tiba menengking saya dengan perkataan '*stupid, stupid'* pada masa itu. Saya tengah bercakap ini. Terus bangun kata saya *stupid*. Jadi saya pun tidak sedar apa yang saya cakap sebab- saya hendak cakap kurang ajar lagi kecoh lagi. Begini cara dia biadab? Saya tengok Dewan kita ini tercemar kerana Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong... *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Semua bila jadi Yang Berhormat Jelutong punya fasal. Kalau tidak ada Yang Berhormat Jelutong, tenang.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Memang betul.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, kami sebelah sini, Yang Berhormat Baling kena halau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Jaras sila duduk dulu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Baling kena halau, Yang Berhormat Pasir Salak kena gantung, Yang Berhormat Kubang Kerian kena gantung. Siapa lagi kena gantung? Semua sekali, saya pun kena gantung. Akan tetapi kenapa sebelah sana Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa kena gantung, kenapa Yang Berhormat Jelutong? Jadi saya boleh tarik dengan syarat sahaja, dengan syarat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Dia ada imuniti, imuniti Yang Berhormat Jelutong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dengan syarat Tuan Yang di-Pertua pun kena *firm*. Kalau Yang Berhormat Jelutong yang akan datang ini lepas ini bangun tidak ikut peraturan kena halau dia keluar, kalau hendak aman.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya... *[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Sokong, sokong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Kalau hendak aman. Jadi itu yang saya hendak minta sangat. Saya hendak jaga kemuliaan Dewan ini. Jangan tercemar Dewan ini kerana perangai seseorang tidak ikut peraturan. Ini yang saya minta. Jadi tidak apalah, saya boleh tarik balik.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Kalah 15,000 sebab Yang Berhormat Jelutong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi dalam masa yang sama kalau dengar balik *speaker* itu dalam video yang jelas sekali mengatakan *stupid, stupid* adalah Yang Berhormat Jelutong. Kalau saya tarik balik Yang Berhormat Jelutong pun kena tarik balik. *To be fair.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tan Sri Haji Noh, Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya hendak tambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang jangan jadi batu api. Duduk dulu, duduk. Yang Berhormat Pendang duduk.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Dia pernah kena halau kerana kelakuannya dan provokasi yang jadi dalam Dewan ini semua berpunca daripada Yang Berhormat Jelutong, orang lain tidak ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang boleh duduk. Berbalik kepada soalnya adakah perkataan itu disebut oleh Yang Berhormat?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak perasan saya kata. Kalau betul kata Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun kata dua video tidak *clear*. Baiklah, saya tidak mahu panjangkan isu ini kalaupun saya sebut saya boleh tarik balik tetapi dengan syarat bahawa sebelum saya sebut perkataan tersebut apa puncanya? Oleh sebab Yang Berhormat Jelutong kata saya *stupid*. Kalau saya disuruh tarik balik, Yang Berhormat Jelutong pun kena tarik balik. Itu sahaja.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Betul, betul Yang Berhormat Jelutong.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, itu suatu pendapat yang saya anggap baik juga. Atas landasan yang sama siapa sahaja yang menimbulkan riuh rendah di Dewan ini dan menggunakan perkataan yang kurang sopan harus diambil tindakan yang tegas tidak kira dari pihak mana. Kalau ini dipersetujui, mungkin kita akan ada Dewan yang tenteram.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi semua mesti ikut peraturan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Insya-Allah.*

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cuma kita juga mahu Dewan macam diserang garuda tidak ada suara *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Memanglah. Pantun mesti ada. Yang Berhormat Kinabatangan mesti ada. Akan tetapi kita tidak mahu riuh rendah kerap kali berlaku. Malu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya nampak Yang Berhormat Tanjong Karang pun masih berfikiran waras.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan mana ini? Peraturan mana?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Dia...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan mana?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Telah pun dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Duduk.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan mana?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sebelum *you* buat apa-apa *you* duduk dulu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah dulu Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada peraturan pun boleh cakapkah?

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Telah pun dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mendengar Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Saya hendak berikan pandangan. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya. Jadi apabila saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang fikiran beliau begitu waras dan saya tidak boleh dan saya berasa amat hairan apabila beliau kata beliau tidak pasti sama ada beliau ada mengeluarkan perkataan lucah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah, tidak apa, kenyataan yang dibuat...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Maka adalah penting untuk beliau mengaku di sini sama ada beliau ada atau tidak mengeluarkan perkataan lucah itu. Itu sahaja. Itu merupakan isu pokok pada pagi ini. Isu-isu lain kita boleh *handle* selepas ini. Kami menghormati dan percaya ke atas keadilan Tuan Yang di-Pertua dengan kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua. Kita tidak ada masalah. Cuma beliau hendak mengaku sama ada beliau pernah mengeluarkan perkataan tersebut atau tidak.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak apa. Duduk, duduk. Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Tanjong Karang, tenteram, duduk. Sementara berbahas ini saya telah mendengar semula memang perkataan itu disebut sama ada dengan sedar ataupun tidak sedar memang disebut. Jadi saya minta Yang Berhormat Tanjong Karang menarik balik dan Yang Berhormat Jelutong juga menarik balik perkataan '*stupid'*, bodoh ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya boleh tarik balik kenyataan *stupid* itu. Saya akan tarik balik tidak ada masalah. Saya mengaku dan tarik balik beliau bukan *stupid*, saya kata.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Jangan buat lagi, jangan buta lagi Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi saya minta Yang Berhormat mengakui Yang Berhormat Tanjong Karang mengakui...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Jangan buat lagi. Tarik balik lepas itu jangan buat lagi.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini yang kurang ajar ini. Mengapa ulang balik *stupid*. Sudah, tarik, tariklah. Jangan *you* hendak *provoke* saya.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sudah mahu tarik balik, kenapa tak....

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tarik balik.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Jelutong punca Yang Berhormat Jelutong...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...Kurang ajar macam inilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Inilah masalahnya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Jelutong punca kekacauan Dewan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Jangan bagi saya maki lagi. Ini tolong jangan bagi saya maki lagi. Saya kata kalau saya sebut, saya tarik balik. Sudahlah. Apa lagi hendak ungkit-ungkit lagi...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Dia kata, dia kata...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Dia kata bukan *stupid*, bukan *stupid*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Eh, kamu baru setahun jagung. Duduklah, duduk jangan hendak tunjuk pandai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Dia kata...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hormat Dewan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Bukan... *[Ketawa]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar Yang Berhormat Jelutong tadi. Dia berkata saya tarik balik perkataan *"stupid"*, Yang Berhormat Tanjong Karang bukan *stupid*. Bukan? Jadi dia tarik baliklah. Jadi Yang Berhormat Tanjong Karang sila tarik balik perkataan yang saya tidak mahu sebut itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya dah cakap tadi...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta beliau mengaku dan tarik balik.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya dah cakap tadi kalau betul- saya tidak mahu *argue* sebab kalau hendak bukti bukannya melalui media massa. Kalau hendak bukti tengok *Hansard*. Itu yang betulnya. Baik, saya tidak mahu *argue* benda itu. Kalau betul saya sebut perkataan yang tidak sepatutnya sebut saya tarik balik. Saya cakap daripada tadi. Itu saya dah cakap tadi dah. Tidak kan saya hendak ulang lagi perkataan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan kalau betul...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ada sebut atau tidak sebut sendiri tahulah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...Tarik balik. Ini yang saya hendak marah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Bukan kalau betul. Tuan Yang di-Pertua kata dia dengarlah.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Muka masih *handsome*, fikiran masih waras tetapi tidak berani mengaku apa yang telah pun dinyatakan. Eh, *come on...*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, kamu tidak faham. Kalau tidak kita...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Bila tengah panas...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Nak *check Hansard*.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No*, Tuan Yang di-Pertua kalau *gentleman* berani keluarkan kenyataan itu kena mengakulah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kita bila panas kadang-kadang kita tidak sedar keluar perkataan. Oleh sebab masa itu *bipolar mental*. Macam Yang Berhormat Jelutong *bipolar mental.*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Hendak menghakimi niat orang pula dah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya tidak kata *mental disorder* sahaja, *bipolar mental.*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya mohon Dewan ini tenang sikit terutama sekali Tuan Yang di-Pertua sudah keluar arahan. Saya fikir masa kita turut berjalan. Banyak perkara yang kita hendak bincang. Kita tidak perlu habis masa bincang benda-benda yang bagi saya- Tuan Yang di-Pertua sudah keluarkan arahan dan kita patuh kepada arahan tersebut. Kita akan terus perbahasan pada benda yang lebih bermanfaat untuk rakyat. Terima kasih.

**■1220**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Setuju. Setuju Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat Tanjong Karang tarik balik lah. Secara jelas.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah lima kali saya cakap 'saya tarik balik' ini. Ini masalahnya. Adakah hendak suruh saya ulang balik perkataan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan 'kalau' itu. 'Kalau saya sebut', tarik balik.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya. Tidak lah, saya kata- saya ada cakap tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya arahkan Yang Berhormat Tanjong Karang tarik balik perkataan yang disebut itu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya dah cakap 11 lebih saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apa lagi Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis cerita ya. Kita teruskan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah, saya hormat Tuan Yang di-Pertua. Cukuplah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya mohon satu petua yang *clear* ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Dari segi bahan rujukan yang kita hendak bawa di dalam Parlimen ini. Semalam Yang Berhormat Bukit Gelugor menggunakan media sosial sebagai rujukan iaitu FMT. Berita daripada FMT. Jadi, saya hendak *ruling* yang *clear*. Sama ada boleh tidak kita merujuk kepada berita daripada sosial media, berita daripada media perdana dan sebagainya? Untuk dijadikan rujukan selepas ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlulah Yang Berhormat untuk panjangkan hal ini. Oleh sebab jelas, *video feed* itu datang daripada video Parlimen. Tidak perlulah. Kalau berlaku hanya laporan, memanglah tidak mempunyai keberatan. Akan tetapi kalau datang daripada *video feed* Parlimen, memanglah itu bahan Parlimen dan sudah jelas perkataan itu disebut. Tidak perlu dipanjang-panjangkan lagi ya.

Jadi, saya ingin mengikut cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang sendiri. Ada perkataan-perkataan yang tidak perlu disebut. Kita pun tidak mahu dengar disebut seperti 'bodoh' dan sebagainya, '*stupid'* dan perkataan-perkataan yang lucah dan sebagainya. Kalau sesiapa menyebut perkataan-perkataan begini dan kalau Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri atau Timbalan Tuan Yang di-Pertua menegur dan menyuruh untuk tarik balik atau mengarahkan untuk tarik balik. Sesiapa yang tidak menarik balik dan terus menimbulkan kekecohan, saya ikut nasihat tadi, akan disingkir keluar untuk satu tempoh. Setuju semua?... *[Tepuk]* Saya harap hari ini kita berbahas dengan tenteram dengan beradab.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Berdiri]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon satu petua, ringkas sahaja. Bolehkah perkataan 'pencuri', 'perompak' disebut dalam ini? Oleh sebab selalu disebut oleh Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sebenarnya sudah pun berkali-kali menyebut, perkataan-perkataan begini tidak boleh disebut.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau begitu, lain kali Tuan Yang di-Pertua ambil tindakanlah Yang Berhormat Jelutong ini. Banyak kali dia sebut sudah.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang sudah itu, sudah.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Lagi satu Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada perkataan lucah ini, hendak mencelah ini kena ikut peraturan. Bukan tengah bercakap, kau terus bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Itu pun kena jelas. Siapa bangun tidak ikut peraturan, Bentara pun kena ambil tindakan untuk halau. Untuk aman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sebenarnya semua ada di dalam ini... *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adab berbahas. Akan tetapi malangnya, Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak mengikut adab beradab.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada ayat yang sering disebut oleh Yang Berhormat Jelutong...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** ...Bahawa kami wakil rakyat PAS ini makan rasuah. Makan duit UMNO RM90 juta dan tidak pernah saya dengar dia tarik balik. Semalam sebut lagi. Jadi, apa *ruling* yang Tuan Yang di-Pertua boleh buat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak patut disebut itu.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua, kalau dia sebut sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua halau dia keluar Dewan.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya rasa Yang Berhormat Jelutong pun setuju kalau dia dihalau keluar Dewan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Halau dua minggu. Dua minggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini merupakan ialah persefahaman kita ya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bagi satu pandangan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Soal *subjudice*. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mesti lebih tegas fasal *subjudice*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun jelas.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Kadang-kadang kes-kes 1MDB masih berjalan, disebut-sebut lagi di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ada di dalam Dewan ini. *It has to stop* Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan sahaja kes yang sedang berjalan di mahkamah. Kes yang disiasat pun seharusnya tidak dibincangkan. Kedua belah pihak sering menimbulkan perkara ini. Bukan sebelah sini sahaja.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu dibincangkan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Setuju tidak kalau saya cadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua buat kursus untuk BBC ini? Benda-benda yang tidak boleh disebutkan dalam Dewan ini. Ini kerana banyak yang melanggar daripada *Backbencher*. Khususnya Yang Berhormat Jelutong. Banyak langgar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlulah. Ini masalah pokoknya, satu pihak berkata pihak yang lain itu selalu menimbulkan dan timbul kekecohan. Sebenarnya semua pihak terlibat di sini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat satu sahaja. Kalau boleh kawal Yang Berhormat Jelutong, *insya-Allah* dalam Dewan ini akan tenang. Oleh sebab dia- bila dia buat provokasi, kita akan balas.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat, bukan hanya Yang Berhormat Jelutong sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Bila- orang lain saya tengok tidak ada sangat masalah. Yang Berhormat Jelutong sahaja. *[Menuding jari]* Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah. Baiklah, kita teruskan perbahasan. Teruskan perbahasan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ini orang-orang- Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Eh, jangan biadab lah Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan perbahasan. Duduklah Yang Berhormat Pendang. Duduklah Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Rasah baru cakap 'jangan biadab' lagi. Mana boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan pun duduk

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru Tuan Yang di-Pertua buat petua, sudah cakap perkataan yang tidak baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Rasah tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Dia cakap tadi 'biadab'... *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya kata 'jangan biadab'. Bukan 'biadab'. Yang Berhormat Kinabatangan ini apa masalah dia?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak sampai seminit.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Dia sekarang saya kata, Yang Berhormat Rasah 'biadab'!

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbul kekecohan lagi *[Ketawa]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya tarik balik 'biadab'.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tarik balik! Tarik balik!

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okeylah, saya tarik balik 'biadab'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah' tarik balik 'biadab'. Ya, tarik balik 'biadab'.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kalau hendak main macam itu, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita kekurangan masa sebenarnya. Tarik balik. Tarik balik.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tarik balik!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada masalah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Eh, tarik balik lah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tarik tali kah, tarik apa ini?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tarik balik Yang Berhormat Rasah!

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *On mic. On mic*.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *On mic! On mic!* Tidak dengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar. Saya dengar. Dia sudah tarik balik dah. Majlis dalam Jawatankuasa.

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi:** Hari ini kita akan membahaskan dalam Jawatankuasa kementerian yang terakhir iaitu Kementerian Pendidikan... *[Disampuk]* Belum saya baca lagi Kepala Bekalan ya *[Ketawa]* Ini yang mengusutkan fikiran saya, Yang Berhormat Kinabatangan *[Ketawa]* Saya relaks. Yang Berhormat Kinabatangan selalu tidak relaks.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi Tuan Yang di-Pertua relaks.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tenang Tuan Yang di-Pertua. Tenang.

**Maksud B.63 [Jadual] -**
**Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan 2020] -**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Saya menjemput sebagai pembahas yang pertama, Yang Berhormat Kangar. Saya ada senarai ya... *[Menunjukkan senarai pembahas]* Yang Berhormat Kangar dan seterusnya.

**12.28 tgh.**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan Butiran Bekalan dan Pembangunan 63 iaitu Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Sebelum itu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pegawai PPD Segamat ke Parlimen. Tahniah kepada PPD Segamat yang julung kali mendapat nombor satu di Johor dalam peperiksaan UPSR 2019. Kepala Butiran 010300...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Steady* lah orang Segamat. Jangan sokong PH sahaja.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** ...Pembangunan Infrastruktur atau Butiran 080500 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM. Saya mengambil dua Butiran ini kerana saya tidak jumpa di mana Butiran untuk berkaitan dengan pembinaan sekolah baharu ataupun bangunan baharu.

Saya ingin memaklumkan kepada pihak kementerian, di mana Sekolah Kebangsaan Seri Perlis ada sebuah bangunan yang telah dinilai oleh JKR tidak boleh digunakan lagi dan berbahaya. Jadi, saya berharap usaha merobohkan bangunan ini dapat dilakukan segera. Sekiranya perlu, disegerakan juga pembinaan bangunan ganti kerana ia membahayakan murid-murid. Selain daripada itu juga, ada keperluan untuk mungkin Sekolah Kebangsaan Kayang ditambah bangunan baharu. Ini kerana apabila pembinaan IPK baharu di Perlis ini menambah bilangan pelajar sehingga jumlah nisbah pelajar di dalam kelas itu tidak mencukupi. Saya maklum di Perlis ada beberapa tanah telah dikhususkan untuk pembinaan sekolah baharu. Jadi, kalau dapat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ia dapat diadakan.

Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Ada peningkatan daripada sejumlah RM84.6 juta kepada sejumlah RM92.2 juta. Saya harap dapat dijelaskan apakah jenis-jenis bantuan dan kebajikan pendidikan di bawah Butiran ini? Ini kerana saya tengok ada lagi bantuan-bantuan yang bersifat kebajikan dalam Butiran-butiran lain. Misalnya, Butiran 080700 – Elaun Murid Berkeperluan Khas. Jadi, apakah perbezaan yang ada? Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Saya melihat ada peningkatan besar dalam aspek ini. Daripada hampir sejumlah RM20 juta kepada hampir sejumlah RM80 juta.

Jadi, ia memberi bayangan seakan-akan ada perubahan besar berkaitan dengan dasar pendidikan. Jadi, saya minta kementerian dapat jelaskan, apakah perubahan yang hendak dibawa dalam butiran ini?

**■1230**

Butiran 030000 – Operasi Pendidikan daripada pendidikan awal sehingga lepasan menengah. Jikalau boleh saya hendak minta kementerian maklumkan berapakah nisbah guru dan pelajar mengikut tahap pendidikan yang ada pada masa ini? Berapakah pengeluaran guru daripada pelbagai institusi mengikut tahap pendidikan ini buat masa ini? Ini kerana kita perlu mengelakkan lambakan- kita selalu mendengar isu pengangguran, isu penempatan. Jadi, kita hendak tahu berapakah jumlah yang ada

Butiran 040300 – Pembangunan Kurikulum. Tidak meningkat banyak hanya daripada RM25 juta kepada lebih kurang RM26.3 juta. Kita dimaklumkan baru-baru ini ada pemansuhan sistem aliran tetapi kandungan mungkin tidak banyak berubah. Jadi, saya hendak tahu apakah perbezaan signifikan apabila kita ubah sistem daripada aliran sains dan sastera kepada sistem yang lebih terbuka.

Butiran 050200 – Latihan Dalam Perkhidmatan. Ini sedikit sebanyak menyentuh tentang Institut Pendidikan Guru. Saya ingin menyentuh tentang Institut Pendidikan Guru di Perlis yang mana saya dimaklumkan sudah tidak ada lagi pengambilan. Jikalau ikut sebelum ini, Yang Berhormat Menteri ada maklumkan bahawa IPG tidak mungkin ditutup buat masa ini.

Saya ingin tegaskan kembali bahawa IPG Perlis adalah salah satu daripada dua IPG yang mempunyai *teaching school* dan juga program *Continuing Professional Development* (CPD). Jadi, apabila tidak ada pengambilan ia membayangkan bahawa IPG Perlis ini akan ditutup. Jadi saya minta sekali lagi pengesahan kepada kementerian, saya minta sekiranya boleh, oleh sebab keunikan IPG Perlis ini ia sepatutnya dikekalkan dan jawapan Menteri dalam perbahasan pada tahun lalu mengatakan permohonan rendah. Akan tetapi maklumat yang saya terima sebenarnya permohonan lebih daripada apa yang mampu diambil oleh IPG.

Jadi, apakah sebab sebenar sekiranya mahu ditutup IPG ini. Saya tidak nampak dalam butiran perbelanjaan ini ada peruntukan untuk mena-mana IPG, mungkin ia termasuk di bawah Butiran 030400 – Pendidikan Lepas Menengah.

Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Saya sebenarnya hendak sebut fasal Institut Terjemahan Bahasa tetapi tidak ada butiran di dalam ini. Baru-baru ini timbul dalam berita tentang kemungkinan Institut Terjemahan Bahasa ini akan ditutup. Jadi, adakah pegawai-pegawai ataupun kakitangan daripada Institut Terjemahan Bahasa ini akan dipindahkan kepada pelbagai institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah Dewan Bahasa Pustaka. Jadi saya tumpang Butiran 040600.

Di bawah Program Khusus ada beberapa perkara yang saya hendak sebut. Pertama Butiran 080400 – Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBM MBI). Ada peningkatan besar juga daripada RM137.6 juta kepada RM183.6 juta. Jadi, saya fikir kita sudah banyak kali sebut tentang kepentingan bahasa Inggeris, tentang keutamaan bahasa Melayu daripada dahulu tetapi seolah-olah kalau kita tengok dalam antara alasan majikan dalam pengambilan pekerjaan mereka selalu sebut tentang keupayaan graduan ataupun pemohon pekerjaan dalam pengetahuan bahasa.

Saya rasa dalam pengalaman saya sendiri bersekolah kebangsaan daripada sekolah rendah sampai ke sekolah menengah, kita telah memperuntukkan jam belajar bahasa ini cukup banyak. Akan tetapi apabila ada respons, ada maklum balas bahawa masih ada kelemahan, kita mungkin patut melihat semula teknik pengajaran. Jikalau boleh kita tengok, misalnya dalam Bahasa Inggeris kita ada pelbagai institusi, misalnya *British Council.* Kalau dalam Bahasa Jerman kita *Goethe Institute*.

Jadi, kita tengok teknik pengajaran bahasa Melayu itu mungkin dapat kita bentuk dan juga teknik pengajaran bahasa Inggeris di sekolah kita dapat merujuk kepada institusi-institusi yang telah terbukti berjaya ini. Kita tidak boleh mengharapkan keputusan berbeza kalau kita masih mengikut dengan cara yang sama. Jadi, apakah modul yang kita ada pada hari ini dalam aspek pertuturan, pendengaran, penulisan, pembacaan untuk memastikan murid-murid ini berjaya.

Saya, kalau boleh juga hendak mengambil contoh Pusat Tuisyen Mentari yang dahulu Yang Berhormat Setiawangsa semasa beliau menjadi ADUN di Seri Setia, saya melihat satu kejayaan yang besar apabila murid-murid daripada *flat* dapat dibentuk sehingga mereka boleh berlakon teater dalam bahasa Inggeris. Bagi saya kalau pusat tuisyen inisiatif individu ini dapat berjaya sehingga tahap itu, mustahil sekolah yang ada peruntukan, ada kemahiran, ada kepakaran tidak boleh menjadikan pelajar-pelajar kita mahir dalam penguasaan bahasa Inggeris secara khususnya. Di dalam Bahasa Melayu juga perlu ada modul kerana kita tidak mahu lagi akan datang kita mendengar masih ada rakyat Malaysia yang kurang mahir dalam berbahasa Melayu.

Butiran 080700 – Elaun Murid Berkeperluan Khas. Apakah kriterianya? Berapa ramaikah penerima? Saya maklum Perlis telah dipilih sebagai negeri sifar keciciran dan dalam satu pengumuman Menteri ada maklumkan bahawa di Perlis sudah mencapai tahap sifar. Akan tetapi saya percaya dalam pengalaman saya apabila kita masuk ke kampung-kampung, kita berjumpa dengan ramai orang yang sebenarnya masih ada lagi keciciran. Jadi saya tidak pasti bagaimanakah pihak kementerian menentukan data ini. Apabila pihak kementerian juga mengumumkan pengambilan kanak-kanak *stateless* untuk diterima masuk sebagai pelajar, adakah mereka ini juga termasuk dalam statistik sifar keciciran ini.

Butiran 081000 – Projek Khas Murid Sekolah Berasrama Penuh. Kalau boleh saya hendak minta Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah- untuk apakah projek khas ini. Ini kerana dalam realiti hari ini, kalau saya sentuh dalam perkara yang sama, kita dimaklumkan jumlah pelajar dalam bidang sains teknologi ini semakin menurun. Sedangkan ada sekolah berasrama penuh yang memang- nama pun sekolah sains. Jadi, sebelum ini Menteri telah umumkan tentang pengambilan pelajar-pelajar miskin. Kita hendak ramaikan golongan B40 dalam asrama penuh, mungkin kita dapat klusterkan betul-betul.

Saya pernah cadangkan kepada Menteri dalam pertemuan kita di luar Dewan, bahawa sepatutnya kalau untuk pelajar B40 ini sepatutnya menjuarai isu ini ialah MRSM. Ini kerana ia adalah institusi di bawah MARA, MARA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, kalau boleh kita ambil tanggungjawab seorang sikit, jadi biarlah asrama-asrama penuh yang lain masih terbuka kepada ibu bapa yang anak-anak daripada M40 dan juga T20 yang juga berhak untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Jadi, kalau boleh ada keseimbangan ini lebih baiklah.

Seterusnya Butiran 080200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Walaupun ini mungkin bukan tanggungjawab khusus kementerian tetapi saya pernah bawa dalam perbahasan dalam Kementerian Sumber Manusia. Saya harap Kementerian Pendidikan Malaysia tidak lupa untuk kakitangan kontrak ini untuk mencarum PERKESO. Ini kerana saya dimaklumkan kalau kerajaan sendiri tidak dapat menjamin kebajikan kakitangan-kakitangan kontrak, apatah lagi kita hendak mengharapkan swasta, kita hendak menekankan swasta. Jadi semua kakitangan kontrak ini mestilah diberi caruman.

Butiran 081300 – Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform. Saya dimaklumkan Pengakap, pandu Puteri, Palang Merah mereka ini didaftarkan di bawah Akta Parlimen. Jadi tidak menerima sebarang bantuan ataupun peruntukan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi, saya berharap, mereka ini juga dapat dipertimbangkan untuk menerima bantuan pakaian seragam pasukan beruniform.

Kedua terakhir, ialah semua berkaitan sukan di bawah Butiran 082300 – Skim Biasiswa Sukan, di bawah *One-Off,* Butiran 03400 – Program Pembangunan Sukan, Butiran 00202 – Sekolah Sukan, dan Butiran 082500 – Pengurusan Sukan. Banyak sebenarnya peruntukan untuk sukan. Cuma saya melihat program pembangunan sukan susut begitu banyak daripada RM3.5 juta kepada RM678 ribu sahaja. Kenapakah ini berlaku? Saya hendak tahu juga, skim biasiswa sukan jumlahnya tidak banyak sebenarnya RM2 juta. Berapa ramai penerima? Adakah mereka ini dapat biasiswa ini untuk belajar dalam negara atau luar negara? Apakah kriteria pemilihan sama ada mereka ini jurulatih ataupun atlet?

Terakhir, saya hanya ingin menyentuh sedikit sahaja. Saya tengok dalam media sosial semalam ada aduan daripada pelajar UIAM yang dinafikan untuk terima skrol. Saya tidak pasti apakah isu sebenar. Saya harap dapat kementerian dapat menjelaskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam, kemudian oleh Yang Berhormat Hulu Selangor. Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

**12.38 tgh.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk berbahas. Bagi Maksud P.63, Butiran 02000 – Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR). Seperti mana yang termaktub dalam buku bajet ini, telah diperihalkan iaitu pembangunan... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Iaitu peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta diberikan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Persoalan saya, pengumuman yang telah dibuat baru-baru ini iaitu kita mengembalikan RM30 juta peruntukan tahun 2019 dan juga tahun 2020 yang telah dijanjikan sebanyak RM30 juta. Apakah ini termasuk dalam Buku Belanjawan 2020? Saya nampak Yang Berhormat Menteri tadi tunjuk ini mungkin perbuatan Menteri Kewangan.

Akan tetapi sedarkan apabila kita mendapat surat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dahulu, sebenarnya ini adalah portfolio di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sekarang. Jadi, persoalan saya apabila telah ditulis macam itu, semua obligasi di bawah kontrak ataupun satu surat yang telah dikeluarkan kepada kita bertarikh 19 April 2013 memperihalkan untuk geran padanan sebanyak RM60 juta kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Persoalan saya, dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kewangan, ini akan menjadi satu situasi yang bercelaru.

**■1240**

Apatah lagi pagi ini satu surat dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengizinkan penubuhan satu lagi yang dikatakan Tabung Amanah Kolej Tunku Abdul Rahman. Sebenarnya berdasarkan kepada Akta 555, ia mestilah daripada Kementerian Pendidikan. Oleh sebab akta ini, kita kena daftar kepada Kementerian Pendidikan sebagai agensi yang bertanggungjawab dan apa-apa pembentukan daripada syarikat pemilik kolej ini atau universiti ini ialah tertakluk kepada kalau penubuhan yayasan datangnya daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Kalau soal mendapatkan pelepasan cukai, itu adalah sebenarnya bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Bermaksud Kementerian Kewangan, cuma kata ya setuju atau tidak diberi pengecualian. Kalau hendak diberi peruntukan, kalau ikutkan apa yang dibincangkan selama 50 tahun di mana komitmen kerajaan ini setiap kali kita berjumpa dengan Kementerian Pendidikan, kita bincang apa bajetnya dan kita kena *bid* bajet pergi jumpa kementerian Pendidikan, bincang, bincang, bincang.

Kalau hendak dibawa oleh Kementerian Pendidikan berjumpa dengan Kementerian Kewangan. Itulah prosedurnya yang telah dilalui sebanyak 50 tahun. Jadi, saya hendak bertanya, apabila berlakunya RM1 juta diperuntukkan dan satu lagi RM30 juta diberikan kepada persatuan alumni, itu sebagai satu pemberian kepada NGO. Apakah ia akan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan ataupun wujudnya dua tabung kerana sudah ada di bawah Akta 555 iaitu penubuhan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman yang di bawah *TARC Education Foundation.*

Saya rasa itu perlu kita selesaikan. Kita mengalu-alukan kalau Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak memberi peruntukan kepada mana-mana NGO itu tidak ada masalah tetapi ia bukanlah satu cara untuk menunaikan obligasi di bawah apa yang telah diperuntukkan. Itu soal pokoknya. Selepas PRK di Tanjong Piai, apa yang berlaku, kita nampak banyak pengumuman dibuat oleh Kementerian Kewangan sedangkan itu di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Oleh sebab itu saya bertanya, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh mencelah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Nanti sekejap. Saya tidak habis lagi.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tanya, tanya. Penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Pada 9 Oktober. Terima kasih Yang Berhormat kerana surat ini telah dikeluarkan- satu jawapan telah dikeluarkan. Ini bermaksud Kementerian Pendidikan memang memperjuangkan RM30 juta kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Itu soalan yang saya bangkitkan dan dijawab oleh kementerian. Akan tetapi yang tidak bagi adalah Kementerian Kewangan dan itulah prosedurnya. Oleh sebab itulah saya lihat pihak yang bertanggungjawab masih lagi Kementerian Pendidikan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Apabila wujudnya keadaan sebegini, apakah RM1 juta yang dijanjikan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman sebagai peruntukan pembangunan itu akan diberi kepada persatuan alumni atau diberikan kepada kolej universiti tersebut. Itu pertama.

Kedua, kalau diberi kepada persatuan alumni ini...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dalam isu kolej universiti UTAR...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Diam, duduk. Persatuan alumni ini...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan tak?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sila duduk. Tuan Yang di-Pertua minta buat *ruling*. Saya tak nak sebab saya tidak ada masa. Saya hendak habiskan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan tak? Saya hendak dapat penjelasan. Adakah benar UTAR ini ada RM634 juta rizab setiap tahun, bunga sahaja RM28 juta. Kemudian ...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Duduk dahulu. Yang Berhormat masa kecederaan. Saya tak nak. Tidak apa, saya tidak habis. Saya habis nanti *you* boleh cakap. Yang Berhormat, saya ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Beruas, ini *floor* Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya akan pastikan nanti ada ruang untuk memohon penjelasan kemudian. Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya belum habis lagi. Biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, mohon mencelah boleh? Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak. Duduk.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak berani kah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bukan tidak berani. Kalau Yang Berhormat berani, keluarlah. Saya mencabar...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak. Tidak payah keluar. Kita duduk dalam Dewan. Jangan cabar luar. Ini perangai...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, ini taktik ...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah, kita cari peluang. *Now is a floor* Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini taktik untuk melengah-lengahkan hujah saya. Saya cuma hendak kata...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak. Jangan buat tuduhan. Jangan buat tuduhan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Hendak jelaskan. Yang Berhormat, *this is your floor.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak bagi. Jawapan saya...

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Kalau berani bagi. Kalau berani bagi.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Setuju tak, kalau saya kata kamu sengaja hendak memangsakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jangan melenting Yang Berhormat. Sudah buat *ruling*. Saya tengah berucap, jangan kacau. Itu sahaja. Kalau kacau keluar. Okey di mana saya tadi. Saya tanya sekarang, wujudnya satu pemberian kepada NGO dan tiba-tiba boleh buat satu surat, satu yayasan yang belum...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Dewan. Peraturan Mesyuarat. *Standing Order.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap. Biar Yang Berhormat tunjuk *Standing Order.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta waktu kecederaan. Saya tak nak macam ini. Kalau macam itu tidak adil untuk saya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak faham kah? Peraturan Mesyuarat 36(6). Yang Berhormat Ayer Hitam dalam ucapan beliau nampak jelas dan nyata, beliau cuba hendak memangsakan dan hendak menjadikan Yang Berhormat Menteri Kewangan seolah-olah jahat. Ini adalah sangkaan jahat. Tidak betul Tuan Pengerusi. Ini bukan cara berbahas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kita berbahas cerita fasal fakta tetapi Yang Berhormat Ayer Hitam sebagai orang yang sudah lama duduk di sini, dia ada agenda politik dia sebab sekarang kita tengok...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat ...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Rasah. Baik Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat Rasah kuat melenting. Bila saya kata saya membuat tuduhan yang bukan-bukan. Saya menyatakan fakta. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi penjelasan. Itu sahaja. Apa masalah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan beri penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak. Yang Berhormat tuduh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Jelas dalam *Hansard.* Jangan berdolak dalik. Itu hakikat Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat waras atau tidak. Kalau waras jangan buat tuduhan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tengok saya keluarkan surat ini adalah buktinya. Kalau taktik untuk hendak menjaga bos itu terpulang. Jangan buang masa saya. Biar saya cakap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi masa dekat Yang Berhormat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya tahu agenda politik Yang Berhormat tetapi janganlah main di sini.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, ini sangkaan jahat. Peraturan Mesyuarat 36(6) .Saya tengah cakap...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, tidak. Bukan sangkaan jahat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita mahu tahu, mendapat penjelasan kenapa MCA pergi ke orang ramai dan penjaja untuk dapat kutipan derma, padahal ada RM634 juta *reserve*. Setiap tahun bunga pun RM24 juta. Kita hendak dapat gambaran yang betul untuk rakyat Malaysia. Berapakah kita ada?7.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Inilah dakyah yang digunakan oleh Pakatan Harapan sekarang. Dia kena faham kerana kita sudah...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak dapat penjelasan. Berilah penjelasan supaya orang ramai tahu...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, mungkin kalau ada pohon penjelasan, mungkin bagi ruang sedikit bagi mereka untuk *explain to you*. Minta mohon penjelasan. Okey sekarang *floor* Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila dengar *floor* Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya sedia memberi penjelasan seperti mana yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ajak saya bersama-sama ke Astro Awani bersama dengan Yang Berhormat Menteri ataupun ajak saya pergi 8TV. Jangan gunakan ini sebagai satu saluran dan kita hendak hentam sahaja tidak guna. Kita boleh berdebat, tidak ada masalah. Itu adalah satu perkara yang didakwa. Saya akan jawab satu persatu. Saya anak jantan, saya tidak lari.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jawablah di Parlimen. Kita wakil rakyat hendak tahu keadaan sebenar.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya cuma hendak beritahu. Tuan Pengerusi, suruh dia senyap lima minit bagi saya habis dahulu.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Jawablah dalam Dewan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita wakil rakyat hendak tahu keadaan sebenar. Bagilah penjelasan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi,suruh duduk.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Ayer Hitam sudah bagi penjelasan. Baik saya minta ini *floor* Yang Berhormat Ayer Hitam. Minta.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Ayer Hitam bagi penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Nanti duduk. Kalau saya tidak bagi mengikut Peraturan Mesyuarat bermakna duduk. Itu sahaja. Kenapa hendak melenting. Saya kata Yang Berhormat dalam soal ini Akta 555 itu patut kita hormati dan yang menjaga kementerian ini adalah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tidak patutlah *seconded* kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Oleh sebab ini adalah soal Akta 555. Oleh sebab itu saya kata, kalau Yang Berhormat Menteri umum, tidak ada dalam buku bajet, bagaimana ia boleh dikeluarkan kepada satu persatuan alumni. Itu kepada siapa? Kita hendak bantu adalah institusi itu sendiri bukan kepada NGO. Kita alu-alukanlah selepas ini semua alumni kita hendak bagi sesiapa boleh tetapi ini hanya diberikan kepada alumni sebagai peruntukan kepada alumni.

Di manakah letaknya persatuan yang boleh menerima geran padanan? Tidak ada satu. Tidak pernah ada satu *precedence* sebegitu. Oleh sebab itu saya kata, jangan membelakangkan Dewan Rakyat. Kita ini duduk di sini berbincang daripada pukul 10 pagi sampai 12 tengah malam kita bincang, kita hendak luluskan bajet. Akan tetapi tidak ada satu yang diperihalkan sampai Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh kata RM30 juta diberi kepada TAR UC kalau MCA tidak masuk. Maksudnya apa?

Dia boleh ikut *at his whim and fancy*. Dia hendak buat bila-bila, dia boleh buat. Ini bukanlah belanjawan yang kita bincang di sini. Mana ada, tidak ada... *[Menepuk buku Bajet]*

Tahun lalu, tahun 2019 tidak ada, Belanjawan 2020 tidak ada. Ini dari segi prosedur tidak betul.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat, tidak betul. Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak pernah cakap macam itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Oleh sebab itu saya minta dan yayasan yang boleh ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bagan dia kata akan letak seorang wakil Kementerian Kewangan. Soalan saya, dalam *board of governance* Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman tidak ada satu institusi IPTS di Malaysia seperti Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Kita ada wakil empat orang daripada Kementerian Pendidikan. Kita ada seorang wakil daripada Kementerian Kewangan. Sekarang dia kata hendak letak seorang wakil daripada Kementerian Kewangan duduk dalam *trust fund* dia. Saya hendak tanya, kalau lima orang pegawai daripada lantikan Yang Berhormat Menteri masuk ke *board of governances*, itu tidak mencukupi. Seorang dia kata boleh.

**■1250**

Ini bermaksud kita tidak percaya apa yang kita telah lantik. Sistem ini telah wujud pada tahun 2013.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Ayer Hitam...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Di mana perginya sistem kita?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan. Masa sudah cukup 10 minit.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya ingat- okey, isu ini sangat penting. Sebab mereka kacau saya, saya buat kesimpulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kesimpulan. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya minta- yang lain diam, kamu bukan Menteri. Biar saya tanya kepada Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita bagi dia masa sikit.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Dia buat bising, telinga panas, telinga panas.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Siapa yang makan cili dia yang terasa pedaslah. Saya hendak kata Yang Berhormat, kalau ditubuhkan nama Tabung Amanah Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, yang ini pihak pemilik pun tidak tahu. Dia seolah-olah meletakkan satu badan untuk menggantikan badan yang ada.

Ini kah undang-undang *rule of jungle* kah? Mana boleh guna macam ini. Akta 555, di mana perginya? Oleh sebab itu saya kata, jangan membelakangkan- kalau usaha politik- kalau rasa dia tidak suka dengan MCA, tidak apalah. Saya sudah cadangkan dalam Dewan ini, penting iaitu...

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau tidak suka dengan kita, tunaikan janji RM1,000 pada pelajar-pelajar. Tidak ada masalah. Kenapa ditubuhkan satu tabung...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Saya rasa itu sangkaan jahat itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Diam, bukan *floor* kamu. Duduk.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey, yang terakhir, yang terakhir...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sekarang bukan *floor...*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Ayer Hitam rumuskan tadi. Silakan dan rumuskan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, satu perkara sangat penting. Semasa kita buat keputusan iaitu di peringkat Dasar, saya ada membangkitkan di bawah Rancangan Makanan Tambahan sebanyak RM295 juta yang dinyatakan dalam buku ini dengan jelas. Apa Yang Berhormat jawab? Program Sarapan Pagi, tidak ada di dalam buku ini.

Saya hendak bertanya sekarang kita hendak luluskan yang mana satu? Ada tidak merangkumi sebanyak RM1.67 bilion, Program Sarapan Pagi ataupun semata-mata kita melihat RMT sebanyak RM295 juta?

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Perintah Tetap...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kata boleh kita *rectify* kemudian. Oleh sebab itu saya minta sebelum kita luluskan di peringkat Jawatankuasa, apa yang kita hendak luluskan?

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Perintah Tetap...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Apakah dalam kita sibuk berbahas ini, masih lagi kita tidak faham sebanyak RM1.67 bilion itu yang tidak ada dalam Buku Bajet, yang diumumkan oleh Menteri tetapi dalam Buku Bajet ternyata ada RM295 juta- ini demi kebaikan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bila sudah dapat duit itu, kewangan berdasarkan kepada buku ini bukan sebanyak RM1.67 bilion yang diumumkan. Itu saya minta penjelasan sebelum kita boleh bagi sokongan dalam bajet kali ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila, Yang Berhormat Beruas.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perintah Tetap 37(1)(b). Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap kecuali jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh Ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat Ahli yang sedang bercakap itu mahu beralih dan duduk dan Ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, tadi saya bangun untuk mendapatkan penjelasan mengenai perkara yang pihak kerajaan tidak boleh jelaskan. Ini kerana akaun KUTAR, Kolej Universiti...

**Dato’ Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Ini *point of order* kah atau berucap? Ini tidak boleh pakai. Ini berhujah!

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Merupakan perkara di dalam pengetahuan MCA sahaja. Bukan oleh Menteri.

**Dato’ Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** *It’s not your floor. You* pakai *point of order* tetapi bukan berucap.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Oleh sebab itu tadi dalam penghujahannya, saya ingin dapat tahu...

**Dato’ Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Apa Tuan Pengerusi begini ini? Sudah jawab, *you* Menteri kah?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tentang rizab KUTAR sebanyak...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, tidak boleh pakai ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa. Dia gunakan Peraturan tadi, Yang Berhormat...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Dia bukan baca Peraturan, dia berhujah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebanyak RM634 juta dan setiap tahun bunganya sebanyak RM24 juta...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Dia berhujah. Apa yang berhujah pula?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau Tuan Pengerusi benarkan, saya boleh terus jawab apa soalan dia. Sekarang bukan maksud pendirian saya boleh berani...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kenapa MCA pergi merata-rata tempat untuk dapat derma daripada orang ramai, daripada penjajah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak berani, bagi saya. Kalau Tuan Pengerusi bagi saya boleh jawab. Saya tidak ada masalah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi, penjelasan itu perlu diberikan supaya rakyat ada satu...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Akaun ada dekat sini, saya ada semua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu pandangan yang *balance* yang tahu keadaan sebenar...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini penjelasan kah atau dia berbahas? Dia tidak faham! Sebab itu kalau nak...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Speaker sendiri tidak faham, inikan speaker DUN Negeri....

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Beruas kita cuma rujuk kepada Peraturan 37 sahaja dan telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi.

Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagi Yang Berhormat Ayer Hitam peluang untuk menjelaskan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Hei, nak saya jawab? Bagi saya 10 minit, saya jawab. Saya boleh mematahkan semua hujah Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Ayer Hitam telah menjawab, Yang Berhormat Ayer Hitam telah menjawab.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini bukan *floor* dia, sebab Menteri mahu jawab kena hormat Menteri... *[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak baik, tidak baik...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau tidak suka, kita naik Astro Awani, 8TV, jangan panggil Yang Berhormat Bagan naik sahaja. Saya boleh, saya anak jantan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini Menteri tidak boleh jawab kerana ini akaun Kolej Universiti TAR... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** ...Mahu jawab!

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak benarkan perbahasan seperti ini. Saya hendak teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor untuk meneruskan perbahasan peringkat Jawatankuasa ini. Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

**12.55 tgh.**

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada Kepala Bekalan B.63 Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur dengan peruntukan sebanyak RM42 juta, serta Butiran 080500 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM dengan peruntukan sebanyak RM800 juta.

Mohon kementerian menyatakan jumlah peruntukan yang akan diturunkan kepada sekolah di kawasan Hulu Selangor. Di Hulu Selangor terdapat sebuah sekolah yang amat kritikal iaitu Sekolah Kebangsaan Seri Fajar kerana kemudahan kantin sekolah itu telah rosak lebih daripada tiga tahun. Kerja-kerja baik pulih sehingga kini belum lagi dilaksanakan. Oleh itu, besarlah harapan masyarakat tempatan sekiranya kerja-kerja membaik pulih ini dapat diluluskan dan dilaksanakan secepat mungkin.

Butiran 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah dengan peruntukan sejumlah RM6 juta. Mohon pihak kementerian mempertimbangkan permohonan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Serendah yang sehingga kini masih belum mempunyai makmal komputer dan kelengkapannya.

Komputer yang pernah dibeli kepada sekolah pada tahun 2006 pula telah dihapus kira. Ini merupakan satu keperluan untuk pelajar di sana agar tidak ketinggalan dalam bidang ICT. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Sekolah Menengah Kebangsaan Serendah turut meraikan beberapa pencapaian kecemerlangan di bidang STEM terutamanya dalam kluster ICT dan digital seperti berikut:

(i) mendapat anugerah *Best Videography* peringkat kebangsaan dalam penyediaan video anjung;

(ii) mendapat tempat naib johan peringkat kebangsaan dalam pembinaan aplikasi program *Wonder Apps*; dan

(iii) mendapat tempat ketiga peringkat kebangsaan dalam video *Adiwira Nando*.

Selain itu, subjek asas sains komputer untuk tingkatan satu hingga tingkatan tiga dalam sains komputer untuk tingkatan empat dan tingkatan lima tidak dapat ditawarkan kepada pelajar kerana tidak adanya kemudahan makmal komputer. Saya menyeru pihak kementerian dapat mempercepatkan kelulusan bagi menyediakan makmal komputer untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Serendah bagi memastikan pelajar-pelajar ini tidak terus ketinggalan di bidang ICT.

Butiran 080400 dengan peruntukan sebanyak RM183 juta, apakah program baharu yang akan dilaksanakan oleh kementerian? Mohon kementerian juga untuk membantu para pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan SJKT untuk memperkukuhkan kemahiran bahasa Malaysia agar dapat melanjutkan pendidikan menengah tanpa perlu melalui kelas peralihan.

Butiran 080900 – Bantuan Sukan dengan peruntukan sebanyak RM51 juta serta Butiran 082100 – Penyertaan Pelajar di Peringkat Antarabangsa dengan peruntukan sebanyak RM1 juta sahaja disarankan agar pihak kementerian melihat kembali SOP bagi membantu para pelajar yang mewakili negara ke pentas antarabangsa. Sering kali atlet cilik yang kita berhadapan masalah perlu menanggung kos keluar negara dengan sendiri atau perlu membiayai kos kelengkapan sendiri. Ini sedikit sebanyak menurunkan semangat mereka. Diharapkan pada tahun 2020, pihak kementerian dapat memberikan peruntukan segera bagi membiayai kos pelajar kita mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

Beralih kepada Kepala Pembangunan P.63 Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional dengan peruntukan sebanyak RM165 juta. Adakah kementerian bercadang untuk membuka institusi baharu? Jika ya, mohon mempertimbangkan pembukaan di Hulu Selangor kerana daerah ini mempunyai pelbagai industri berteknologi tinggi yang mengangkat Revolusi Industri 4.0, dengan izin. Maka kita dapat memanfaatkan peluang ini dengan mengadakan kerjasama dengan industri untuk memenuhi kehendak pasaran semasa.

Butiran 03900 – Pembelian Tanah Pendidikan Pelbagai Negeri dengan peruntukan berjumlah sebanyak RM30 juta. Adakah tahun 2020, kementerian dapat menyelesaikan isu tanah SJKT Ladang Minyak di Hulu Selangor? Isunya bermula apabila kerajaan terdahulu telah menawarkan pembinaan sekolah ini di Bandar Serendah sebagai janji pilihan raya semasa PRK Hulu Selangor 2010. Kemudian, disusuli dengan dua kali Majlis Pecah Tanah pada tahun 2012 dan tahun 2015 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' P. Kamalanathan yang juga merupakan Ahli Parlimen Hulu Selangor pada ketika itu.

Walaupun atas kapasiti sebagai Timbalan Menteri Pendidikan terdahulu, beliau dilihat tidak dapat menyelesaikan isu ini di bawah pentadbirannya. Peruntukan turun diumumkan oleh kerajaan terdahulu yang membabitkan kos pembinaan berjumlah RM6.43 juta. Malahan kini lebih kurang 20 murid prasekolah terpaksa menumpang belajar di Kuil Sri Selva Vinayagar Serendah kerana ketiadaan sekolah ini. Saya memuji pihak kuil kerana sudi menanggung kos perbelanjaan murid B40 prasekolah ini selama 10 tahun.

Oleh itu, di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, saya mohon jawapan pihak kementerian kerana masyarakat kaum India risau di atas isu tanah yang belum selesai lebih kurang 10 tahun. Adakah dana yang telah diberikan sebelum ini masih dikekalkan untuk pembinaan sekolah pada masa hadapan? Mohon respons daripada Yang Berhormat Menteri.

Terakhir, Butiran 04800 – Kolej Komuniti dengan peruntukan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, berkenaan P. Kamalanathan. Bolehkah?

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini pemimpin P. Kamalanathan ini dia jadi hero. Dia adalah wakil rakyat MIC, Timbalan Menteri Pendidikan. Menteri kah Timbalan Menteri pada ketika itu? Timbalan Menteri. Beliau pergi menguar-uarkan kata di semua tempat Barisan Nasional telah membina sekolah dan sebagainya. Akan tetapi terima kasihlah kerana hari ini kita tahu dia ini adalah orang yang tin kosong, bising sahaja. Langsung tidak buat apa-apa. Kawasan saya pun tidak bina sekolah juga. Serupa macam MIC. Selalu tipu, tipu, tipu belaka. Terima kasih di atas penjelasan. Saya mohon penjelasan itu diberikan perhatian.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi saya yakin Menteri ini boleh memberikan perhatian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tidak ada di sini untuk mempertahankan diri mereka, mana boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** DAP, dia boleh tuduh MIC tipu. Saya hendak kata hari ini DAP ialah parti yang berfahaman komunis. Bawa balik abu Chin Peng. Komunis!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya minta-tarik balik. Yang Berhormat Arau...

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Tarik balik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Tarik balik kenyataan itu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Arau, tarik balik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau berani datang balik.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Kalau jantan jangan lari.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya dengar dengan teliti tadi. Apabila Speaker menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat harus berbudi bahasa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Saya minta tarik balik perkataan 'komunis'. Saya minta dia tarik balik perkataan 'tipu'.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta, dua-dua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat- dia tarik balik dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia kata tipu dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, minta kedua-dua- minta.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta tarik balik kedua-duanya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tarik dahulu, *you* tarik dahulu.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau tarik balik kenyataan komunis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dua-dua minta tarik balik, kalau tidak saya ambil keputusan untuk membuat sesuatu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bercakap kepada saya, Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Yang Berhormat Jelutong bercakap kepada saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sebut tipu, saya pun guna perkataan tadi. Itu sahaja. Dia tarik tipu, saya tarik komunis. *As simple as that.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *So,* memandangkan Yang Berhormat Arau tarik balik, saya katakan MIC...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tarik dahulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...MIC dalam perkara ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tarik balik perkataan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tarik...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Tidak melakukan tugas dan telah juga menipu rakyat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tarik dahulu, fasal apa dia kata saya tarik balik. Eh, awak tarik dahulu. Perangai memang...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, tarik balik. Tarik balik. Baik, terima kasih. Tarik balik. Baik, saya minta Yang Berhormat Hulu Selangor, masa telah...

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** / sambung sekejap sahaja Tuan Pengerusi. Terakhir, Butiran 04800 – Kolej Komuniti dengan peruntukan berjumlah RM115 juta, berapakah peruntukan untuk Kolej Komuniti Hulu Selangor untuk tahun 2020? Saya berkesempatan mengadakan lawatan di kolej tersebut baru-baru ini. Amat mendukacitakan apabila anak-anak kita terpaksa menjalani proses pembelajaran dalam keadaan kepanasan hampir keseluruhan kelasnya tiada penghawa angin yang berfungsi. Ini terjadi kerana kolej ketiadaan dana untuk membiayai kos penyelenggaraan dan pembaikan.

Selain itu, para pelajar ini juga tidak disediakan kemudahan hostel bagi mereka yang datang daripada luar kawasan Hulu Selangor. Saya menyeru agar pihak kementerian turun padang menyiasat serta mengambil tindakan segera bagi memberikan keselesaan kepada para pelajar semasa menuntut ilmu di samping memastikan kebajikan para pelajar kita terpelihara.

Tuan Pengerusi, memandangkan permintaan untuk mendirikan institusi TVET terbaru tidak dapat dilaksanakan buat masa ini, oleh itu saya sekali lagi memohon pertimbangan pihak kementerian agar menambahkan lagi pengkhususan yang menjurus kepada bidang TVET di Kolej Komuniti Hulu Selangor. Walaupun dalam jarak 100 kilometer dari daerah terdapat institusi TVET yang berdekatan, namun perlu diingatkan para pelajar di Hulu Selangor ini merupakan daripada luar bandar. Kebanyakan keluarga ini mempunyai sumber pendapatan yang terhad, B40. Maka amat mustahil para pelajar diminta berulang alik ke institusi berdekatan setiap hari.

Hulu Selangor mempunyai industri berteknologi tinggi seperti sektor pembuatan automotif, aeroangkasa, kereta api dan pelbagai lagi. Ini merupakan satu peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan pemain industri utama ke arah membina hab pendidikan IR 4.0 diizinkan di samping memperluaskan lagi bidang TVET di kawasan luar bandar. Kerjasama ini bagi memastikan keberkesanan institusi TVET dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran belia di luar bandar.

Oleh sebab itu, Hulu Selangor amat berharap Kolej Komuniti Hulu Selangor dapat dinaiktarafkan dengan menawarkan pengkhususan TVET mengikut pasaran kerja yang ada di daerah ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita berhenti rehat. Saya ada menerima sebanyak 25 pembahas daripada Pakatan Harapan kemudian 19 orang Barisan Nasional, kemudian sembilan orang daripada PAS dan tiga orang daripada GPS, ramai. Jadi selepas daripada *break* nanti kita akan mulakan dengan Yang Berhormat Tampin, tujuh minit diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Hulu Rajang dan mengikut senarai seterusnya.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.07 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

**■1430**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, saya mencadangkan di mana Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 5 dan mulai sekarang masa dihadkan kepada tujuh minit. Saya jemput Yang Berhormat Tampin, sila.

**14.32 ptg**

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Tampin akan menyebut beberapa butiran di dalam belanjawan untuk Kementerian Pendidikan ini. Yang pertama ialah Butiran 080300 yakni Kenaikan Pangkat Pendidikan Tinggi.

Saya berharap kenaikan pangkat para pensyarah di universiti awam perlu dinilai semula kerana saya lihat sesuatu yang amat berat. Walaupun mereka telah mendapat tahap pendidikan yang tinggi, yakni Ijazah doktor falsafah, namun kita lihat kenaikan pangkat di kalangan mereka agak membebankan. Walaupun ada kaedah dan pendekatan pada setiap universiti awam dan mempunyai SOP yang tersendiri, namun kadang-kadang ia sukar untuk dicapai oleh kakitangan akademik.

Saya ingin bertanya, apakah kementerian akan berusaha untuk menyelaraskan proses kenaikan pangkat di kalangan kakitangan akademik bagi universiti awam di negara ini atau sekurang-kurangnya sekiranya terdapat jurang perbezaan yang ketara antara universiti awam di negara ini dalam soal kenaikan pangkat, apakah kementerian cuba merapatkan jurang perbezaan tersebut atau kementerian hendak meletakkan selaras dengan apa yang diberikan kepada guru berdasarkan TBBK atau *time-base* berdasarkan kecemerlangan. Perkara ini penting dalam proses memotivasikan para pendidik di peringkat universiti.

Perkara yang kedua, yang saya hendak sebut ialah 082900 - Sekolah Transformasi yang diperuntukkan sebanyak RM7.5 juta. Kita sedia maklum hasrat kerajaan untuk menjadikan sekolah transformasi bertambah daripada semasa dan kementerian mengharapkan pencapaian pelajar dan yang meningkat daripada tahun ke tahun. Justeru itu kalau kita lihat para guru memerlukan komitmen yang tinggi untuk memastikan gerakan sekolah transformasi ini berjalan dengan baik. Banyak peralatan diperlukan.

Justeru itu saya fikir peruntukan ini belum mencukupi kerana banyak perkara-perkara yang hendak dilaksanakan dalam mentransformasikan sekolah yang telah digagaskan oleh Kementerian Pendidikan. Butiran yang ketiga ialah 00800 - Rumah Guru dibaca sekali dengan Butiran 010300 - Pembangunan Infrastruktur. Saya dapati banyak rungutan yang dikemukakan oleh guru berkaitan dengan penyediaan rumah guru khususnya rumah guru di kawasan luar bandar dan banyak juga rumah guru di luar bandar tidak dihuni kerana guru-guru yang bertugas telah mempunyai rumah sendiri yang menyebabkan rumah yang disediakan seperti tidak bermakna.

Saya ingin bertanya, apakah rumah yang tidak dihuni itu boleh diguna pakai untuk kegiatan lain seperti tadika ataupun perkara-perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada sekolah berkenaan. Saya dimaklumkan kementerian tidak membenarkan penggunaan lain selain daripada rumah guru. Saya rasa dasar ini perlu difikirkan semula supaya kediaman itu tidak terbiar begitu sahaja.

Demikian juga dengan bangunan yang berlebihan. Misalnya terdapat dua bangunan kelas tidak digunakan, Sekolah Menengah Bukit Rokan contohnya ada dua bangunan yang tidak digunakan tetapi terbiar begitu dan dicadangkan oleh PPD untuk dijadikan asrama tetapi tidak dibenarkan kerana ia tidak memerlukan, tidak memenuhi spesifikasi bangunan itu didirikan.

Butiran yang keempat yang saya hendak sebut ialah 00204 - Sekolah Asrama Penuh dibaca sekali dengan Butiran 01030 - Pembangunan Infrastruktur. Apakah peruntukan ini termasuk dalam membina sekolah asrama penuh. Sekiranya ia termasuk pembinaan sekolah asrama penuh, Yang Berhormat Tampin ingin memohon kerana perkara ini telah lama dikemukakan tapi tidak mendapat respons yang baik daripada kementerian. Justeru itu saya mengharapkan supaya kementerian merancang untuk memasukkan peruntukan ini dan mendirikan sekolah asrama penuh di daerah Tampin. Kewujudan sekolah asrama penuh di kawasan ini sudah pasti meningkatkan lagi motivasi pelajar untuk mendapatkan sistem yang lebih baik pada masa akan datang.

Butiran yang keenam yang saya hendak sebut ialah 05011- Penyelidikan Fundamental dan diperuntukkan ialah RM400 juta dibaca sekali dengan Butiran 05012 - Latihan Penyelidikan Universiti. Peruntukan ini dikurangkan daripada tahun 2019. Saya fikir peruntukan ini tidak mencukupi sedangkan penyelidikan amat penting kerana setiap tindakan pembangunan negara sewajarnya berdasarkan penyelidikan. Apakah peruntukan ini diagihkan juga kepada universiti.

Lima universiti yang telah diangkat sebagai universiti penyelidikan sedangkan lima universiti yang telah dikategorikan sebagai universiti penyelidikan sudah ada peruntukan penyelidikan. Saya berharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya apakah yang menjadi fokus kementerian dalam menentukan hala tuju FRGS ini.

Bagaimana ia diagihkan antara universiti, apakah ianya berdasarkan jumlah kakitangan akademik ataupun berdasarkan bidang pengajian dan proposal yang disediakan oleh universiti-universiti berkenaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin, sekarang saya jemput Yang Berhormat Machang.

**2.39 ptg.**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya terus kepada maksud P.63, Butiran 01000 - Pejabat-pejabat Pendidikan.

**■1440**

Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri dapat melihat PPD Machang.Ini kerana buat masa ini PPD Machang masih lagi menumpang di Sekolah Kebangsaan Tok Bok dan saya merasakan bahawasanya tak banyak dah PPD dalam negara ini yang masih lagi menumpang bangunan sekolah. Jadi, minta Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini dan kita melihat kepada peruntukan untuk tahun 2020 hanya RM17 juta, sudah tentu tidak mencukupi. Harap Yang Berhormat Menteri dapat `89memohon peruntukan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan agar PPD Machang mempunyai bangunannya sendiri.

Seterusnya kepada Maksud B.63, Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Jemaah Menteri pada mesyuarat 6 Jun 2018 telah memutuskan untuk pihak Kementerian Pendidikan menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD) untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara. JKD ditubuhkan untuk mengkaji Dasar Pendidikan Negara selain Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, daripada prasekolah sehinggalah lepasan menengah dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 di peringkat pendidikan tinggi.

Selain itu juga, jawatankuasa ini telah membuka peluang kepada orang ramai untuk memberikan cadangan bagi menambah baik sistem pendidikan negara ini yang merangkumi aspek penambah baik kurikulum, kesedaran sivik dan pembentukan nilai murni pelajar. Jadi apa yang saya nak bangkitkan di sini, adakah syor-syor yang telah dibuat oleh JKD selepas lebih setahun ianya ditubuhkan, pihak kementerian telah melihat perkara ini dan adakah cadangan pihak kementerian untuk memansuhkan aliran-aliran sains dan sastera adalah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh pihak JKD.

Juga jika kita lihat pada butiran ini, berlaku peningkatan yang agak ketara bagi butiran kecil, Butiran 10000 – Emolumen. Peningkatan hampir RM10 juta sedangkan bilangan penjawatnya adalah sama iaitu 405 orang. Mohon saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah justifikasi bagi kenaikan ini.

Selain itu butiran ini juga bagi butiran kecil Butiran 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, terdapat peruntukan baharu sebanyak RM45 juta yang diperuntukkan pada tahun 2019, tiada sebarang peruntukan sekarang ini untuk butiran ini. Saya juga nak tahu dengan pihak kementerian, bagaimanakah RM45 juta ini akan dibelanjakan. Adakah terdapat sebarang peruntukan khusus yang diperuntukkan untuk pengoperasian Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara dan juga jika ada, berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan ini.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 030200 dan Butiran 030300 – Pendidikan Menengah dan Pendidikan Rendah. Pada Januari 2019 yang lalu, Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional, Profesor Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan telah memberikan cadangan agar Kementerian Pendidikan menetapkan harga siling bagi pembayaran yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) berdasarkan kemampuan setiap ibu bapa.

Langkah ini adalah untuk mengelakkan ibu bapa terbeban dengan jumlah yuran PIBG yang agak tinggi di setengah-setengah sekolah terutamanya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Kalau sekolah-sekolah kawasan luar bandar ini biasanya masalah tabungan PIBG ini Yang Berhormat Menteri, adalah menjadi satu daripada masalah utama.

Jadi kita mencadangkan supaya keluarga-keluarga yang anaknya ramai, tergolong daripada golongan B40 yang mana tersenarai di dalam penerima-penerima BSH agar mereka ini kalau boleh dikecualikan daripada yuran-yuran PIBG ini dengan syarat pihak kerajaan membantu balik PIBG ini dengan memberi peruntukan sebanyak manakah ibu bapa yang tidak dapat ataupun dikecualikan daripada bayaran yuran ini ditampung oleh pihak kerajaan. Mungkin RM150 atau RM130 adalah kecil bagi kita tetapi masyarakat di luar bandar, ia satu jumlah yang besar. Ditambah pula dengan keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Bagi Butiran 040100 – Pengajaran dan Pembelajaran. Peruntukan ini sebanyak RM131 juta. Jadi, apakah tujuan terhadap perancangan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian berkaitan pemansuhan aliran-aliran sains dan sastera di dalam pengenalan empat pakej baharu yang juga terdapat dalam akhbar harian semalam.

Apakah ada program *Town Hall*? Ada tak pihak kementerian buat *Town Hall* dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mendapatkan *feedback* ataupun maklum balas khususnya daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), guru-guru dan juga NGO-NGO lain. Kalau Yang Berhormat Menteri dah buat, kita nak tahu dengan pihak NGO manakah yang telah Yang Berhormat Menteri buat *Town Hall* ataupun mendapat maklum balas daripada program-program yang hendak dilaksanakan ini.

Satu lagi saya nak sebut di sininya ialah berkenaan dengan Butiran 083300. Saya nak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah program MyBrain untuk tahun 2020 ini ada atau tidak ada ataupun ada program-program lain? Saya tahu masa dah cukup tetapi Tuan Pengerusi, saya minta sikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Untuk menggantikan program MyBrain ini dan juga apakah bentuk-bentuk bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian? Saya juga nak tahu kursus-kursus yang telah diberikan biasiswa sepanjang tahun 2019 dan kalau boleh nyatakan jumlah mengikut pecahan kursus-kursus yang telah diberi biasiswa oleh pihak kerajaan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Maksud P.63, Butiran 01900 – UTM (Universiti Teknologi Malaysia). Peruntukan untuk tahun 2019 lebih RM81 juta dan tahun 2020 sebanyak RM36 juta. Bagi tujuan ini, terdapat penurunan sebanyak RM45,700,000 bersamaan 56 peratus. Jadi, adakah ini yang menyebabkan sebagaimana yang disiarkan di laman web rasmi UTM pada 19 Julai 2019 iaitu akan mengenakan kenaikan yuran terhadap kemasukan pelajar-pelajar yang bermula pada tahun 2020.

Bagi kita semua, kita merasakan ianya patut dilihat oleh pihak kementerian agar kenaikan ini tidak akan membebankan rakyat dan juga tidak membebankan ibu bapa kepada pelajar-pelajar miskin terutamanya yang berada di luar bandar. Itu sahaja yang dapat saya bangkitkan, kesempatan masa cukup terhad. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat, selepas itu Yang Berhormat Kubang Kerian.

**2.48 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang menyertai perbahasan peringkat Jawatankuasa P.63 – Kementerian Pendidikan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 – Pendidikan Menengah dan juga Butiran 030400 – Pendidikan Lepas Menengah kepada kementerian. Saya ingin dapatkan pandangan Kementerian Pendidikan mengenai arah tuju peringkat STPM di Malaysia kerana kita dapati bahawa ramai pelajar lepasan SPM dan juga sebagainya, mereka kalau boleh tidak mahu masuk ke STPM dan mereka mahu ke matrikulasi.

Persoalannya, adakah hanya kerana STPM itu lebih susah untuk mendapat keputusan yang cemerlang ataupun kerana kekurangan fasiliti di sekolah-sekolah menengah yang menawarkan STPM itu. Ini kerana saya sendiri telah melawat beberapa sekolah di Daerah Segamat itu sendiri contohnya Sekolah Tinggi Segamat, saya mendapati bahawa infrastruktur di sekolah itu sendiri kerana kita mendapati seolah-olah tidak ada perbezaannya daripada Tingkatan 1 mahupun Darjah 6.

■1450

Apa yang bezanya hanya kita ada kerusi, ada meja yang sedikit lebih tinggi. Itu sahaja. Tidak ada apa-apa perbezaan. Padahal, apabila mereka memasuki matrikulasi, mereka seolah-olah telah memasuki prauniversiti dan biliknya ada yang berhawa dingin dan juga sebagainya. Selain daripada prestij dan juga kemungkinan mengatakan bahawa peperiksaan matrikulasi itu jauh lebih senang kerana melibatkan dua semester atau sebagainya. Manakala, STPM itu adalah satu peperiksaan yang amat sukar sekali.

Maka, ini merupakan satu yang kita harus kaji dan juga fikir bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Jika tidak, kita akan mendapati bahawa STPM itu akan menjadi satu peperiksaan yang semua orang hendak elakkan. Mereka yang membuat STPM ini kerana terpaksa mahupun di bandar-bandar kecil yang lain ataupun di kawasan pendalaman, dia tidak ada peluang lain, maka dia terpaksa lah tinggal. Maka, yang tinggal di STPM ini, mereka mempunyai fasiliti yang amat mendukacitakan. Pada masa yang sama...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Batu Gajah ingin mencelah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh? Batu Gajah. Batu Gajah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Segamat, berkaitan dengan isu STPM dengan matrikulasi ini. Saya berpendapat bahawa negara kita tidak perlu dua sistem yang berbeza. Kalau kita ada satu sistem, sama ada STPM ataupun matrikulasi, saya rasa itu adalah lebih baik supaya kita tidak bagi satu pilihan seperti ini, di mana kebanyakan pelajar-pelajar hari ini mereka mahu memilih matrikulasi dan bukan STPM. Kalau ada satu sistem yang sama, maka adalah lebih mudah untuk kita selaras dan mudah untuk membuat keputusan siapa yang layak untuk masuk universiti dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Saya rasa banyak di negara lain, contohnya di Singapura yang sebenarnya mempunyai satu aliran. Akan tetapi di Malaysia kerana kita mendapati adanya masalah ekonomi dan juga kawasan pedalaman disebabkan mendapat kesenjangan yang berbeza, maka matrikulasi ini diadakan. Saya berpendapat bahawa mungkin dalam satu masa nanti apabila kita mendapati kesenjangan ini telah pun dirapatkan, maka kita boleh adakan satu aliran. Akan tetapi pada masa ini, dalam masa yang terdekat untuk kepentingan belanjawan, ini adalah belanjawan tahun hadapan. Maka, saya berpendapat bahawa sesuatu yang kementerian boleh fikirkan adalah bagaimana memastikan kelulusan STPM itu boleh memiliki nilainya sendiri.

Maksudnya, kalau mereka tidak gunakan STPM ke universiti, maka dia sama taraf dengan diploma. Contohnya, kita boleh adakan *high school* diploma mungkin dalam dua aliran. Satu aliran sains, aliran sastera. Maka, bila dia *graduate*, dia ada diploma. Maka, apabila dia hendak cari jawatan dalam kerajaan dan juga sebagainya, saya tidak tanya ada diploma, maka dia tidak rugi dua tahun jika tidak mahu ke universiti.

Mungkin itu satu yang boleh dipertimbangkan dan perlu ada satu kajian Kertas Putih. Oleh sebab kalau tidak, STPM ini menjadi satu kelulusan yang semua orang hendak cuba elakkan. Dia buat kerana terpaksa seperti saya, zaman saya dahulu. Zaman saya ini tidak ada matrikulasi, tidak boleh masuk kerana bukan bumiputera, maka tidak boleh masuk. Akan tetapi sekarang bukan bumiputera pun dibenarkan masuk. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada tahun ini, pada masa yang sama saya hendak bincang, mungkin kerana saudara Yang Berhormat Batu Gajah bawa tadi.

Contohnya, satu lagi masalah Yang Berhormat Menteri, walaupun pada tahun ini kerajaan telah menawarkan 1,993 tempat kepada pelajar-pelajar India melibatkan hampir 60 peratus daripada B40 tetapi sayangnya hanya 1,221 yang mendaftarkan diri.

Maka, walaupun ada desas-desus ramai masyarakat minta wakil rakyat untuk bawa minta 2,500 tetapi hanya 1,993 yang layak, yang mendaftar hanya 1,221.

Maka, kita mendapati ada masalah yang ini lah yang saya rasa boleh dibacakan dengan Butiran 083300 - Biasiswa Pendidikan Tinggi dan juga sebagainya. Saya juga memohon adakah Kementerian Pendidikan boleh juga berbincang dengan pihak MITRA yang diberikan RM100 juta agar sebilangan daripada 20 peratus daripada duit itu digunakan untuk pelajar-pelajar daripada golongan B40 tadi. Maka, yang hampir 700 pelajar yang tidak mendaftar tadi, boleh dibantu.

Oleh kerana mereka datang daripada B40, mereka tidak mendaftarkan diri, kemungkinan besar juga daripada panggilan telefon yang saya buat dan juga sebagainya, adalah kerana mempunyai masalah kewangan. *The first one thousand dollars,* dengan izin, RM1,000 pertama. Maka, ianya boleh juga dibincangkan. Maka, cadangan itu saya minta juga lah apa yang Yang Berhormat Batu Gajah minta tadi, masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Saya terkejut tadi buat kali pertama Yang Berhormat Batu Gajah mencelah, perlahan sahaja, maka saya mencari. Minta maaf.

Saya juga ingin membawa kepada Butiran 050300 – Latihan Kepimpinan. Saya rasa ini satu perkara yang amat penting kepada PPD. Oleh kerana kita mendapati apabila kita ada PPD yang mempunyai kepimpinan tinggi, maka saya dapat tengok di Segamat sendiri, apabila kita duduk berbincang, hampir kurang daripada dua tahun kita dapat naikkan Segamat daripada yang tidak ke mana dalam *ranking* tetapi menjadi nombor satu di negeri Johor. Di hadapan Johor Bahru dan juga banyak daerah-daerah yang maju, maka ini satu. Saya ingin banyak bicara tetapi saya ingatkan masa tidak mencukupi, maka biar saya membuat kesimpulan.

Mengenai satu lagi perkara yang saya ingin bantu adalah mengenai Butiran 080900 – Bantuan Sukan, Butiran 03400 – Program Pembangunan Sukan, mengenai program catur di sekolah. Maka, telah dibuktikan di banyak negara lain, catur ini mempunyai pemikiran yang kreatif. Catur ini kita boleh jadikan sebahagian daripada mata pelajaran pemikiran kreatif di sekolah.

Adakah kementerian sanggup bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga NGO-NGO untuk memulakan program catur? Tidak kira anak Melayu, anak Cina, anak Kadazan dan juga sebagainya. Kos untuk kemasukan permainan ini amat rendah dan positifnya begitu banyak sekali. Adakah kementerian ingin masukkannya salah satu sebagai kokurikulum dan mungkin sebagai satu mata pelajaran utama di antara negara lain? Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana izinkan saya menyertai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Selepas itu Yang Berhormat Tenom.

**2.56 ptg.**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Kali ini kita lihat peruntukan ditingkatkan daripada RM19.9 juta kepada RM79.6 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung dengan peningkatan mendadak lebih daripada 200 peratus bagi Butiran ini iaitu daripada RM19 juta kepada RM79 juta. Kenaikan berpunca daripada peruntukan RM45 juta bagi kod pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Apakah peruntukan tersebut? Siapa penerima peruntukan tersebut kerana jumlahnya sangat besar dan perlukan sedikit penjelasan? Sekiranya berkaitan dengan reformasi Dasar Pendidikan, maka saya juga perlukan Butiran berhubung dengan perkara ini.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang menjalankan *survey* atau kajian *stress* di kalangan guru-guru. Kebanyakan mereka tertekan dengan bebanan kerja, sikap pelajar dan persekitaran sekolah. Cabaran ini mesti ditempuhi tetapi kebajikan mereka tidak boleh diabaikan. Lebih membimbangkan sekiranya mereka mengalami masalah kemurungan, tekanan darah tinggi dan mental.

Saya juga ingin bertanya, sejauh manakah pelaksanaan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk mengurangkan masalah perkeranian dalam kalangan guru-guru yang seperti mana yang pernah dinyatakan dalam Belanjawan 2019 lalu? Saya mengalu-alukan tindakan supaya dapat mengurangkan bebanan guru-guru dan kita bentuk suasana kerja yang seronok. Kita mengakui bahawa pengalaman saya sebagai guru, tiap-tiap hari, bertahun-tahun mengulang benda yang sama dalam kondisi, suasana pembelajaran dengan anak murid yang pelbagai masalah.

Kadang-kadang ia melahirkan tekanan yang agak besar kepada guru-guru dan perlunya kita wujudkan suasana ceria, seronok di sekolah-sekolah tersebut. Butiran 030100 – Pendidikan Awal. Terdapat beberapa perkara asas yang menjadi cabaran besar kepada kanak-kanak pra-sekolah iaitu pemprosesan terhadap *neurological* dan cabaran tersebut akan dipengaruhi oleh *skill memory* dan tumpuan mereka.

Sebagai contoh, isu komunikasi sosial dan *language disorder* (ADHD). Tambahan pula generasi Z sangat lama terdedah dengan gajet dan Internet. Justeru itu, saya ingin bertanya sekiranya kementerian telah menjalankan pemerhatian di peringkat pra-sekolah untuk mengenal pasti jumlah dan memberi solusi kepada sistem sokongan kepada pihak sekolah dan ibu bapa bagi mengatasi cabaran ini dengan lebih awal?

Butiran 030200 – Pendidikan Rendah. Saya ingin bertanya mengenai pentafsiran alternatif yang menggantikan peperiksaan bagi murid Tahap Satu. Sejauh manakah perkembangannya? Adakah ia telah dijalankan dengan seluruh sekolah kebangsaan di Malaysia? Berapa ramai pelajar tanpa dokumen yang telah pun dan yang akan memulakan persekolahan pada tahun 2019 dan 2020?

Adakah pihak sekolah akan menyediakan perkhidmatan untuk membantu ibu bapa menyelesaikan dokumen untuk para pelajar? Kita mengakui walaupun mereka ini tidak ada dokumen, bukan bererti mereka ini bukan rakyat Malaysia. Sebahagiannya, mereka berada di kalangan masyarakat orang asal dan mereka yang tidak mempunyai dokumen untuk masuk ke sekolah-sekolah. Seterusnya adalah anggaran peruntukan kepada Program Sarapan Percuma. Sekitar RM2 bilion sehingga RM3 bilion telah dimasukkan dalam Butiran ini. Saya ingin melihat pihak kementerian memperincikan mekanisme pelaksanaannya atau SOP bagi program ini.

**■1500**

Adakah proses tender membekalkan makanan telah pun dimulakan dan adakah pihak kementerian telah pun melakukan proses libat urus atau sesi penerangan dengan pihak sekolah bagi memastikan kelancaran program ini.

Butiran 030300 – Pendidikan Menengah, saya ingin bertanya jumlah sekolah pelajar sekolah menengah yang terlibat dengan masalah disiplin dan jenayah mengikut jenis pada tahun 2015 hingga tahun 2019.

Perkara ini disuarakan ekoran terlalu banyak klip video yang tular seperti menghisap rokok, *vape*, buli, gaduh, pergaulan laki-laki dan perempuan, pertengkaran dan perkelahian dengan guru dan sebagainya. Saya fikir satu fokus yang lebih serius perlu diberikan perhatian terhadap masalah disiplin khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah ataupun di peringkat lebih awal daripada sekolah menengah, sekolah rendah.

Saya melihat bahawa keperluan untuk subjek Sivik memperkenalkan semula tentang Rukun Negara, asas-asas pembentukan negara, perpaduan nasional dapat dieratkan supaya ia tidak menjadi satu cabaran besar pada masa-masa akan datang.

Seterusnya saya ingin bertanya mengenai penambahbaikan untuk subjek Pendidikan Agama Islam dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Pertama, berapakah jumlah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh negara buat masa ini dan adakah kementerian mempunyai perancangan untuk menambahkan SMKA dalam masa terdekat dan sejauh mana program Tahfiz Model Ulul Albab dilaksanakan di SMKA, sekolah berasrama penuh dan sekolah agama bantuan kerajaan.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan terhadap pencapaian suatu masa dulu kerajaan melaksanakan program j-QAF dan hasilnya sangat baik dia melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang, pelajar yang berakhlak dan warganegara yang bertanggungjawab. Saya melihat bahawa ada keperluan untuk kerajaan menilai kembali walaupun *point* ia sudah dibatalkan untuk dilihat kembali keperluan tersebut dan kalau boleh mungkin boleh diperkasakan di peringkat sekolah menengah.

Butiran 030100 – Pendidikan Tinggi, saya ingin bertanya berlaku peningkatan RM20 juta bagi butiran ini. Peningkatan lebih RM23 juta bagi kod pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Apakah butiran tersebut dan saya perhatikan semua peruntukan untuk universiti awam meningkat tahun 2020 kecuali Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang tidak ada peningkatan.

Persoalan saya mengapa ia berlaku dan seterusnya ia memberikan kuasa autonomi dan seterusnya ialah pemberian kuasa autonomi di universiti awam. Apakah skop autonomi yang dibenarkan kepada universiti supaya ia selari dengan dasar pengajian tinggi. Seterusnya saya ingin mengutarakan berapa perkara yang lain berhubung dengan terdapat banyak kajian yang kita dapati dibuat di peringkat sama ada di peringkat PhD ataupun *master* yang sangat baik, sangat bermutu.

Akan tetapi ia terperangkap ataupun berada hanya dalam perpustakaan ataupun di universiti-universiti. Ia gagal di manfaatkan oleh sama ada pihak kerajaan atau badan-badan swasta. Saya fikir banyak negara dia manfaatkan kajian-kajian ini untuk industri dan sebagainya. Mungkin suatu mekanisme perlu dilihat bagaimana untuk kita tingkatkan penggunaan hasil kajian-kajian yang berguna ini.

Masa sudah habis saya cuma hendak sebut satu perkara berhubung dengan Butiran 060300 – Universiti Malaya (UM). Saya ingin mendapat penjelasan lanjut terhadap cadangan Kerajaan Negeri Kelantan untuk memindahkan pusat pengajian Akademi Islam di Nilam Puri dan usaha kerajaan bagi mengatasi masalah di Nilam Puri ini supaya dapat diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan keupayaan mereka.

Tuan Pengerusi, saya fikir itu dengan yang masa diperuntukkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Memandangkan ramai Ahli Yang Berhormat ingin berucap dan Yang Berhormat Menteri akan mula menjawab pada pukul 5 petang. Oleh demikian saya hadkan masa mulai sekarang kepada lima minit. Sila Yang Berhormat Tenom, selepas itu Yang Berhormat Hulu Rajang.

**3.04 ptg.**

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya ruang perbahasan. Saya ingin menyentuh beberapa butiran yang pertama di bawah Bekalan 63, Butiran 03000 – Operasi Pendidikan bagi maksud Butiran 030200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Dalam Belanjawan 2020 di bawah tajuk Menaik Taraf Sekolah Kerajaan, menambah peruntukan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah daripada RM652 juta pada Belanjawan 2019 kepada RM735 juta pada Belanjawan 2020.

Antara lain disebutkan seperti berikut sekolah kebangsaan sebanyak RM300 juta, sekolah jenis kebangsaan Cina sebanyak RM50 juta, sekolah jenis kebangsaan Tamil sebanyak RM50 juta, sekolah berasrama penuh RM50 juta dan sebagainya. Malangnya di bawah peruntukan ini ada beberapa pihak yang menjadikannya sebagai satu isu perkauman dengan mengatakan kerajaan sekarang lebih mementingkan sekolah vernakular daripada sekolah kebangsaan yang kebanyakan pelajarnya adalah daripada kaum Melayu dan Bumiputera.

Hal ini kerana secara puratanya peruntukan yang diterima oleh sekolah kebangsaan adalah lebih sedikit. Walaupun pengiraan secara matematiknya mungkin betul tetapi saya kurang bersetuju kalau sekiranya dikatakan kerajaan membelakangkan orang Melayu dan Bumiputera dalam hal ini. Hal ini kerana saya mengambil contoh di kawasan saya sendiri di Tenom, ada beberapa sekolah jenis sekolah kebangsaan ini yang majoriti pelajarnya adalah dari kalangan bumiputera Murut, Dusun, Lundayeh dan pelajar-pelajar lain yang beragama Islam yang menjadi majoriti di sekolah-sekolah jenis kebangsaan tersebut.

Saya fikir ini bukan saja trend yang boleh dilihat oleh ibu bapa Melayu dan bumiputera di kawasan saya tetapi ibu bapa dari kawasan-kawasan lain juga yang berpendapat bahawa sekolah jenis kebangsaan ini dapat memberikan pelajaran yang lebih baik atau peluang masa depan yang lebih baik kepada anak-anak mereka.

Kedua di bawah Butiran 040100 – Bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Mohon justifikasi di atas peningkatan anggaran perbelanjaan yang sangat tinggi daripada RM16 juta pada tahun 2019 kepada RM147 juta pada tahun 2020 dan adakah kementerian bersetuju untuk meminda dan memasukkan di dalam buku Sejarah sekolah menengah tentang sejarah pembentukan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi Tanah Melayu dan bukan sebagai sebuah negeri dalam Malaysia.

Ketiga, di bawah Maksud Pembangunan 63, Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak di mana ada peruntukan sebanyak RM723 juta dalam Belanjawan 2020 untuk tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah bagi memastikan sekolah sedia ada dapat menyediakan pembelajaran yang lebih kondusif kepada pelajar. Di Tenom ini masalah sekolah daif sentiasa menjadi belenggu kepada permasalahan masyarakat dan prasarana pendidikan setempat.

Untuk makluman kepada kementerian, terdapat 27 buah sekolah yang saya senaraikan sebagai daif di Tenom kekurangan daripada bermacam-macam segi. Tidak terkecuali keperluan membina sebuah sekolah menengah baharu di Kuala Tomani. Untuk makluman kementerian, pihak Lembaga Industri Getah sudah bersetuju menyediakan tapak untuk membina sebuah sekolah menengah dan mereka telah memberi 30 ekar untuk cadangan tersebut.

Saya cuma mohon kepada Kementerian Pendidikan untuk meluluskan peruntukan bagi membina sekolah kebangsaan menengah baru di kawasan Kuala Tomani ataupun di kawasan Kemabung ini. Terus terang saya katakan sekolah sedia ada yang menampung kesesakan pelajar adalah SMK Kemabung yang pada ketika ini terpaksa melaksanakan pembelajaran luar sesi iaitu pagi dan petang yang sememangnya tidak kondusif kepada pelajar. Masalah ini sudah terlalu lama dan sudah dibangkitkan di pelbagai peringkat dan sekarang ini tapak pembinaan juga sudah ada.

Jika pembinaan ini dapat direalisasikan ia akan memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar di kawasan tersebut. Mohon kementerian melihat perkara ini dengan serius.

Keempat, di bawah Butiran 082200 – Biasiswa Kecil Persekutuan. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat perhatian di bawah peruntukan ini. Saya melihat sejumlah RM80 juta disediakan jadi saya hendak tahu setakat mana jumlah pelajar dari Sabah menerima Biasiswa Kecil Persekutuan ini sejak lima tahun yang lalu. Berapa ramai pula penerima dari kawasan Tenom sendiri?

Akhir sekali, di bawah Butiran 081200 – Rancangan Makanan Tambahan. Tuan Pengerusi, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk memperkenalkan makanan tambahan kepada semua pelajar tidak kira daripada golongan mana. Ini juga dimainkan sentimennya oleh sesetengah pihak bahawa kerajaan tidak prihatin kepada golongan miskin dan tidak hanya memberi makan kepada anak golongan kaya.

Saya berpendapat anak-anak kita yang miskin atau kaya bagilah semua makan. Sekurang-kurangnya bila kita bagi mereka makan sama rata, tidaklah kita mengajar anak kita dari kecil yang mereka ini ada perbezaan. Lagipun rakyat di luar sana ada yang tidak berpuas hati dan mengatakan kenapa belanjawan ini hanya menitik beratkan golongan B40 sahaja. Jadi, dengan memberi makan kepada semua pelajar, sekurang-kurangnya rakyat dari golongan lain turut berpuas hati kerana anak mereka sekurang-kurangnya mendapat bantuan daripada pihak kerajaan.

Soalan saya kepada kementerian di bawah butiran ini, bolehkah *fresh milk* atau susu segar yang tidak ditambah perisa seperti coklat dan sebagainya diberikan kepada pelajar-pelajar murid sekolah rendah.

Hal ini sebab susu berperisa ini Tuan Pengerusi, sebenarnya telah dicampurkan dengan gula yang mana kita semua tahu pengambilan gula tidak sihat untuk kesihatan. Kalau tidak hari-hari, dua atau tiga kali seminggu pun sudah memadai. Itu sahaja. Terima kasih.

**■1510**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Rajang.

**3.10 ptg.**

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 01000 – Pengurusan, Butiran 010100 – Pengurusan Am. Tuan Pengerusi, tahun 2019 ada RM467 juta akan tetapi menurun sangat, kalau peruntukan tahun 2020 sebanyak RM162 juta.

Kenapa Yang Berhormat Menteri? Jadi, saya difahamkan baharu-baharu ini tidak tahu arahan dari kementerian atau apa? Ahli Yang Berhormat dari pembangkang tidak boleh dapat ke sekolah. Jadi, saya ingat banyak Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak kalau hendak dari luar dari Sarawak tidak tahu mana sekolah-sekolah di Hulu Rajang.

Jadi, saya mintalah kalau boleh beri kelonggaran, kita pun sama. Saya tidak mahu sekolah itu sebagai sekolah medan politik oleh kerana kita mahu murid-murid yang dibimbing kita sebagai pemimpin masa depan kita. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau boleh longgarkan sekatan itu kepada semua Ahli Parlimen kita dari GPS.

Jadi Butiran 010000 – Pengurusan juga iaitu Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Adakah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) masih diteruskan Yang Berhormat Menteri? Kalau boleh macam mana hendak *apply*? Oleh kerana ada aduan dari sekolah-sekolah saya di pendalaman tidak menerima bantuan KWAPM itu. Jadi, saya mohon supaya Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai di belakang itu ambil tindakan supaya murid-murid di pedalaman juga diberi KWAPM sama rata dengan sekolah-sekolah yang lain.

Butiran 00800 – Rumah Guru. Kebanyakan rumah guru di sekolah saya di pedalaman agaknya Tuan Pengerusi agak teruk sangat kadang-kadang. Jadi satu bilik digunakan empat, lima orang guru. Jadi bagi saya, kalau empat, lima orang guru di dalam satu bilik, mustahil dan keadaan pun tidak sihat.

Jadi saya mohon kepada- walaupun Yang Berhormat Menteri tahu negeri Sarawak sudah membayar RM350 juta duit pendahuluan dari RM1 bilion yang telah dikhaskan. Jadi, saya mohon supaya kuarters-kuarters guru ataupun rumah-rumah tempat guru diami di pedalaman harus diberi perhatian supaya guru mengajar dengan begitu bergaya dan juga senang *especially* di kawasan-kawasan Parlimen saya yang jauh. Jadi saya mohonlah.

Kalau kementerian boleh, lihat dan melawat seperti di Long Busang dan sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman. Jadi, saya juga memohon kepada kementerian supaya masalah ini kalau boleh naikkan jumlah bajet agar dapat menampung pembaikan pulih kuarters guru-guru kita.

Butiran 00900 – Asrama. Asrama SMK Baleh dan Asrama SMK Belaga amat memerlukan perhatian serius Yang Berhormat Menteri. Kebanyakan murid yang tinggal di asrama tersebut tidur di tilam yang begitu nipis sekali, beralaskan lantai.

Jadi, mereka tidak ada kemudahan katil. SMK Baleh mantan bekas Yang Berhormat Menteri dahulu sudah melawat ke SMK Baleh masih tidur di atas lantai dan tilam yang nipis. Jadi, saya mohon kepada kementerian kalau boleh pegawai-pegawai di belakang sana untuk melawat ke kawasan Parlimen saya untuk melihat sendiri, "*seeing is believing*", dengan izin. Kalau boleh, perhatian itu agar keselesaan dan juga fokus pada pelajar untuk belajar dengan terjaga.

Akhir sekali adalah Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sarawak. Bagi saya, pembangunan bagi Sabah dan Sarawak merupakan peruntukan yang disediakan untuk Sarawak. Jadi ini amat penting oleh sebab Sarawak mempunyai sekolah-sekolah daif yang amat memerlukan pembaikan dan dinaik taraf terutamanya blok akademik dan sekolah juga. Walaupun kini memasuki fasa ke-2, haraplah jika proses ini dapat dipercepatkan. Ini kerana SMK Belaga dan SMK Baleh memang memerlukan. Dengan itu sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rompin selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput.

**3.15 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 20100 bersama dengan Butiran 40300. Di akhir-akhir ini kita lihat berlaku di sekolah ataupun universiti, masalah disiplin dan adap di kalangan murid-murid, terlalu longgar.

Ini mencerminkan kegagalan kita melihat semula kesan daripada falsafah pendidikan kebangsaan di mana dalam falsafah pendidikan kebangsaan itu menekankan untuk melahirkan individu yang mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Oleh itu adalah wajar saya fikirkan di peringkat awal persekolahan, soal kokurikulum, peringkat awal ini adalah penting, melihat semula masa yang digunakan untuk mengajar soal adap, soal pendidikan moral, soal pendidikan Islam, sejarah harus lebih diberi masa. Kita tidak harus tertumpu kepada soal untuk kecemerlangan pendidikan dalam bidang-bidang matematik, sains dan bahasa lain, akan tetapi ini adalah asas penting dalam soal pendidikan negara di mana melahirkan murid-murid yang bermoral yang seterusnya membantu mewujudkan satu masyarakat yang harmoni dalam negara kita ini. Oleh itu, penekanan di peringkat awal adalah sangat penting.

Keduanya Butiran 40300 bersama Butiran 40600. Kita melihat Dasar Pembangunan Kokurikulum ini bertukar-tukar, kadang-kadang ada orang mengatakan dasar bertukar mengikut Yang Berhormat Menteri. Bila Yang Berhormat Menteri dilantik, berubah dasar pendidikannya. Akan tetapi kita melihat bahawa dalam pembentukan pembangunan kurikulum, Penyata Rahman Talib, dari awal telah menekankan Akta Bahasa Kebangsaan menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pendidikan negara.

Kajian-kajian dibuat bahawa seseorang itu mudah memahami satu-satu pengajaran dan ilmu dan kreativiti mereka akan lebih menyerlah, jika ilmu pengetahuan itu diajar bahasa dia. Di Malaysia ini Bahasa Malaysia lah. Tidak perlu ditukar, pelajaran sains ini sekali diajar dalam Bahasa Malaysia, sekali bahasa Inggeris. Apa yang pentingnya adalah kajian telah dibuat bahawa murid-murid lebih mudah memahami sesuatu ilmu itu jika diajar dalam bahasa percakapan mereka.

Jadi, Dewan Bahasa harus memainkan peranan penting untuk menterjemahkan buku-buku sains, ke dalam bahasa Malaysia. Sekarang berubah lagi pula? Tidak perlu aliran sains, aliran sastera? Bagi sebuah negara yang sedang membangun, mata pelajaran Sains dan Matematik adalah penting. Jangan kita keliru melihat di negara Amerika dan di England dan beberapa negara di Eropah oleh kerana di sana penghijrahan para saintis, ilmuwan begitu cepat berlaku.

Umpamanya di Amerika, banyak saintis-saintis bukan datang daripada Amerika, tetapi daripada Eropah Timur, daripada Israel, daripada Eropah Barat berhijrah ke Amerika. Begitu juga ahli-ahli saintis daripada Eropah Barat, Eropah Timur berhijrah ke England. Jadi kalau tidak ada ahli sains dan profesional dalam satu *pool* yang besar, maka bagi sesebuah negara itu jika tidak ada mereka ini yang berkemahiran, saintis dalam negara itu, maka negara itu tidak boleh maju. Jadi, pentingnya kita penekanan dalam sebuah negara yang sedang membangun, pentingnya ilmu sains dan ilmu matematiknya.

**■1520**

Bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa yang penting dari segi komunikasi. Dari segi saintifiknya terbukti bahawa jika satu bangsa itu hendak belajar dalam bahasa lain, umpamanya orang India, bila mata pelajarannya diajar dalam bahasa Inggeris maka dia tidak boleh maju. Bangladesh dan Pakistan, begitu juga dan di negara-negara lain.

Akan tetapi bagi negara umpamanya negara Taiwan, negara Jepun kurikulumnya dalam bahasa mereka dan mereka maju. Orang Perancis dalam bahasa Perancis dan Perancis maju. Orang Jerman dalam bahasa Jerman dan Jerman maju dan begitu juga contoh-contoh di negara-negara lain bahawa bahasa amat penting dalam membentuk keperibadian, ilmu pengetahuan dan kreativiti murid dari peringkat awal.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, masa sudah tamat, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Sungai Siput selepas itu Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila.

**3.21 ptg.**

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan Sungai Siput. Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 010300.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Sungai Siput, boleh berucap suara kuat sedikit.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Saya merujuk Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur, yang telah memperuntukkan hampir RM43 juta. Tuan Pengerusi, di Parlimen Sungai Siput terdapat enam buah sekolah murid Orang Asli iaitu Sekolah Kebangsaan Pos Poi, Sekolah Kebangsaan Pos Piah, Sekolah Kebangsaan Pos Legap, Sekolah Kebangsaan Pos Perwor, Sekolah Kebangsaan Pos Kuala Mu dan Sekolah Kebangsaan Pos Sungai Pelantok di mana keenam-enam sekolah ini menghadapi masalah isu air.

Saya telah dimaklumkan oleh PIBG oleh sekolah berkenaan, guru-guru besar sekolah berkenaan di mana sekolah ini bergantung kepada air bukit. Tanda air lama ke semua enam buah sekolah ini telah dibina 20 tahun yang lepas dan pembinaan tersebut masa itu telah dibuat hasil kerjasama warga sekolah dan juga penduduk kampung. Kini tanda air yang lama juga digunakan secara berkongsi bersama penduduk kampung.

Ini banyak mendatangkan masalah kepada pihak sekolah kerana jarak tanda air lama ke semua sekolah, enam buah sekolah ini adalah lebih kurang 16 kilometer pergi dan balik dengan melalui jalan balak, mendaki bukit dan meredah hutan. Kini tanda air yang telah berusia lebih 20 tahun ini tidak lagi dapat berfungsi dengan baik. Bekalan air yang tidak bersih telah mengakibatkan masalah kesihatan bawaan air melanda warga sekolah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sering kali berlaku masalah bekalan air terputus kesemua enam buah sekolah ini kerana masalah tanda air tidak dapat berfungsi dengan baik. Jadi saya mohonlah Yang Berhormat Menteri memberikan perhatian yang khusus supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan kadar yang segera demi kemajuan dan juga keselamatan warga sekolah murid Orang Asli di Parlimen Sungai Siput.

Kedua, saya juga merujuk butiran mengenai isu yang kedua berkenaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Reyla di mana pembinaannya telah terhenti lebih dua tahun yang lalu di mana baki tinggal lima peratus kerja yang perlu dilaksanakan. Saya telah membawa perkara ini di dalam Dewan Kamar Khas tahun lalu dan saya juga difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah berjumpa dengan lembaga pengelola sekolah berkenaan beberapa bulan yang lalu. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah status masa berkenaan kelewatan pembinaan sekolah tersebut yang baki tinggal 5 peratus.

Seterusnya, saya juga merujuk kepada berkenaan dengan isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Holyrood di Parlimen Sungai Siput di mana kerja pembinaan yang sepatutnya siap hujung tahun lalu tetapi kini di peringkat pembinaan hampir 50 peratus sahaja dan sekarang projek tersebut telah terhenti disebabkan masalah kontraktor. Jadi, saya mohon penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan isu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk meraikan kehadiran pelawat-pelawat daripada Parlimen Jasin. Terima kasih, Tuan Pengerusi... *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, selamat datang. Sila, Yang Berhormat.

**3.25 ptg.**

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada butiran, Yang Berhormat Menteri tidak ada sudah? Saya terus kepada Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Saya berharap agar kementerian menitikberatkan hal ehwal kebajikan guru, antara perkara yang sering dibangkitkan ialah tekanan kerja, kesihatan, peningkatan hutang dengan institusi kewangan bukan bank dan juga pertukaran guru. Adakah pihak Kementerian Pendidikan mempunyai jawatankuasa khusus mengenai kebajikan guru secara keseluruhan? Jika ada mohon diperincikan tentang masalah yang dihadapi serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Seterusnya, saya ingin bertanya khusus mengenai isu pertukaran guru. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana meluluskan lebih 15 peratus permohonan pertukaran bagi sesi Januari 2020. Statistik menunjukkan lebih 20 peratus jumlah pertukaran diluluskan di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah.

Kebanyakan permohonan pertukaran guru adalah disebabkan mengikut pasangan. Isu pertukaran guru ialah isu besar dan *evergreen* yang seolah-olah sukar untuk diselesaikan. Justeru, adakah pihak kementerian telah membuat satu pemetaan strategik untuk menilai penempatan guru mengikut keperluan dan juga kepentingan perkhidmatan. Sekiranya dilihat kepada faktor-faktor permohonan pertukaran, ada sebahagiannya disebabkan oleh penyakit kronik, ancaman keselamatan dan tempoh perkhidmatan.

Adakah kelulusan selain daripada mengambil kira merit lamanya bertugas, adakah kelulusan bagi suatu permohonan ditentukan mengikut kuota bagi setiap faktor tersebut dan mengikut prioriti serta *first come first serve.* Kemudian, Butiran 040100, saya ingin mendapatkan perincian lanjut berkenaan pentaksiran berasaskan sekolah yang diamalkan sejak tahun 2019.

Kita difahamkan sudah tidak ada peperiksaan Tahap 1 bagi menilai perkembangan murid sebaliknya digantikan dengan pentaksiran yang lebih menyeluruh. Isunya apakah pembaharuan pentaksiran berasaskan sekolah yang baru dengan sistem pentaksiran diperkenalkan sejak tahun 2011? Selain itu, sejauh mana penglibatan ibu bapa dan pihak luar seperti NGO untuk bekerjasama dengan pihak sekolah untuk membantu menjayakan pentaksiran baharu khususnya dalam pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum.

Seterusnya, adakah pihak kementerian telah turun ke sekolah-sekolah untuk menilai dengan lebih spesifik proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan pentaksiran bilik darjah yang dijalankan oleh pihak sekolah. Isu ini timbul kerana pihak sekolah telah diberikan autonomi mengikut kreativiti mereka menggunakan pelbagai kaedah dari sumber tetapi mungkin ada sekolah-sekolah yang berbeza pencapaian dan akhirnya akan mempengaruhi perkembangan prestasi murid-murid. Justeru apakah langkah yang diambil bagi memastikan perkembangan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan?

Kemudian Butiran 040600. Saya meminta pihak kementerian memberikan autonomi dan peranan yang lebih luas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerajui pemerkasaan Bahasa Melayu di negara ini. Apa yang membimbangkan ialah polisi dan program kerajaan sendiri banyak menggunakan penggunaan bahasa Inggeris. Perkara ini tidak sejajar dengan aspirasi negara dan peruntukan pada Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Seharusnya DBP perlu lebih agresif mendesak kerajaan untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua aspek.

Selain itu, banyak penggunaan bahasa rojak dalam lambakan iklan sama ada dalam media tradisional mahupun media baru. Penggunaan bahasa rojak telah dianggap sebagai satu kreativiti namun rasa hormat dan sensitiviti masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam pengiklanan tidak wajar dipinggirkan sama sekali. Oleh itu, saya ingin bertanya dengan peruntukan yang statik untuk DBP sebanyak RM60 juta, apakah perancangan DBP untuk terus mengagendakan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat?

Kemudian, Butiran 060100 – Pendidikan Tinggi. Tidak ada peruntukan khusus Yang Berhormat Menteri, mengenai PTPTN dalam Belanjawan kali ini. Adakah memang tiada peruntukan untuk PTPTN pada tahun 2020? Kita difahamkan PTPTN mendapat jaminan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, pada tahun 2017 jumlahnya ialah RM40.2 bilion dan berapa jumlah semasa sehingga Jun 2019? Apakah dedahan risiko kewangan yang dihadapi oleh PTPTN?

Selain itu perkembangan terbaru PTPTN ialah Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) yang dimaklumkan telah dihantar kepada Kementerian Pendidikan untuk mendapat kelulusan Kabinet. Saya minta Kementerian Pendidikan membentangkan 10 idea PTPTN yang terdapat dalam KKR yang telah dirumuskan untuk menyediakan satu mekanisme baru pembayaran semula PTPTN.

**■1530**

Saya tertarik dengan perkembangan semasa instrumen wakaf dan *endowment* di institusi pengajian tinggi difahamkan sekurang-kurangnya lima universiti awam telah mula mengumpul dana wakaf untuk kepentingan pelajar dan universiti. Adakah kementerian menggariskan garis panduan khusus untuk populasi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat masa sudah tamat.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sikit lagi yang akhir ini Tuan Pengerusi. Untuk merealisasikan sistem wakaf dan *endowment* yang dilakukan oleh universiti atau adakah wujud sistem audit yang dijalankan untuk memantau perkembangan audit tersebut. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sekijang selepas itu Yang Berhormat Sibuti.

**3.30 ptg.**

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Keadilan Cabang Setiawangsa ke dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Selamat datang... *[Tepuk]*

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Okey, saya ingin menyentuh terus kepada Kepala Bekalan dan Pembangunan 63 iaitu B.63, P.63. Anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2020 mengikut objek am yang memperlihatkan peningkatan peruntukan daripada RM60.238 bilion pada tahun 2019 kepada RM64.122 bilion pada tahun 2020 iaitu penambahan sebanyak RM3.88 bilion.

Saya menyambut baik penambahan peruntukan ini namun ianya dilihat berlaku pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan sebanyak RM252 juta pada tahun 2020. Apakah rasionalnya pengurangan perbelanjaan pembangunan ini? Secara keseluruhan, peruntukan kepada sektor pendidikan ini adalah sangat penting bagi menjamin pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara. Saya terus kepada kepala bekalan B.63, Butiran 081100 – Bantuan Makanan Asrama. Butiran 081200 – Rancangan Makanan Tambahan dan Butiran 081700 – Bantuan Makanan Prasekolah.

Saya menyambut baik peruntukan yang diberikan bagi tujuan bantuan makanan kepada murid-murid sekolah. Saya juga ingin mencadangkan agar bantuan makanan kepada murid ini bukan sahaja diberikan kepada murid-murid di prasekolah dan sekolah rendah sahaja namun perlu juga diperluaskan kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi agar tiada anak didik daripada kalangan keluarga yang susah akan tercicir untuk menikmati bantuan makanan ini.

Saya juga menyokong penuh usaha kerajaan dalam melaksanakan program makanan percuma di semua sekolah rendah di seluruh negara. Namun, yang menjadi kerisauan saya ialah apakah jaminan kerajaan dalam memastikan kualiti makanan yang disediakan memenuhi keperluan nutrisi kepada murid-murid. Bagaimanakah kriteria bagi menentukan pembekal ataupun pengusaha pengendalian makanan ini? Berapakah kos keseluruhan program ini yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan? Saya berharap agar pihak kerajaan peka akan perkara ini supaya tidak timbul isu penyelewengan dan keracunan makanan yang akan berlaku kelak.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada Butiran 082100 – Penyertaan Pelajar di Peringkat Antarabangsa. Saya ingin tahu perincian kepada butiran ini. Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian berkaitan program inovasi yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saya difahamkan ada syarikat-syarikat tertentu yang membantu dengan menaja kos penglibatan pelajar dalam program antarabangsa kepada sekolah-sekolah yang terpilih. Walhal banyak sekolah sama ada daripada sekolah rendah mahupun sekolah menengah juga melibatkan diri dalam program ini iaitu di peringkat daerah, peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Saya ada menerima maklum balas daripada beberapa sekolah yang terlibat. Rungutan yang diterima daripada sekolah-sekolah ini adalah tiada dana khas yang di peruntukan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PIBG masih lagi tidak mencukupi. Hal ini bertambah serius apabila guru-guru terpaksa mengeluarkan wang sendiri bagi menampung kos perbelanjaan untuk membolehkan pelajar-pelajar ini melibatkan diri di dalam program atau pertandingan di peringkat yang telah saya sebutkan tadi. Pelajar-pelajar ini berpotensi untuk diketengahkan dengan daya inovasi dan kreativiti yang mereka miliki melalui penyertaan dalam pertandingan di peringkat-peringkat daerah seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Terakhir saya merujuk kepada Kepala Pembangunan P.63 Butiran 01100 – Bantuan Modal. Saya ingin tahu dengan lebih terperinci pecahan kepada bantuan modal yang disalurkan oleh pihak kementerian. Saya juga ingin ketengahkan isu berkaitan dengan Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Kampung Gubah, Segamat.

Sekolah ini berstatus sekolah bantuan modal, sekolah ini terletak di dalam kawasan tanah wakaf. Saya telah meninjau keadaan sekolah ini, apa yang saya dapati sekolah ini serba kekurangan terutamanya dari segi pembangunan fizikalnya. Dengan keadaan sekolah yang sempit, tiada padang sekolah untuk bersukan ataupun beriadah dan kerosakan infrastruktur bangunannya. Ia akan memberikan kesan langsung kepada pembelajaran pelajar-pelajar. Sebelum ini ada perancangan untuk memindahkan lokasi sekolah ini namun sehingga ke hari ini tiada tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Saya berharap agar pihak kementerian dapat memberi tumpuan kepada isu yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Al-Khairiah Gubah ini, Bahasa Arab juga merupakan bahasa utama demi keselesaan dan kemenjadian pelajar-pelajarnya. Sekian, terima kasih Tuan Yang DiPertua.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti, selepas itu Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**3.36 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Butiran 030200 – Pendidikan Rendah, 030300 – Pendidikan Menengah, 020100 – Dasar Pendidikan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian berkenaan tentang masalah mental dan juga masalah kesihatan mental di kalangan guru. Akan tetapi saya ingin bercakap di dalam konteks negeri Sarawak.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan juga pihak menteri agar melihat semula tentang *placing teacher* dekat kawasan luar bandar, penempatan guru di kawasan luar bandar sekiranya diberikan sedikit kelonggaran. Saya mempunyai kes di mana guru daripada Semenanjung merayu-rayu untuk balik. Saya melihat berapakah tempoh panjang perkhidmatan mereka ada yang sehingga 10 tahun berkhidmat di negeri Sarawak.

Saya juga mencadangkan agar ada satu formula yang khusus di mana kalau kita ingin mengelak tekanan kepada guru, guru yang ditempatkan pada tahun pertama di luar bandar dan diberikan peluang pada tahun ketiga untuk mereka berpindah di kawasan bandar di dalam negeri Sarawak. Ini akan mengurangkan tekanan dan juga membolehkan mereka untuk berulang-alik melawat keluarga mereka di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah. Saya melihat perkara ini adalah wajar dan juga kita tidak dapat menempatkan guru dalam tempoh yang lama di kawasan luar bandar.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah berkhidmat dan juga cara untuk kita menghargai mereka adalah untuk memberikan mereka peluang untuk berkhidmat di kawasan bandar di dalam negeri Sarawak. Juga selain daripada itu, saya ingin menekankan- saya memahami apa yang diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri dan menjalankan sistem pendidikan dengan penuh kasih sayang. Saya juga berharap agar Yang Berhormat Menteri memberikan satu tumpuan khusus juga kepada pendidikan yang mengelak anak-anak kita terjebak dengan gejala dadah.

Saya mempunyai kes di kawasan Parlimen Sibuti di mana kanak-kanak ataupun pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah terlibat dengan masalah dadah dan positif apabila pihak AADK membuat pemeriksaan air kencing. Di dalam dasar pendidikan ini juga saya ingin menyentuh berkenaan tentang *ratio* perbezaan sekolah menengah dan juga sekolah rendah di negeri Sarawak di mana bilangan sekolah rendah adalah sebanyak 1,265 buah, manakala sekolah menengah adalah 193 buah sekolah.

Di dalam 193 buah sekolah ini terdapat 41 buah sekolah menengah yang terpaksa menjalankan sekolah dua sesi dan juga apakah langkah-langkah kerajaan yang boleh difikirkan untuk mengadakan sekolah ini sebanyak satu sesi sahaja dan juga salah sebuah sekolah yang mengalami masalah dua sesi ini adalah sekolah SMK Luar Bandar. Memandangkan jalan Pan Borneo akan siap, maka tumpuan ibu bapa di kawasan luar bandar di Parlimen Sibuti akan menghantar anak ke kawasan SMK Luar Bandar. Kenapa, kerana itulah satu-satunya sekolah yang terdapat di persimpangan Daerah Subis.

**■1540**

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh terus kepada persoalan yang sangat dekat dengan masyarakat di Sabah dan Sarawak iaitu Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Menteri telah menjawab dalam penggulungan beliau bahawa RM350 juta untuk membina 37 buah sekolah telah diluluskan di dalam Belanjawan 2020. Juga, kita mengetahui bahawa belanjawan tersebut dapat dijayakan apabila Kerajaan Negeri Sarawak telah membayar sejumlah wang sebanyak RM1 bilion dan RM350 juta itu adalah bayaran fasa pertama. Saya berharap juga agar Yang Berhormat tidak mengulangi bahawa usaha ini adalah hadiah daripada Kerajaan Persekutuan tetapi ditukarkan kepada tanggungjawab Menteri. Juga, saya sangat menghargai usaha Yang Berhormat dan ini bukanlah satu perkara yang mudah

Mengenai sekolah daif ini, ini adalah satu misi nasional dan juga perbezaan jurang antara *facilities* Sabah dan Sarawak dan Semenanjung amatlah jauh. Akan tetapi, kita telah mula melihat *numbers* timbul. Saya telah membaca *Twitter* yang dimuat naik oleh Menteri bahawa hampir 90 peratus sekolah-sekolah daif yang telah dirancang daripada kerajaan lepas sehingga sekarang telah berjaya dilaksanakan.

Walaupun demikian, saya ingin menasihati Yang Berhormat Menteri agar memberi penekanan kepada projek-projek sakit sebanyak 13 buah projek sakit di Sarawak agar kontraktor tidak melepaskan tangan dan juga tidak menyalahkan Kementerian Pendidikan kerana gagal melaksanakan projek tersebut. Saya juga berharap agar pihak kementerian tidak hanya bergantung kepada format IBS untuk membina sekolah ini kerana terdapat juga kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk dibina sekolah dalam bentuk IBS.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Tangga Batu. Sila.

**3.42 ptg.**

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bijak pandai berkata jika kita ingin melihat maju tidaknya sesebuah negara, perlu dilihat peruntukan kepada pendidikan. Kementerian Pendidikan ke arah hala tuju yang betul apabila peruntukan kepada pendidikan adalah yang terbesar. Tahniah dan teruskan, Yang Berhormat Menteri.

Butiran 010000 – Pengurusan dan Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Daripada RM35,830,700 telah ditambah kepada RM42,861,400. Di kawasan saya ada sebuah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif iaitu Sekolah Kebangsaan Krubong. Diharapkan peruntukan tambahan ini dapat memasukkan pembinaan dewan yang diperlukan oleh sekolah ini yang mana jumlah yang terkumpul masih jauh daripada mencukupi. Sekolah ini sudah banyak jasanya mengeluarkan pelajar-pelajar cemerlang daripada kawasan DUN Paya Rumput.

Butiran 010500 – Teknologi Maklumat. Daripada peruntukan RM266,143,300 kepada RM459,348,200, pertambahan yang signifikan. Masih banyak sekolah yang memerlukan peruntukan ini dan ia merujuk kepada keperluan mendesak Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ek Te di Klebang di mana komposisi pelajarnya separuh terdiri daripada pelajar Melayu. Uniknya Tangga Batu, terdapat beberapa sekolah Cina, namun komposisi pelajar Melayunya melebihi atau sama dengan pelajar Cina. Contohnya, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Poh Lan, 60 peratus adalah terdiri daripada pelajar Melayu. Saya sering menyatakan, dengan izin... *[Berucap dalam bahasa Mandarin]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. *We are one family.*

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Kita sebagai satu keluarga, kita sama-sama mesti memperjuangkan semua bangsa.

Butiran 040000 – Pengukuhan Operasi Pendidikan di bawah Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Peruntukan RM60 juta dan saya lihat tiada pertambahan. Saya berharap DBP dapat diperkasa demi kerja-kerja mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Mungkin dengan program latihan untuk menghasilkan lebih ramai jurubahasa. Apabila kita pergi ke luar negara, contohnya apabila saya berkesempatan pergi ke negara China baru-baru ini mengikuti rombongan Timbalan Perdana Menteri, kita lihat dan kita kagum bagaimana pemimpin-pemimpin mereka menggunakan bahasa mereka dan menggunakan khidmat jurubahasa dan bukan bermakna mereka tidak boleh berbahasa Inggeris.

Saya berpendapat bahawa usaha mendaulatkan Bahasa Kebangsaan ini masih tidak bersungguh. Taklimat-taklimat di Parlimen masih banyak dalam bahasa Inggeris. Bahkan di dalam ruang makan, kalau Yang Berhormat semua perasan, kalau kita hendak membayar itu, dia letak di situ, *"Pay at cashier counter".* Saya rasa ramai yang tidak perasan. Itu pun kita gunakan bahasa Inggeris.

Kita jangan ambil mudah. Walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu, namun sebagai bahasa Malaysia, kita perlu lebih serius mendaulatkan bahasa kita demi perpaduan. Bahasa menunjukkan bangsa dan *trend,* dengan izin, ambil mudah bahasa lain ini berterusan. Lihat sahaja istilah-istilah seperti *Malaysia Future Leader School* dan *MyFuture Youth Plus* daripada Kementerian Belia dan Sukan serta istilah *Project Science on Screen, Project Intra Cinema,* perkhidmatan *Pitching Centre* di Sabah dan Sarawak oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ini contoh. Bukan hanya mengkritik kementerian ini ya. Jadi, ini menggambarkan seolah-olah kita ketandusan istilah dalam bahasa Malaysia yang juga bahasa kita. Gagal menjadi bahasa penghubung ya. Kalau kita tidak serius, seolah-olah bahasa Malaysia gagal menjadi *lingua franca.*

Butiran 080000 – Program Khusus di bawah Butiran 083100 – Bantuan Awal Persekolahan. Saya harap masa bantuan adalah menepati masa iaitu semasa sesi persekolahan dibuka agar ibu bapa diberi pilihan sama ada menolak terus yuran daripada sejumlah wang bantuan yang diberikan agar ia menepati sebagai Bantuan Awal Persekolahan. Akan tetapi, untuk tahun lepas, saya nampak sudah ada penambahbaikan. Ia lebih awal daripada tahun-tahun sebelum ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kerana pertambahan peruntukan kepada universiti yang tetap di hatiku UiTM sebanyak RM149,817,000 iaitu kepada RM1,861,374,000 berbanding peruntukan yang lepas.

Saya juga merayu agar peruntukan ditambah kepada Butiran 02000 – Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) di bawah Butiran 090000 – *One-Off* kerana saya pun pernah mengajar selama dua tahun di sana sebelum PRU-14 dan kerana pelajar-pelajarnya juga mempunyai potensi besar untuk kemajuan negara. Jangan jadikan isu ini menghilangkan sokongan kaum Tionghua seperti yang berlaku di Tanjong Piai, walaupun apa yang dinyatakan oleh pembangkang bukan semuanya benar.

Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Kuala Kangsar. Selepas itu Yang Berhormat Ranau.

**3.47 ptg.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00102 – Rendah Akademik, Butiran 00201 – Menengah Akademik dan Butiran 03502 – Ubahsuai Naik Taraf Menengah Akademik.

Yang Berhormat Menteri, mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan dan umumkan di Dewan yang mulia ini pendirian Yang Berhormat Menteri bagi Ahli-ahli Parlimen pembangkang sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah dan berurusan dengan sekolah-sekolah di kawasan Parlimen masing-masing. Adakah halangan ini juga melibatkan sekolah kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang? Sebab, di atas kekaburan ini, Yang Berhormat Menteri, saya tidak pernah dibenarkan terlibat dengan usaha-usaha sekolah-sekolah di kawasan Parlimen saya.

Walaupun begitu sekali, Yang Berhormat Menteri, keadaan saya sebagai Ahli Parlimen pembangkang yang amat prihatin dengan pendidikan dan soal ilmu rakyat saya, saya tetap juga melaksanakan tugas dengan tekanan-tekanan dan kekangan-kekangan yang diletakkan di atas bahu saya.

Jadi, di sini saya mohon membaca senarai panjang hal-hal permohonan sekolah-sekolah yang membabitkan pembinaan sekolah serta fasiliti-fasiliti sekolah di Parlimen Kuala Kangsar. Mohon Yang Berhormat Menteri pertimbangkan dan memberi kelulusan. Kalau Yang Berhormat Menteri sudi, saya boleh memberikan senarai-senarai itu dalam bentuk bertulis kepada Yang Berhormat Menteri. Atau saya bacakan sekarang, Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri, saya beri senarai atau...

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Saya berikan senarai kepada Yang Berhormat Menteri secara bertulis ya. Okey, terima kasih. Sebab, kalau tidak, terlalu panjang untuk saya membaca. Ada 15 item.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Ya, okey.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh hantar surat kepada Menteri.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 020000 – Dasar, Penilaian dan Pengurusan Prestasi, Butiran 020100 – Dasar Pendidikan, dan Butiran 020200 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dua bulan selepas Pakatan Harapan mentadbir negara, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan hasrat untuk mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara dan kajian tersebut dipertanggungjawabkan kepada sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan sendiri oleh kementerian.

**■1550**

Antara aspek yang ditekankan dalam kajian semula tersebut adalah konsep pembentukan karakter dalam melahirkan pelajar yang bersifat inovatif dan kreatif. Soalan saya, apakah pendekatan baharu yang akan di bawa oleh kementerian memandangkan masih ramai dalam kalangan ibu bapa yang masih terperangkap dalam mentaliti dan stigma hanya pencapaian akademik yang menentukan kecemerlangan hidup anak-anak.

Kedua, apakah status terkini jawatankuasa khas tersebut? Siapakah yang dilantik untuk menganggotai jawatankuasa tersebut?

Ketiga, mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan input kepakaran antarabangsa. Siapakah yang dijemput ke jawatankuasa supaya betul-betul menepati hala tuju dan budaya bangsa negara? Jangan ada badan-badan antarabangsa dan pakar-pakar yang dijemput itu mempunyai pendirian yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan semata-mata kita mahu kepakarannya.

Keempat, apakah matlamat kementerian dalam mengangkat taraf dan tahap pendidikan orang Asli di negara ini berikutan hasrat Yang Berhormat Menteri untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi meneliti sembilan aspek untuk meningkatkan akses yang melibatkan kepentingan pendidikan orang-orang Asli? Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan sembilan aspek tersebut.

Berkenaan dengan syarat-syarat khusus dan am kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam. Adakah kementerian meneruskan Agensi Kelayakan Malaysia yang akan meneliti semula *general and specific requirements* dengan izin, untuk pengambilan baharu universiti awam? Khususnya ke program asasi di bawah IPTA supaya kita dapat bersaing dengan universiti-universiti bertaraf dunia.

Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk bidang pengajian seperti TESL – saya mencadangkan agar pelajar-pelajar lepasan SPM yang berjaya mendapat tempat di peringkat asasi atau *foundation* dalam bidang tersebut perlu menjalani ujian khusus tatabahasa atau *grammar* dan pengucapan awam atau *public speaking.* Ujian khas tatabahasa dan pengucapan awam ini amat penting dalam memastikan hanya pelajar-pelajar yang boleh meneruskan pengajian dalam bidang tersebut. Memandangkan TESL ini adalah salah satu pemangkin dan penentu kepada pembangunan pendidikan bahasa Inggeris anak-anak kita baik di peringkat menengah ataupun rendah.

Saya terus ke Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Semalam Yang Berhormat Menteri ada menyatakan saranan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mewujudkan Akademi Sasterawan Harapan sebagai suatu usaha untuk melahirkan pelapis sasterawan negara yang berbakat. Persoalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah konsep Akademi Sasterawan tersebut?

Kedua, jika ia dipersetujui oleh DBP untuk diwujudkan, berapakah anggaran perbelanjaan untuk mengelolakan akademi tersebut? Apakah manfaat jangka panjang Akademi Sasterawan untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? Di bawah DBP Sah Bahasa, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri hendak memastikan supaya pengawasan terhadap penggunaan bahasa untuk semua urusan rasmi kerajaan dan papan tanda di gedung perniagaan dan iklan-iklan menepati piawaian Dewan? Apa pula status Institut Terjemahan Negara yang ternyata mempunyai peranan yang lebih besar sekarang, merentasi sempadan dalam soal bahasa?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ranau. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Mas.

**3.53 ptg.**

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi ruang untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2020 untuk Kementerian Pendidikan pada kali ini. Saya merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan, Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur, Butiran 010500 – Teknologi Maklumat, Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Saya rangkumkan sekali Tuan Pengerusi.

Pertama, yang ingin saya sentuh pada kali ini ialah tentang keperluan untuk Kementerian Pendidikan melihat di Parlimen Ranau tentang isu SMK Kundasang. SMK Kundasang ini sebenarnya telah menjadi satu – telah ada masalah bermula pada tahun 2012, di mana ada keretakan-keretakan kerana ada tanah yang bergerak sehingga menyebabkan keretakan pada bangunan-bangunan SMK tersebut.

Perkara itu telah dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu pada sekitar lebih kurang 14 Oktober 2012. Selepas itu, banyaklah kajian dibuat termasuk daripada JKR Malaysia dan juga pihak IKRAM dimaklumkan dan beberapa lagi institusi lain yang membuat kajian tentang sama ada SMK Kundasang dapat digunakan atau tidak.

Akan tetapi, bermula daripada tahun 2013 sekolah itu telah dikosongkan. Jumlah murid-murid yang terlibat ini melebihi daripada 600 orang pelajar. Sekarang ini jumlah mereka yang mendaftar sebagai pelajar di SMK Kundasang berjumlah lebih kurang 890 pelajar dan kira-kira hanya 330 murid yang tinggal di asrama. Iaitu mereka telah dipindahkan ke Sekolah Agama Ranau. Jadi mereka pergi sekolah ini mengikuti bas daripada Pekan Kundasang pergi kepada SMK Agama Ranau- bekas SMK Agama Ranau ini dengan membayar RM150 untuk satu kepala.

Jadi kos yang terlibat ini melibatkan puluhan ribu setiap bulan untuk kos tambang sahaja, untuk pergi dan balik anak-anak. Apabila dikira sepanjang enam hingga tujuh tahun, ini sudah jutaan ringgit yang dibelanjakan hanya untuk menampung perbelanjaan dari segi kos pengangkutan mereka menghantar dari Pekan Kundasang ke bekas SMK Agama Ranau. Ini belum dikira daripada kampung mereka untuk pergi ke Pekan Kundasang, kos yang terlibat. Akibat daripada kos yang perlu ditanggung banyak ini, pengangkutan dan keperluan yang lain, ada di antara anak-anak sekolah ini yang terpaksa- mereka anak-anak itu sendiri mengatakan tidak mahu membebankan ibu bapa mereka.

Ini kerana melihat kesusahan hidup ibu bapa mereka menampung keperluan sekolah mereka kerana mereka ini daripada kalangan petani. Rata-rata, 90 persen adalah daripada para petani dan disebabkan itu ada murid-murid yang berhenti. Saya bagi contoh, Ismir Salleh bin Jaharin tidak sempat mengikuti PT3 kerana miskin, tidak meneruskan pelajaran kerana masalah pengangkutan. Salahuddin bin Sarjiro juga berhenti sekolah kerana kemiskinan dan kesusahan untuk pergi sekolah dengan kos banyak ditanggung tentang pengangkutan ini. Begitu juga dengan Adam Mukhriz bin Saifulnizam.

Mereka adalah antara tiga orang yang tercicir daripada pelajaran kerana kesusahan hidup tentang banyak perkara dan termasuklah kerana bebanan-bebanan menanggung kos untuk sampai ke sekolah mereka dan sebab itu mereka berhenti. Oleh sebab itu ada cadangan untuk menubuhkan sekolah di SMK- di Mesilau dan dana telah diberi RM4.3 juta dan sedang dikaji. Namun perkara ini masih belum ada ketentuan yang jelas sama ada benar-benar akan dilaksanakan dalam tempoh yang dekat atau tidak.

Akan tetapi, ingin saya mencadangkan sebagai Ahli Parlimen Ranau. Saya dimaklumkan bahawa di Mesilau itu cadangannya RM40 juta lebih tetapi belum lagi termasuk jambatan, jalan raya untuk diperbesarkan dan beberapa bangunan sekolah. Kalau sekiranya kos di Kampung Mesilau itu lebih tinggi kosnya daripada membuat tambak ataupun membaiki struktur tanah di SMK Kundasang yang sedia ada, saya cadangkan supaya sebaiknya yang lama itu dikekalkan dengan membuat tebus guna ataupun membuat benteng untuk memperkukuhkan dasarnya supaya sekolah itu masih boleh digunakan. Ini kerana saya difahamkan bukan semua bangunan itu yang telah terjejas teruk akibat kerosakan yang berlaku pada tahun 2013.

Saya juga ingin menyentuh tentang beberapa aspek. Sudah habis masa tetapi saya minta sedikit sahaja masa daripada Tuan Pengerusi. Saya minta supaya Kementerian Pendidikan juga mengambil kira 20 buah sekolah daif di daerah Ranau, 16 buah sekolah masih dalam- dibina dengan menggunakan kayu, yang selebihnya itu kayu dengan simen.

Mintalah supaya pihak Kementerian Pendidikan memberi tumpuan dan juga kepada SMK Ulu Sugut. Sekolah ini sudah tidak selamat untuk diduduki oleh pelajar dan digunakan oleh kementerian atau murid-murid untuk belajar. Sudah lebih dua tahun isu ini tetapi nampaknya tidak ada apa-apa tindakan diambil.

Saya harap bahawa Kementerian Pendidikan mengambil perkara ini secara serius kerana jika sekiranya sekolah itu roboh ataupun ada masalah dihadapi jadi kerajaan akan menanggung beban yang besar. Selain itu, saya juga minta supaya SRK Pekan Ranau yang lama, yang sudah berusia 80 tahun, yang tidak berubah-ubah keadaannya hanya seperti lebih zaman British, zaman Jepun, sebelum zaman Jepun pun makannya susah. Minta supaya sekolah ini yang telah melahirkan ramai pemimpin-pemimpin dari Ranau diperbaiki, diberi bangunan yang baharu supaya ia lebih bagus. Ada sokongan rakan-rakan? Ada sokongan?

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Sokong langsung, semua mesti sokong. Jadi minta juga supaya pendawaian...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Jangan lupa Papar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat lain pun mendengar.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Pendawaian sekolah-sekolah yang 15 tahun ke atas diganti dan juga talian...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, masa sudah tamat.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** ...Elektrik. Terima kasihlah Tuan Pengerusi. Terima kasih atas peluang yang diberi.

**■1600**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas dan selepas itu Yang Berhormat Merbok.

**4.00 ptg.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 00700 – Pendidikan Guru – Maktab Perguruan. Diperuntukkan RM13.1 juta berbanding RM10.6 juta pada tahun 2019. Peruntukan semakin naik, jadi saya berharap supaya dapat dipertimbangkan semula isu IPG di Kota Bharu, satu-satunya IPG di Kelantan yang telah ditukar fungsinya. Saya berharap supaya dapat dikekalkan semula kerana Yang Berhormat Menteri pun pernah turun ke Kelantan membuat pengumuman ini. Para pensyarah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pasir Mas...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Dengan penuh kegembiraan...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih sahabat saya.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi, setuju bahawa Menteri Kewangan telah mengagihkan peruntukan yang mencukupi. Kita kekalkan Menteri Kewangan sebagai Menteri Kewangan kita.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cukuplah!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Setuju ya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak setujulah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pasir Mas setuju?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Itu luar topik, Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menteri Kewangan tidak boleh kekal.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan tanya Yang Berhormat Pasir Salak, tanya Yang Berhormat Pasir Mas. Setuju tidak?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Itu kita bincang lain forumlah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak boleh. Kalau memuji Menteri Kewangan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Rombak Kabinet, tak payah lah. Tukar orang lain lah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Isu pengajian *Masters* dan PhD di IPG, Menteri membuat pengumuman untuk buat *Masters* dan PhD di IPG, ramai yang menyambut baik.

Jadi, saya berharap dapatlah cadangan ini dikekalkan dan dapat dilaksanakan. Sebagaimana yang sedia maklum bahawa semenjak 15 tahun lepas, isu pertukaran guru ini tidak dapat diselesaikan dengan sistematik dan masih lagi belum teratur. Saya pula telah berusaha keras untuk membantu isu ini, membawanya ke Parlimen ini berapa kali untuk pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri.

Walaupun sistem ini menggunakan sistem permohonan pertukaran guru secara *online* (eGTukar) tetapi punca utama adalah isu ini tidak dapat diselesaikan. Antaranya ialah masalah kadang-kadang berlaku sindrom 'bangau oh bangau' di antara kementerian, pejabat pentadbiran negeri, daerah dengan pihak sekolah apabila dirujuk oleh guru-guru. Ada cikgu menjadi mangsa bola sepak terajang, ke hulu ke mari tanpa penyelesaiannya. Walaupun ada kes sudah 10 ke 13 tahun di sekolah semasa di Sabah dan Sarawak, masih belum dapat berpindah ke Semenanjung sehingga kini.

Oleh kerana masalah dasar pertukaran ini yang saya rasa boleh diperbetulkan. Kadang-kadang apabila ditegur oleh guru, ada yang mendapat surat tunjuk sebab dan tindakan selanjutnya. Jadi, kalau ada yang dibawa berbincang dan sekadar melepaskan batuk di tangga, saya nampak ia agak tidak mencapai hasrat perbincangan.

Dasar membuat penempatan guru *fresh graduate* terus ke daerah atau negeri kelahirannya terlebih dahulu, kemudian apabila guru senior memohon pindah ke sekolah tersebut, pihak berkenaan dengan mudah menjawab 'semua penempatan telah penuh'.

Jadi, saya minta supaya kementerian dapat memikirkan supaya meluluskan dahulu permohonan pindaan guru *senior* itu ke daerah yang dipohon, kemudian rantaian pergerakan ini akan bergerak, barulah guru *fresh graduate* itu diletakkan di Sabah, Sarawak, Johor dan sebagainya. Ada juga berlaku pegawai-pegawai *senior* di pelbagai peringkat.

Kadang-kadang mungkin Yang Berhormat Menteri perlu memantau isu ini. Yang Berhormat Menteri walaupun sudah setahun lebih berada di posisi Menteri tetapi pentadbiran-pentadbiran di peringkat bawah ini saya nampak masih perlu lagi diberikan perhatian. Oleh kerana kadang-kadang ada yang *otai-otai* ini dikatakan bahawa menjadikan isu pertukaran ini menjadi semakin barah dan semakin sukar untuk diselesaikan walaupun selepas PRU Ke-14.

Mungkin boleh difikirkan pegawai-pegawai dan kakitangan di bahagian pertukaran, sebagai contoh. Mereka pula kerana jawatan mereka ini asasnya sebagai seorang guru, boleh bertukar pula ke pedalaman Sabah dan Sarawak sebagai contoh, mengambil tempat guru-guru untuk pulang ke kampung halaman masing-masing.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Begitu juga masalah negeri yang kebal, tidak mahu melepaskan guru *senior* dari Sabah, Sarawak dan Johor untuk pulang ke kampung halamannya. Walaupun disertakan surat rujukan doktor yang menyatakan masalah guru sakit, pasangan sakit, anak sakit dan sebagainya. Akan tetapi mereka tetap tidak dapat balik. Sehingga Yang Berhormat Menteri, ada yang *posting* dalam *facebook* apabila mereka tidak dapat balik, mereka *posting* hendak bunuh diri dan sebagainya.

Jadi, ini satu ancaman yang saya nampak bahawa isu ini sangat-sangat serius. Saya mencadangkan supaya perlu menggunakan sistem nombor giliran sebagaimana giliran untuk menunaikan haji, ada nombor gilirannya. Jadi, untuk sistem pertukaran guru ini, saya nampak perlu ada sistem gilirannya yang tersendiri. Butiran 080700 – Elaun Murid Berkeperluan Khas.

Saya nampak bahawa kadang-kadang pengajar yang diletakkan untuk mengajar murid yang berkeperluan khas ini tidak sesuai dengan keperluan murid tersebut. Oleh kerana murid ini walaupun namanya murid istimewa tetapi dia ada keperluannya. Ada yang *down syndrome,* ada yang *autism*, ada yang *speech delay* dan sebagainya.

Jadi, kadang-kadang pengajar ini mengajar murid berkeperluan khas walaupun bilangannya tujuh orang tetapi tidak menepati ataupun tidak sesuai dengan bidang yang dia pelajari. Jadi, di sini saya nampak bahawa perlu untuk guru-guru diberikan latihan khusus sesuai dengan murid yang dia hendak ajar dan sesuai dengan murid yang dia akan santuni.

Berikutnya Butiran 040300 – Pembangunan Kurikulum. Saya mencadangkan supaya kementerian juga mempunyai beberapa sekolah sebagaimana MRSM Ulul Albab yang mempunyai pendidikan tahfiz di sekolah menengah supaya ada projek *pioneer* di daerah Menteri Pendidikan pada hari ini...

**Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sebuah sekolah menengah yang menggabungkan kurikulum tahfiz dan juga melahirkan...

**Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** ...Hafiz-hafiz yang profesional, yang mempunyai kelayakan di bidang-bidang profesional sendiri.

**Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sedikit.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Insya-Allah* ia boleh dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi ruang Yang Berhormat Hulu Terengganu. Sila.

**Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Berkaitan kurikulum juga, apakah Yang Berhormat Pasir Mas tahu bahawa pada Kertas Peperiksaan SPM Fizik Tiga baru-baru ini berlaku ketidakcukupan yang ketara pada kertas soalan tersebut. Persoalannya, kenapa hal tersebut boleh berlaku? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya pun tidak pasti isu itu, saya mohon masukkan soalan ini dalam ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Sila teruskan Yang Berhormat Pasir Mas. Rumuskan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sebagai rumusannya, saya kira supaya *insya-Allah* sekiranya ada kesungguhan di peringkat Menteri dapat mewujudkan projek *pilot* seperti ini iaitu pendidikan tahfiz yang profesional di sekolah menengah, *insya-Allah* kita melihat kejayaan MRSM Ulul Albab melahirkan hafiz-hafiz yang sudah pun berjaya untuk menjadi johan di peringkat antarabangsa menewaskan- kita kata tahfiz-tahfiz yang secara tradisional ini, ada pelajar MRSM yang berjaya menjadi juara tahfiz di peringkat antarabangsa.

Ertinya, ia boleh dilaksanakan dan barulah ibu bapa yang menghantar anak-anak di tahfiz-tahfiz yang tidak diiktiraf ini boleh mempunyai pilihan yang lebih baik, berada di naungan sekolah-sekolah tahfiz di Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok, diikuti oleh Yang Berhormat Tanjung Piai, kemudian Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang Berhormat Menteri akan menjawab pukul lima petang. Baik, terima kasih.

**4.07 ptg.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan ahli-ahli Pasukan Pengakap Daerah Kluang ke Dewan Rakyat... *[Tepuk]*

Saya terus kepada Butiran 010500 - Teknologi Maklumat, menyaksikan peningkatan lebih dua kali ganda. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah program-program baru di bawah Butiran ini?

Kemudian saya terus kepada Butiran 080400 – Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Saya ingat dasar ini juga menyaksikan peningkatan tetapi apakah bentuk program baru dan juga pendekatan dalam Butiran ini supaya isu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia ini tidak menjadi isu-isu yang selalu dipolitikkan? Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan.

Seterusnya, Butiran 080500 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM. Ini juga menyaksikan peningkatan yang sangat tinggi. Saya mengharapkan, adakah di bawah Butiran tersebut ia juga turut mengaitkan projek-projek penyelenggaraan sekolah-sekolah daif dan juga sekolah-sekolah yang masih tiada CCC, yang saya jangkakan memang masih banyak sekolah-sekolah yang telah siap tetapi memakan tahun yang tiada CCC.

Kemudian, saya terus kepada Butiran 080900 – Bantuan Sukan. Saya ingin sentuh berkenaan bantuan sukan ini yang mana kita memang ada dasar 1Murid 1Sukan. Jadi, sejauh manakah dasar ini mampu melahirkan atlet sukan sehingga ke peringkat antarabangsa? Pada 5 Oktober 2018 juga, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan sedang merancang pengajaran kemahiran renang di sekolah. Jadi, bagaimana dengan inisiatif tersebut?

Oleh sebab kita tahu bahawa *facility* renang ini masih tidak ada di kebanyakan sekolah. Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 082100 – Penyertaan Pelajar di Peringkat Antarabangsa. Di kawasan saya sendiri sebenarnya banyak menerima mereka-mereka yang memohon bantuan untuk menyertai pertandingan ataupun acara-acara di peringkat antarabangsa. Akan tetapi tidak ada bantuan dalam konteks untuk pergi ke sana yang memakan puluhan ribu. Lazimnya, pusat khidmat biasanya boleh bagi seribu dua sahaja. Akan tetapi adakah untuk Butiran tersebut, permohonan-permohonan sebegini boleh dipanjangkan terus kepada pihak kementerian untuk membantu mereka?

**■1610**

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 082700 – Program Sekolah Amanah. Jadi, sejauh manakah prestasi-prestasi Sekolah Amanah ini yang telah ditetapkan untuk lima tahun oleh pihak kerajaan ini sebab saya menyaksikan bantuan dia itu- tahun 2019 juga sebanyak RM12 juta, tahun seterusnya juga jumlah yang sama.

Kemudian saya rujuk kepada Butiran 083100 – Bantuan Awal Persekolahan, yang telah disebutkan oleh beberapa orang pembahas. Cuma *concern* saya adalah bagaimanakah bentuk Bantuan Awal Persekolahan ini akan diberikan? Adakah dia masih menggunakan mekanisme yang sama iaitu secara *one-off* ataupun kita lebih memberi kepada yang lebih tersasar? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Piai.

**4.10 ptg.**

**Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 63, Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur dibaca sekali dengan Butiran 00102 – Rendah Akademik dan Butiran 01100 – Bantuan Modal serta Butiran 00201 – Menengah Akademik.

Saya ingin merujuk kepada janji Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang diumumkan semasa tempoh kempen Pilihan Raya Kecil Tanjong Piai bahawa sebanyak enam sekolah di Tanjong Piai bakal ada dewan terbuka. Antara enam buah tersebut termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup; Sekolah Kebangsaan Andek Mori, Serkat; Sekolah Kebangsaan Batu 24, Pekan Nanas; Sekolah Kebangsaan Jeram Batu; Sekolah Kebangsaan Pengkalan Raja; dan Sekolah Kebangsaan Parit Haji Adnan yang bernilai RM3 juta secara keseluruhannya. Saya hendak tahu bilakah janji ini akan direalisasikan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Pekan Nanas terdapat dua buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Yu Ming 1 dan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Yu Ming 2. Akan tetapi pada masa kini, kedua-dua buah sekolah berkongsi bangunan. Akan tetapi Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Yu Ming 2 telah mendapat tapak sekolah baharu seluas 7.1 ekar tempoh hari di Jalan Kampung Sungai Burung, Pekan Nanas. Maka saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat meluluskan satu peruntukan sebanyak RM22 juta untuk pembinaan sekolah baharu bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Yu Ming 2.

Saya rujuk kepada Butiran 040500 – Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Saya ingin membangkitkan beberapa pertanyaan mengenai Sijil Peperiksaan Bersepadu yang masih hangat diperkatakan di mana rakyat masih menunggu-nunggu pembentangan laporan PPDUEC yang sepatutnya diserahkan kepada 30 September 2019. Akan tetapi lanjutan telah diberikan di mana pasukan itu dilaporkan sudah selesai mengadakan pertemuan dengan semua pemegang taruh dan kini sedang memuktamadkan laporan mengenai UEC itu.

Justeru itu, saya minta penjelasan beberapa pertanyaan yang berikut, adakah kerajaan masih berpegang kepada janji manifesto bahawa Pakatan Harapan akan mengiktiraf Sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi awam dengan syarat pemohon memiliki kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Adakah pasukan PPDUEC ditubuhkan dengan tujuan dan hasrat untuk memudahkan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu dan sama ada PPDUEC masih berpegang dan berusaha ke arah mencapai tujuan dan hasrat tersebut.

Seterusnya, adakah UEC yang merupakan sijil yang dikeluarkan oleh sistem Sekolah Menengah Persendirian Cina diterima sebagai sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Memandangkan sistem Sekolah Menengah Persendirian Cina telah diberikan peruntukan sebanyak RM12 juta pada Belanjawan 2019 dan sebanyak RM15 juta pada Belanjawan 2020 oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Apakah masalah perundangan dan teknikal yang menjadi kekangan utama dalam pengiktirafan UEC bagi pihak kerajaan? Apakah langkah dan usaha kerajaan untuk menghapuskan salah faham, kebimbangan atau prasangka sesetengah pihak terhadap UEC sedangkan Kerajaan PH sendiri yang membuat janji manifesto akan mengiktiraf UEC dengan menyatakan bahawa Sijil UEC telah diterima untuk kemasukan ke program ijazah sarjana muda di universiti-universiti terkemuka di luar negara.

Bermula pada tahun 2004, Sijil UEC telah diiktiraf untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia. Pada tahun 2010, Sijil UEC juga telah diterima untuk kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi, saya juga ingin tahu menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada baru-baru ini, bahawa usaha mengiktiraf UEC harus juga meneliti...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Mencelah, boleh mencelah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti, nanti. Meneliti...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Boleh dapat penjelasan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti, nanti.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Mengapa tidak tanya BN semasa BN memerintah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ini *floor* saya lah. Biar saya tanya Menteri. Biar saya habiskan dahulu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ala, tidak boleh pakai lagi itu.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Maaf Yang Berhormat Tanjong Piai, boleh bagi laluan tidak?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti, nanti. Saya selesaikan dahulu. saya belum habis.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Satu soalan sahaja.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti, nanti, nanti. Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Akta Pendidikan 1996 dan polisi-polisi berkenaan serta kontrak sosial. Bagaimana hasil laporan PPDUEC boleh membantu dalam mengharmonisasikan percanggahan dari segi perundangan dan teknikal dan akhirnya melaksanakan janji Manifesto PH untuk mengiktiraf UEC.

Jadi, apakah jangka masa kerajaan mengiktiraf UEC sekiranya laporan PPDUEC diserahkan menjelang akhir tahun ini seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan? Akhirnya, adakah kerajaan akan menjamin pengiktirafan UEC oleh kerajaan tidak akan mengubah asas-asas dan intipati sistem peperiksaan sijil UEC...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Adakah UMNO akan setuju? Adakah UMNO akan setuju?

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai sudah bincang dengan UMNO kah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Dan bahawa ia akan turut diteruskan oleh Dong Jiao Zong? Sekian, terima kasih.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Arau kata dia tidak bersetuju.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Arau, sama ada Yang Berhormat Arau kata dia tidak bersetuju degan Yang Berhormat Tanjong Piai. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Piai?

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** UMNO tidak setuju.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa telah tamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Wangsa Maju, diikuti Yang Berhormat Kuala Krai. Kemudian Yang Berhormat Sabak Bernam.

**4.16 ptg.**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud 63, Butiran 00601 – Peruntukan Pembangunan Universiti Malaya (UM). Sebagai sebuah universiti yang tetua dan terkenal di Negara-negara, peruntukannya bagi tahun 2020 hanya sebanyak RM5 juta sahaja. Iaitu kedua terendah di antara 25 buah universiti awam dan institusi pengajian tinggi di negara ini. Apakah yang boleh dilakukan dengan RM5 juta? Adakah Universiti Malaya telah berhenti pembangunannya? Semua universiti besar dan terkenal di dunia seperti Cambridge, Oxford, Harvard, MIT. Beratus tahun lamanya dan mereka sangat bagus kerana perhatian yang berterusan dan dana yang diterima membolehkan mereka mencapai keunggulan.

Universiti Malaya pada tahun 2019 berada di kedudukan 87 dunia. Jauh di belakang Universiti Nasional *Singapore* dan Universiti Hong Kong.

Tuan Pengerusi, prestasi sesebuah universiti yang besar bergantung kepada komitmen dan visi badan pentadbirannya terutamanya Naib Canselor. Saya minta Menteri Pendidikan memastikan badan pentadbiran universiti itu berfokus dalam prestasi akademi universiti dan bukan politik.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan di sini ialah Butiran 02100 – Universiti Teknologi MARA (UiTM). UiTM mempunyai peruntukan terbesar sebanyak RM877 juta, yang boleh difahami memandangkan 40 ribu graduan yang dihasilkan setiap tahun daripada 13 kampusnya. Akan tetapi kadar pengangguran juga tertinggi di kalangan semua universiti awam iaitu sebanyak 16 peratus pada tahun 2016. Kebanyakan analisis mengenai pengangguran dikalangkan graduan, menunjukkan *mismatch* kelayakan akademik dan keperluan pasaran.

UiTM adalah sebuah institusi tertua yang pertama ditubuhkan dengan matlamat untuk menyediakan latihan teknologi dan teknikal kepada pelajar Bumiputera untuk memenuhi keperluan industri kita yang semakin berkembang. Akan tetapi seiring dengan masa UiTM telah menjurus lebih banyak ke arah universiti konvensional yang menawarkan semua kursus yang turut ditawarkan oleh universiti lain. Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menukar trend pembangunan ini dan membawa kembali objektif asal UiTM iaitu untuk menghasilkan tenaga kerja teknologi dan teknikal untuk negara.

**■1620**

Ini penting kerana di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kelayakan berkaitan teknikal dan teknologi. UiTM boleh memainkan peranan penting bagi memenuhi keperluan ini dan membantu negara mengharungi ke era Revolusi Industri 4.0.

Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai institusi pengajian tinggi swasta yang bukan membuat keuntungan- *non profitable and nonprofit making,* seperti TARUC, New Era University College and Southern University College. Institusi swasta yang bukan keuntungan ini telah memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan yang berpatutan terutamanya di dalam bidang profesional, teknologi dan latihan teknikal kepada para pelajar. Kecuali, TARUC yang telah mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan, yang lain perlulah mencari sumber kewangan sendiri untuk perbelanjaan kolej itu.

Saya menyeru kepada kerajaan supaya mempertimbangkan untuk menyediakan sokongan kewangan kepada institusi-institusi ini, sama ada dalam bentuk peruntukan tetap ataupun secara geran untuk pembangunan infrastruktur. Ini sahajalah. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan kemudian diikuti oleh Jasin.

**4.21 ptg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk dan saya ingin menyentuh Butiran 00700 – Pendidikan Guru- Maktab Perguruan. Isu berkaitan dengan pengambilan pelajar baru. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa IPG Kota Bharu, IPD Besut dan beberapa lagi IPG lain sudah pun tidak membuat pengambilan pelajar baru sedangkan ianya bercanggah dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu saya bertanya minggu lepas berkaitan bahawa IPG telah membuat pengambilan pelajar baru. Adakah ini bermakna memang betul IPG tertentu akan ditutup walaupun dinafikan oleh Timbalan Menteri?

Saya juga difahamkan bahawa terdapat IPG yang bilangan pelajarnya sangat kecil, malah ada IPG yang sudah empat tahun tidak mengambil pelajar baru. Terdapat IPG yang bilangan pelajarnya adalah 122 orang dan bilangan pensyarahnya hampir 100 orang.

Maknanya 1:1. Terdapat pensyarah sudah pun dipindahkan di IPG lain kerana IPG tersebut sudah tiada pengambilan baru. Contoh pensyarah IPG Kota Bharu telah dipindahkan ke IPG Batu Rakit yang terpaksa berulang-alik sejauh 300 km kerana rumah dan ahli keluarga mereka tinggal di Kota Bharu. Kenapa ini boleh berlaku? Tidakkah perkara ini merugikan kerajaan kerana terpaksa menanggung kos yang tidak sepatutnya. Sebenarnya IPG ini akan ditutup atau tidak Yang Berhormat Menteri? Bolehlah Yang Berhormat sebut secara jelas pada hari ini berdasarkan kepada apa yang saya sebut tadi.

Adakah Yang Berhormat Menteri telah melawat sepanjang Yang Berhormat menjadi Menteri Pendidikan ke semua 20 IPTA dan juga 27 IPG untuk melihat dengan lebih dekat dan mengenal pasti permasalahan. Adakah terdapat jemputan daripada pihak universiti yang tidak dapat dipenuhi oleh Yang Berhormat Menteri?.

Saya juga ingin sebutkan dalam butiran yang sama, berkaitan dengan isu tuntutan ataupun *claim* yang terlalu lambat di kalangan pensyarah IPG. Kalau jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri minggu lepas bahawa isu ini perlu dirujuk kepada JPN kerana bajet telah disalurkan kepada JPN sedangkan semua peruntukan IPG adalah melalui IPGM. Ternyata Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu ataupun tidak menyedari bahawa tuntutan tersebut tidak lagi melalui JPN. Apakah tindakan untuk menyelesaikan tuntutan lambat ini?

Tuan Pengerusi, saya merujuk butiran 080300 – Penyelarasan Emolumen dan Kenaikan Pangkat Pendidikan Tinggi. Saya ingin menarik perhatian isu pensyarah universiti awam yang resah kenaikan pangkat dan gaji mereka adalah mengikut permohonan, tidak seperti kenaikan gaji guru sekolah iaitu kenaikan secara berkala dan tetap.

Saya cadangkan agar Yang Berhormat Menteri dapat kaji semula SOP ini supaya para pensyarah dapat menumpukan sepenuhnya kepada pencapaian akademik. Yang Berhormat Menteri sendiri pun pernah menjadi pensyarah dan tahu secara lebih dekat mengenai isu ini.

Saya juga ingin bertanyakan tentang isu guru-guru sekolah yang mempunyai sarjana dan juga PhD. Saya difahamkan golongan guru-guru ini tidak mendapat apa-apa kenaikan gaji atau DG ataupun apa-apa kelebihan. Ini menyebabkan golongan guru tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 081200 – Rancangan Makanan Tambahan. Saya menyentuh isu yang paling keliru dalam buku bajet ini. Yang Berhormat Menteri bertegas bahawa isu sarapan percuma akan dilaksanakan bermula Januari 2020. Ada lebih kurang hanya sebulan lagi ia akan bermula. Dalam buku bajet saya tercari-cari di butiran manakah ianya diletakkan. Apa yang saya jumpa hanya butiran 081200 iaitu Rancangan Makanan Tambahan. Saya sebut isu ini kerana saya sayangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bimbang Yang Berhormat dipermainkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada DAP. Ini amat memalukan Yang Berhormat Menteri.

Butiran 080400 – Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Saya ingin bertanyakan tentang dua perkara yang berbeza bahasa, kaedah dan mekanisme pembelajaran dan pengajaran ini diletakkan di dalam satu program. Apakah justifikasinya dan bagaimanakah program khas ini dijalankan.

Butiran 082700 iaitu Program Sekolah Amanah. Saya ingin bertanyakan apakah perkembangan kemajuan sekolah ini dan apakah ciri-cirinya. Saya juga ingin bertanya berapakah jumlah sekolah ini yang terdapat di Pantai Timur. Saya juga tercari-cari di bawah butiran manakah bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri. Saya difahamkan sebelum ini dibayar melalui JAKIM tetapi pada tahun 2019, saya difahamkan dibayar melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Saya mengharapkan agar dapat diselaraskan dengan sebaiknya kerana pada tahun ini terdapat sekolah sehingga hari ini yang belum lagi menerima bantuan ini...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bentara Azhar buat apa itu?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Dan ada yang telah dibayar pun, baru dua minggu lepas iaitu beberapa hari sebelum sekolah bercuti.

Untuk tahun 2020 saya amat mengharapkan agar dapat dibayar di awal tahun supaya bantuan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh pihak sekolah. Tuan Pengerusi, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam diikuti dengan Yang Berhormat Jasin kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tebrau.

**4.27 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 010000 mengenai pengurusan khusus, Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur yang mendapat peruntukan sebanyak RM42,861,400 berbanding dengan bajet terdahulu yang peruntukan sebanyak RM35,830,700 yang telah dinaikkan sebanyak 120 peratus. Apakah perancangan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bagi peningkatan peruntukan ini?

Saya menyentuh tentang kebajikan guru berkaitan masalah infrastruktur tadi iaitu masalah struktur bilik guru yang rata-ratanya daif malah tidak selesa seperti tiada berhawa dingin, tiada meja dan kerusi yang sesuai. Kadang-kadang meja dan kerusi guru sama dengan meja dan kerusi murid. Ruang yang amat sempit dan tidak kondusif.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerana rata-rata guru adalah terdiri daripada Gred 54, JUSA dan juga di sekolah rendah, Gred 38 dan sebagainya. Apakah kerajaan bercadang memberikan peruntukan khas untuk penyelenggaraan kepada sekolah-sekolah termasuklah peningkatan prasarana bilik guru terutama di kawasan luar bandar?

Oleh itu, saya telah menerima beberapa aduan berkaitan tentang Kolej Tingkatan Enam yang baru ditubuhkan. Antaranya blok-blok bangunan Kisdam yang menempatkan kelas-kelas pada masa kini berada di takuk lama seperti set komputer, meja dan prasarana. Saya juga difahamkan capaian Internet di sekolah berkenaan juga sangat tidak memuaskan. Perkara ini sedikit sebanyak mengganggu pelajar dan guru untuk mendapat maklumat menerusi Internet. Selain itu sistem pendawaian elektrik di sekolah ini juga semakin uzur sekali berlaku fenomena *trip*...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, bolehkah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Mencelah.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Boleh mencelah sedikit ya. Bolehkah juga – setujukah Yang Berhormat supaya untuk kelas-kelas pembelajaran abad ke 21 PAK21 juga perlu dilihat oleh kementerian supaya dibantu mereka dapat diberikan dan disediakan kelas-kelas yang sesuai. Bukan guru-guru yang berbelanja.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Masukkan dalam ucapan saya. Tuan Pengerusi, kedua berhubung dengan Kementerian Pendidikan desa ini saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Dasar Penilaian dan Pengurusan Prestasi yang telah diberi peruntukan sebanyak RM103,707,500 bagi Bajet 2020. Dasar penilaian dan pengurusan prestasi untuk memastikan segala dasar pendidikan mengikut perancangan peraturan yang ditetapkan dan mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan dasar pendidikan.

**■1630**

Untuk Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Saya ingin mendapat penjelasan iaitu apakah perkembangan terkini berkenaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan setakat manakah pelaksanaan dan pencapaian pelan ini. Apakah tindakan kementerian untuk memberi pemahaman Pentaksiran Berasaskan Sekolah kepada ibu bapa yang masih belum memahami PBS, saya kerana masih lagi berorientasikan pada peperiksaan.

Apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa soalan PT3 tidak bocor dan keputusan PT3 itu tidak ada kesahan dan kesahihan? Kenapa boleh berlaku kekurangan soalan Kimia SPM tahun 2019? Sehingga pelajar di kuarantin yang boleh menjejaskan emosi pelajar dan apakah tindakan supaya perkara ini tidak berulang lagi?

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan Malaysia ini juga, saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah ini akan membantu dalam mata pelajaran ini kekal relevan dalam merealisasikan globalisasi Industri 4.0.

Saya ingin menyentuh Butiran 00700 – Pendidikan Guru - Maktab Perguruan yang mendapat peruntukan sebanyak RM13,100,000 pada Bajet 2020. Saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah IPG menyediakan latihan bagi meningkatkan profesionalisme guru untuk mendidik pelajar-pelajar supaya seiring dengan era perkembangan Industri 4.0 dan juga digital ekonomi. Adakah kementerian menyediakan IPG tertentu atau bekerjasama dengan industri bagi melatih guru-guru atau dalam bidang digital ekonomi dan Industri 4.0.

Kelima, saya ingin menyentuh Butiran 010000 iaitu mengenai kesempatan untuk memohon kerajaan supaya pertimbangan semula peruntukan membaik pulih di Parlimen Sabak Bernam yang rata-rata 40 tahun lepas dalam keadaan uzur.

Keenam saya ingin menyentuh Butiran 080000 mengenai Program Khusus. Saya ingin menyentuh berhubung dengan keperluan menyediakan makanan yang berkhasiat pada pelajar yang tidak berkemampuan dan miskin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sabar Bernam. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jasin.

**4.32 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah diberikan satu peruntukan yang paling tertinggi sekali sebanyak RM64 bilion. Satu peningkatan sebanyak RM5 bilion berbanding dengan tahun lepas. Kita berharap dengan peruntukan yang banyak ini supaya kita dapat betul-betul memperkasakan pendidikan kepada anak-anak bagi melahirkan satu generasi anak bangsa yang benar-benar berilmu.

Saya terus kepada Butiran 040100 – Bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah hala tuju pendidikan digital kita yang membabitkan lebih kurang 10 ribu sekolah di seluruh negara. Sahabat saya ini daripada Kota Tinggi ini selalu marah saya kerana dia tidak diberi peluang untuk berucap. Dia hendak kalau boleh sekolah di Kota Tinggi pun dimasukkan dalam ini, selain daripada sekolah di Jasin. Ini kerana ketika zaman BN dahulu, kerajaan telah memberikan peruntukan sebanyak RM4 bilion untuk perkhidmatan 1BestariNet...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Projek gagal.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pada pertengahan tahun lalu, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan perkhidmatan 1BestariNet ini kepada kontraktor sebelum ini. Saya difahamkan bahawa kementerian akan melaksanakan tender baharu untuk perkhidmatan 1BestariNet ini.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, pada kadar berapakah peratus penebusan Internet di sekolah-sekolah ini? Ini kerana banyak daripada kita bercakap dan Yang Berhormat Menteri pun ada bercakap tentang Revolusi 4.0 yang memerlukan pembelajaran dan juga pengajaran dalam bentuk digital sedangkan ramai lagi guru-guru kita di sekolah mengeluh mengenai kecekapan rangkaian Internet di sekolah-sekolah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan status terkini hasil petugas UEC. Saya tahu Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan di Dewan yang mulia sebelum ini mengenai status kajian pasukan petugas UEC ini. Akan tetapi, soalannya apakah kerajaan akan terus mengiktiraf sijil UEC? Sekiranya hasil kajian pasukan petugas mengesyorkan perkara tersebut. Jika ia berlaku, apakah kesannya nanti kepada sistem persekolahan negara? Di manakah letaknya status sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana di negara ini, di atas?

Selepas itu, saya hendak pergi kepada Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Saya telah sebut tadi kementerian menerima satu peruntukan yang cukup tinggi sekali. Apakah langkah-langkah kementerian untuk memperkasakan sekolah agama, sekolah tahfiz dan juga sekolah pondok? Saya nampak macam berlaku ada sedikit kekeliruan apabila kita bercakap mengenai sekolah tahfiz atau sekolah pondok ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ini kerana...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sedikit boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Apabila ada Menteri daripada kementerian lain iaitu Menteri dari Jabatan Perdana Menteri yang banyak menjawab. Jadi, di manakah peranan Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan institusi ini? Satu lagi isu yang juga amat menjadi keluhan masyarakat di luar terutama sekali pelajar-pelajar lepasan jurusan pendidikan yang masih tidak diterima untuk menjadi guru dan terus menganggur.

Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan berapakah bilangan sebenarnya jumlah pelajar lepasan pendidikan yang sepatutnya menjadi guru dari jumlah tersebut berapa ramai yang sudah menjadi guru dan berapa ramai yang terus menganggur.

Jadi, apakah sebab sebenarnya berlaku lambakan pelajar-pelajar lepasan pendidikan yang tidak menjadi guru ini walaupun sudah tamat menjalani latihan di IPG. Adakah sebab bilangan sekolah kita sedikit? Akan tetapi, kita ada sekarang 10 ribu buah sekolah dan kita mahu kalau boleh tenaga pengajar ini dapat memperkasakan pendidikan anak-anak.

Seterusnya, saya pergi kepada 020100 – Dasar Pendidikan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapakah semakin ramai ibu bapa sekarang menghantar anak-anak mereka ke sekolah antarabangsa? Ini tidak memenuhi iltizam penubuhan sekolah antarabangsa yang diwujudkan untuk anak-anak kepada warganegara asing.

Namun, statistik kita menunjukkan jumlah pelajar tempatan yakni kalau ikut daripada rekod kementerian ada seramai 44,575 murid warganegara Malaysia berbanding dengan 25,220 warga asing yang didaftarkan di 163 sekolah antarabangsa. Dari segi peratusan, kita tengok 64 peratus pelajar sekolah antarabangsa adalah warganegara Malaysia. Adakah disebabkan sekolah arus perdana ini tidak diperkasakan? Atau terus dalam keadaan yang cukup daif pada ketika ini terutamanya sekolah-sekolah kebangsaan.

Jumlah murid tempatan di sekolah antarabangsa juga meningkat secara berterusan tiap-tiap tahun. Kalau kita lihat pada tahun 2010 hanya ada 8,000 sahaja anak-anak kita masuk sekolah antarabangsa. Ini peningkatan sebanyak 450 peratus dalam tempoh 10 tahun. Perkembangan ini menimbulkan persoalan sama ada lebih ramai murid tempatan khususnya daripada golongan berpendapatan 20 peratus teratas dari kurikulum pendidikan kebangsaan. Ia juga mengundang tanda tanya sama ada operasi sekolah antarabangsa Malaysia sudah menyimpang daripada matlamat asalnya untuk memenuhi keperluan pendidikan golongan ekspatriat yang menetap di negara ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Seterusnya, Butiran yang sama saya pergi kepada isu bantuan sekolah mubaligh dan juga sekolah persendirian. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan sumbangan kepada sekolah-sekolah mubaligh dan pada sekolah persendirian. Saya tidak ada masalah.

Akan tetapi, seharusnyalah kita berlaku adil. Kalau kita lihat di sini, kalau dahulu kita dapat hanya RM250 juta sahaja peruntukan kepada sekolah kebangsaan. Sekarang sudah dinaikkan sebanyak RM300 juta masih lagi tidak mencukupi dan kalau kita bandingkan dengan sekolah-sekolah lain, SRJKT dan SRJKC kita masih lagi tertinggal jauh walaupun sekolah-sekolah kebangsaan ini banyak dalam keadaan yang cukup daif sekali.

Kita berharap kalau boleh pihak kementerian mengkaji semula cara pembahagian peruntukan ini, sama ada berdasarkan jumlah sekolah atau per kapita ataupun jumlah murid. Ini kerana kita hendak kalau boleh ada keadilan dilakukan kepada semua peruntukan kepada semua sekolah-sekolah.

Selepas itu, saya pergi kepada Butiran 080400...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat sudah. Saya minta terus rumuskan sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sudah habis?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah habis.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Okey, sudah habis. Terima kasih banyak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. **Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Banyak lagi hendak bahas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Baram. Kemudian, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Rasah. Terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Batu. Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:**Yang lompat-lompat itu tidak payah lah.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat Julau.

**4.39 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih kerana izinkan saya menyertai perbahasan. Saya ingin menyentuh Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Saya selepas menjadi Ahli Parlimen, saya mendapati banyak sekolah di seluruh kawasan Pasir Gudang tiada dewan.

**■1640**

Adakah terbuka atau tertutup? Juga ada banyak sekolah padangnya pun sudah rosak. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh menetapkan satu SOP atau garis panduan bahawa sekolah yang ada pelajar melebihi 2,000 pelajar boleh diberi peruntukan untuk menaik taraf untuk adakan sekurang-kurangnya dewan. Kalau padang sudah rosak diperbaiki.

Kedua, saya hendak sentuh mengenai Butiran 080500. Ini kerana banyak kawasan atau sekolah pun mengalami kelengkapan yang sudah rosak seperti tandas dan lain-lain. Jadi, saya berharap dan juga ada meja dan kerusi. Jadi, saya berharap ini akan dapat perhatianlah dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Ketiga, Butiran 081600. Ini mengenai Kelas Dewasa Orang Asli Penan. Saya berharap kerana kementerian sudah ada satu kelas dewasa Orang Asli untuk Penan. Saya berharap kementerian juga akan wujudkan satu kelas dewasa Orang Asli bagi Orang Asli di sekitar Johor Bharu khususnya di kawasan Tebrau, saya ada tiga kawasan Orang Asli. Mereka adalah nelayan. Ini kerana kehidupan mereka sudah terancam kerana pencemaran Selat Johor dan Sungai Johor. Jadi penangkapan laut mereka sudah berkurang. Saya berharap ada satu kelas dewasa untuk memberikan kemahiran mereka supaya mereka boleh bertukar pekerjaan dari nelayan kepada lain supaya kehidupan mereka tidak terjejas.

Terakhir saya hendak sentuh adalah mengenai satu dasar yang diwujudkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan mengenai *Zero Reject Policy*. Hari Sabtu yang lepas pada satu majlis saya hadir mengenai satu majlis supaya ada dialog di antara ibu bapa yang ada anak-anak khas dengan sekolah.

Di situ saya dapati bukan semua sekolah sudi atau siap sedia untuk menerima semua anak khas atau istimewa. Jadi saya minta kementerian untuk memastikan atau memberi penjelasan, apa langkah-langkah yang sudah diambil untuk memastikan semua sekolah ada kelengkapan atau guru-guru yang sedia untuk menerima semua untuk mematuhi *Zero Reject Policy.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mohon mencelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Menyentuh tentang isu *Zero Reject Policy* itu.

Saya juga ingin bertanya tentang isu pendidikan, isu keciciran bawah Butiran 030200 – Pendidikan Rendah di mana kalau dilihat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 46,140 orang pelajar tahun enam tidak masuk ke tingkatan satu. Ini adalah jumlah yang agak besar 3.19 peratus. Apakah yang akan diusahakan untuk mengurangkan ini lagi?

Kedua, mengenai dengan Butiran 060300 – Universiti Malaya. Tahniah diucapkan walaupun kita dapat tingkatkan lebih RM50 juta tetapi adakah ini termasuk emolumen untuk membayar pekerja termasuk staf. Saya ingin tegaskan kalau boleh Yang Berhormat Menteri kita lihat kepada isu perumahan bagi mahasiswa kerana lebih 5,000 pelajar tahun satu, *first year* yang tidak dapat tempat *on campus.*

Akhir sekali, saya ingin meminta pandangan Butiran 083200 Maksud Bekalan 63, Ubat-ubatan Hospital Kerajaan. Adakah vaksin *pneumococcal* juga akan termasuk dalam ubat-ubatan hospital pengajar khusus untuk PPUM. Sekian, terima kasih.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Saya mohon untuk masukkan dalam perbahasan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Strategi yang mantap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat Baram, diikuti oleh Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Jerai.

**4.45 ptg.**

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke butiran yang baru disebut oleh Yang Berhormat Tebrau tadi yakni Butiran B.63, 081600 berkenaan dengan Kelas Dewasa Orang Asli Penan. Saya rasa program ini adalah khusus di kawasan saya mungkin ada juga di Hulu Rajang dan juga di Limbang ini. Saya nampak ini adalah berasas oleh kerana kaum Penan yang di pedalaman ini dahulu ia memang sekolah tetapi apabila ia tidak sampai ke tingkatan satu pun ataupun mungkin tidak sampai ke tingkatan dua ataupun darjah satu dan darjah dua dan memang wajib untuk diadakan kelas dewasa ini.

Namun, saya mahu mohon supaya peruntukan ataupun program ini diperkembangkan supaya peruntukan dapat ditambahkan. Ini supaya kaum-kaum yang lain khususnya kaum Orang Ulu yang lain. Saya tak nak sebut mana satu tetapi saya rasa Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan ini memang sudah dalam senarai ini dan ini boleh diperkembangkan sebagai untuk kita menaiktarafkan program yang macam ini. Ini kerana kawasan pedalaman khususnya kawasan saya yang sudah 45 tahun atau 50 tahun pun masih lagi buta huruf. Ada di kalangan mereka ini khususnya yang sudah tua. Mereka yang muda itu memang tidak adalah.

Di samping itu saya mahu minta supaya Kementerian Pendidikan dapat menambahkan peruntukan ini supaya dana ini boleh digunakan untuk membolehkan kaum-kaum ini yang saya maksudkan tadi, Orang Ulu ini termasuk Penan, mereka ini dapat menggunakan dana ini untuk mereka melanjutkan pelajaran mereka ke tingkat sekolah menengah dan juga ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Ini kerana kita tahu kawasan pedalaman di mana *the mode of transportation* itu tidak baik, jadi kita perlu bantuan ini. Jadi saya rasa ini perlu ini.

Kedua, saya hendak sebut ialah berkenaan P.63 Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya rasa ini sudah menjadi cerita yang begitu hebat dan memang kita di GPS, kita di Sarawak dan saya rasa yakin juga kita di Sabah memang memerlukan sentuhan dana ini untuk memastikan pembaikan sekolah-sekolah ini dijalankan.

Kita tahu bahawa di Sarawak, di kawasan saya sendiri 66 buah sekolah, 50 lebih buah adalah dalam keadaan yang amat daif dan memerlukan sentuhan ini.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya celah sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Limbang okey, Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya terpanggil Tuan Pengerusi iaitu tentang program luar bandar sekolah ini Butiran 03700 mungkin Yang Berhormat Menteri pun dahulu ada saya tulis surat berkenaan SMK Medamit yang bilik guru terbakar.

Jadi, saya baru bertanya dengan guru bahagian pembangunan memang belum ada apa-apa. Guru-guru masih menumpang dalam asrama salah sebuah asrama di SMK Medamit Limbang itu sahaja. Ini kerana tidak ada cerita lagi hendak bangunkan bilik guru yang sudah terbakar itu. Saya harap dapat ini sebahagian daripada program pembangunan luar bandar untuk pendidikan. Saya harap ini dapat dibina. Terima kasih Yang Berhormat Baram.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Okey masukkan itu sebahagian daripada ucapan saya dan mohon untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa itulah keadaan di kawasan pedalaman ini khususnya di kawasan Baram...

**■1650**

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Baram, boleh?

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Sekolah SK Long Sait, SK Long Jekitan, ini semua kaum Penan ini. Ini perlu diperbaiki. Saya mohon minta penjelasan dari pihak Yang Berhormat Menteri, tolonglah beri bantuan kepada mereka ini. Saya mahu tahu, berapa buah sekolah yang akan dilaksanakan dalam tahun baru ini, dalam tahun 2020 ini? Sebab, kita tidak mahu ini dibuat dalam masa yang panjang. Kita perlu ada satu tempoh yang ditetapkan. Misalnya, *by year 2022*, semua sekolah ini perlu disiapkan.

Jadi, itu sahaja sebab masa tidak mengizinkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baram. Saya menjemput Yang Berhormat Arau, diikuti oleh Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Gerik dan yang terakhir Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Lembah Pantai tukar kepada Batu.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, Papar, Papar...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Batu boleh, Batu?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, dua minit sahaja.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai menunggu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Pengerusi, ini Kapit, Sarawak jauh ini. Saya mohon ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh, belum mula lagi. Mereka tengah cakap.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai menunggu saja. Bersedia.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, dua minit. Tuan Pengerusi, Setiu dua minit cukup. Dua minit ya? Setiu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, boleh mula ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan, Yang Berhormat Arau. Mulakan Yang Berhormat Arau.

**4.51 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama sekali, Tuan Pengerusi, terima kasih sebab Yang Berhormat Kota Tinggi bagi ruang kepada saya.

Kedua, seperti kawan-kawan kita yang lain, saya mengucapkan tahniah kerana kementerian ini dapat peruntukan yang tinggi yang cukup dahsyat tingginya daripada mana-mana kementerian. Sudah pasti kementerian ini tidak ada yang kami akan tidak menyokong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi sokong PH lah? Sokong Menteri Kewangan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, Yang Berhormat Arau. Tidak apa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya juga ucapkan tahniah sebab Kerajaan Pakatan Harapan telah menceritakan mereka mencapai beberapa kejayaan termasuklah kejayaan yang mereka capai baru-baru ini iaitu dengan menambah tempat-tempat pelancongan di negara ini. Kita boleh melawat Cameron Highlands, Genting Highlands, Gunung Jerai, Gunung Tahan, Bukit Fraser dan sekarang kita boleh melawat Parlimen sebagai salah satu tempat sejuk.

Semua ini berada di tempat tinggi tetapi Parlimen adalah tempat yang rendah, sejuk. Ini untuk menunjukkan bahawa Parlimen ini tempat yang sejuk, mereka telah tinggikan *aircond* pada hari ini dan saya pakai kot yang agak tebal tetapi masih sejuk. Jadi, tahniah. Pelancong-pelancong rakyat Malaysia boleh melancong ke Parlimen sekarang kerana tempat ini ialah tempat sejuk.

Kemudian yang keduanya ialah tentang imej kerajaan sekarang ini dan juga imej pembangkang ya. Imej kerajaan terletak bagaimana menteri-menteri menjawab dan sebagainya. Itu imej kerajaan. Imej pembangkang adalah bagaimana kami membangkang dengan hebatnya. Termasuk imej perbahasan di pihak *backbenchers* kerajaan akan menunjukkan imej kerajaan. Kalau nak tanya yang itu, boleh tanya kemudian.

Kemudian, Butiran 010300, peruntukan yang berbeza. Tuan Pengerusi, ini saya telah timbulkan berkali-kali. Saya minta supaya- Yang Berhormat, kita bukan mahu kompelin. Kita minta supaya diselaraskan peruntukan. Contohnya, sekarang ini sekolah kebangsaan kita ada 8,131 buah sekolah, sekolah jenis kebangsaan Cina ada 1,299 buah sekolah, sekolah jenis kebangsaan Tamil ada 625 buah dan sekolah mubaligh ada 398 buah.

Akan tetapi, peruntukan sekolah kebangsaan yang diberikan hanya sebanyak RM300 juta, sekolah kebangsaan Cina sebanyak RM50 juta, sekolah Tamil, walaupun 625 buah, diberikan RM50 juta. Sekolah mubaligh sebanyak 398 buah juga diberikan sebanyak RM50 juta. Kita tiada masalah, kita akan menyokong semua peruntukan yang diberikan pada sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah mubaligh. Kita sokong.

Akan tetapi, sekolah kebangsaan hendaklah diselaraskan supaya peruntukan yang diberikan kepada tiap-tiap sekolah itu sama seperti yang diberikan kepada sekolah mubaligh. Sekolah mubaligh sekarang ini mendapat peruntukan yang tinggi sebanyak hampir RM125 ribu tiap-tiap sekolah padahal sekolah kebangsaan hanya sebanyak RM36,895. Jadi, kita minta diselaraskan. Kita menyokong, tidak ada masalah, Yang Berhormat, tentang perkara ini.

Kemudian keduanya, Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Saya minta kad siswa ini diberikan balik, Yang Berhormat. Kesian. Dalam keadaan sekarang ini kita membuat program bantuan makanan kepada mahasiswa miskin di universiti-universiti mendapat sambutan, tetapi kad siswa ini dahulu kita berikan sebanyak RM250, selepas itu kerajaan ini telah teruskan sebanyak RM100 tetapi tahun 2020, saya tengok tidak ada butiran di mana-mana untuk kad siswa.

Kemudian, berikutnya ialah guru interim. Saya minta guru interim diteruskan dengan hebatnya supaya kita tidak ada masalah dari segi guru sebab kita mempunyai universiti yang melatih guru dan juga IPG.

Kemudian, berikutnya ialah tentang program sarapan pagi sebanyak RM1.6 bilion. Semua orang bercakap tentang perkara ini. Saya menyokong supaya program ini diteruskan dan saya minta kerajaan kena berikan sebab Yang Berhormat Menteri sudah umumkan. Kalau Yang Berhormat Menteri sudah umumkan, malulah muka Menteri nak letak dekat mana? Kalau sekiranya diumumkan, tiba-tiba kita mempertikaikan peruntukan tidak ada, sudah pasti dia seorang Menteri yang hebat, bekas seorang pensyarah yang ada PhD, tentu dia berhati-hati apabila dia bercakap. Sudah pasti bila dia cakap kita ada peruntukan sebanyak RM1.6 bilion, bagilah. Kita bukan menentang ini, kita menyokong.

Sebab, pendidikan ini, pembangkang dan juga kerajaan akan terus bersama, tidak ada masalah. Ini pendidikan. Kita akan menyokong. Tidak ada orang yang akan menentang. Apa yang kita bagi kepada sesuatu sekolah, kita terus berikan, kita tidak kompelin. Cuma, sekolah yang kurang, kita bagi tambahan. Sebab, saya menyokong supaya pendidikan ini ditambah lagi sebanyak RM5 bilion untuk membolehkan dia selaraskan apa yang telah kita hadapi. Jadi, saya sokong supaya program sarapan pagi ini diteruskan. Yang Berhormat minta kepada Menteri Kewangan.

Kemudiannya ialah Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya setuju dengan Yang Berhormat- apa ‘mak cik’ apa nama dia tadi? *[Ketawa] [Dewan riuh]* ‘Kak Cik’, ‘Kak Cik’. Ada Cik lah ya. Bahawa kita kena memperkasakan Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat, kita lihat Bahasa Malaysia ini seolah-olah diperkotak-katikkan. Kerajaan dahulu pun sama, kerajaan sekarang pun sama. Saya ingat kerajaan dahulu termasuk Kerajaan Barisan Nasional dahulu pun sama, kerajaan sekarang pun sama. Kerajaan dahulu diperintah oleh Perdana Menteri keempat, dia mengetahui, sekarang Perdana Menteri yang ketujuh. Kita kena memperkasakan Bahasa Malaysia.

Kalau sekiranya kita pergi ke luar negara, apa salahnya kita bercakap Bahasa Malaysia? Tidak ada masalah. Ini *Cambodia*, cakap Bahasa Malaysia. Kemudian, apa negeri yang kecil...

**Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Penduduknya hanya- Bhutan pun cakap bahasanya. Jadi, kita kena cakap Bahasa Malaysia.

**Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ‘Pak cik’, masa sudah habis.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ucap tahniah kepada Menteri Pertahanan, walaupun menghadapi masalah tetapi cakap Bahasa Malaysia. Kita dapatkan penterjemahan. Jokowi boleh cakap bahasa Indonesia, kenapa kita tidak boleh cakap Bahasa Malaysia?

Saya menghadapi persidangan antarabangsa banyak kali dan banyak kali saya bawa penterjemah dan penterjemah pun kurang-kurang adalah kerja yang dia kena buat. Jadi, ini dibanggakan oleh semua pihak. *Russian, they can speak English better than us* lah tetapi dia cakap bahasa Rusia. Demikian juga negara-negara lain.

Kedua terakhir ialah peruntukan universiti. Saya sokong. Universiti Malaya ditambah, termasuk Universiti Malaysia Perlis. Universiti Malaysia Perlis, Yang Berhormat, kalau boleh tingkatkan daripada Perlis. Dalam Malaysia ini, hanya satu universiti sahaja yang tidak ada sifat kenegerian. Negeri-negeri lain ada sifat kenegerian. Kami di Perlis, 70 peratus ialah bukan orang Perlis, 30 peratus orang Perlis...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis lama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Orang Perlis pun kerja-kerja biasa...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, rumuskan sekarang Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya minta tingkatkan orang-orang Perlis yang bekerja di UniMAP.

Akhir sekali...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Akhir sekali sudah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali- ini sure ayat terakhir. Lagi sekali saya sebut bahawa imej kita ialah berdasarkan kehebatan kita berpidato. Imej kerajaan kadang-kadang boleh rosak kerana jawapan Menteri yang tidak sesuai. Kadang-kadang pembangkang- minta maaf, Yang Berhormat Jelutong. You kawan saya tetapi kadang-kadang kita ganggu tidak sesuai masa. Kita cakap tajuk lain, you cakap fasal lain.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis dah. Masa sudah habis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Butiran mana, Yang Berhormat Arau?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih 'pak cik'.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Imej kami pembangkang ialah...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis 'pak cik'. Masa sudah habis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Dengan hormatnya mengkritik kerajaan yang banyak menzalimi rakyat.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Cukuplah, cukuplah. Sudah sampai masa makan ubat, tahu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** 'Pak cik', masa dah habis...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nak ucap terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Pengerusi, jangan bazir masa, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** 'Pak cik', 'pak cik' masa sudah habis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya nak ucap terima kasih. Saya nak ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ini bazir masa. Duduklah. Sudah habis masa lah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ‘Pak cik’, balik Arau, ‘pak cik’. Balik Arau.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Sebab hari ini hari yang terakhir sekali dan kita nak beritahu bahawa imej kerajaan sekarang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, baik, terima kasih.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Imej kerajaan sekarang semakin jatuh tetapi imej pembangkang semakin meningkat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

**5.00 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada saya pada petang ini. Perkara pertama sepertimana rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini, sekali lagi menjadi kementerian yang mendapat peruntukan yang paling banyak, naik daripada RM60 bilion kepada RM64 bilion pada kali ini. Akan tetapi ucapan tahniah yang paling penting kepada kementerian ini kerana ranking Universiti Malaya naik daripada 24 kepada 13 dalam *QS World University Rankings: Asia*. Tadi Yang Berhormat Arau tidak sebut pun. Ini universiti yang terulung.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau pelajar Universiti Malaya tahun 1974.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ini universiti yang terulung di Malaysia dan saya sebagai alumni UM rasa cukup bangga, tahniah kepada KPM, tahniah kepada Universiti Malaya.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya alumni tahun 1974.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Rasah, ringkas-ringkas.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ini Yang Berhormat Lembah Pantai saya bagi.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Universiti Malaya bawah Lembah Pantai- saya ringkas saja. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa isu walaupun dah naik ke tangga 13 tapi masalah perumahan bagi mahasiswa itu perlu kita tangani kerana lima ribu yang tidak ada rumah bagi mahasiswa tahun satu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya mohon masukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Pertama, Butiran 060300 dan juga Butiran 00601, dua-dua ini saya gabungkan sebab bawah tajuk yang sama Universiti Malaya (UM). Kalau kita setakat rasa bangga dengan pencapaian Universiti Malaya, saya ucap tahniah tetapi saya nampak peruntukan itu tidaklah seberapa banyak, tidak bersesuaian dengan kedudukan Universiti Malaya sebagai universiti terulung di negara kita. Saya terkejut khasnya peruntukan pembangunan, 2018 digunakan RM8 juta, tahun lepas RM8 juta, kali ini RM5.2 juta. Apa jadi?

Saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri, kita berikan peruntukan yang lebih kepada Universiti Malaya sebab ada keperluan ialah akan menaikkan reputasi nama baik negara kita di pentas dunia.

Akan tetapi saya juga ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di bawah Butiran 01500 – UKM sebab saya pun alumni UKM... *[Tepuk]*

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya alumni UM ya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kalau 2018 di bawah kerajaan lama hanya RM23 juta, tahun lepas RM77 juta, kali ni RM189 juta. Tahniah kerajaan... *[Tepuk]* Bagi saya dua universiti ini patut kita memberikan perhatian yang khas. Ia milik kerajaan, bukan universiti yang dimiliki ataupun dikuasai oleh pimpinan parti politik tertentu, ini adalah milik rakyat Malaysia. Ini yang kita namakan milik Malaysia. Butiran seterusnya Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Rasah, penjelasan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Minta maaf Yang Berhormat Arau, tinggal dua minit lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, ini ada orang sampaikan, ada orang beritahu...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Di bawah Butiran 08... *[Disampuk]* Saya tidak tak bagi jalan. Minta maaf.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *No, no*, ada orang beritahu Yang Berhormat masa jadi ADUN ini bagus, baik...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak apa, tidak apa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi bila jadi Ahli Parlimen tiba-tiba jadi nakal sebab duduk sebelah Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Arau.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Pengerusi, saya tidak bagi laluan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Di bawah Butiran 080700 – Elaun Murid Berkeperluan Khas. Saya nampak ada sedikit kenaikan berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu RM155 juta diperuntukkan. Saya menyambut baik peruntukan yang meningkat ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hei, Yang Berhormat Lenggong, balik kah?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Adalah untuk anak-anak kita yang memerlukan perhatian khas, keperluan khas ini memang wajar. Ia juga selaras dengan prinsip KPM sendiri yang mana *zero reject* untuk anak-anak sebegini. Cuma saya hendak tanya bagaimanakah mekanisme agihan ini sama ada melalui Pejabat Pendidikan Daerah di setiap daerah ataupun agensi yang lain ataupun melalui sekolah? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Perkara ketiga yang saya hendak sebutkan di bawah Butiran 00102 – Rendah Akademik dan Butiran 00201 – Menengah Akademik. Saya menyambut baik penambahan peruntukan untuk kedua-dua butiran ini. Bagi saya, kedua-dua peruntukan pembangunan ini wajar, wajib dinaikkan bukan sahaja untuk tahun 2020 tetapi setiap tahun sebab di sinilah kita membina teras pendidikan, kita membolehkan lebih ramai anak-anak kita mendapat kemudahan yang lebih baik di sekolah. Jadi saya menyambut baik peruntukan untuk sekolah kebangsaan naik daripada RM250 juta sebelumnya kepada RM300 juta. Kalau boleh setiap tahun kita naik sebab saya nampak ada keperluan.

Saya juga menyambut baik SJK(C) dikekalkan RM50 juta campur RM12 juta untuk *build utility*. SJK(T) sebanyak RM50 juta, ada kenaikan sedikit untuk SMJK kepada RM20 juta dan juga untuk SMPC naik kepada RM15 juta. Bagi saya, sektor pendidikan, bidang pendidikan selama-lamanya akan menjadi teras kepada pembangunan negara dan ia perlu dinaikkan bukan sahaja untuk kali ini tetapi untuk tahun-tahun akan datang.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan Tuan Pengerusi adalah di bawah Butiran 02000 di bawah tajuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR). Saya hendak menzahirkan rasa bangga, rasa berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengumumkan peruntukan khas sebanyak RM30 juta kepada KUTAR sebab bagi saya ia akan dapat dinikmati ataupun untuk kemudahan manfaat pelajar-pelajar... *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Walaupun peruntukan di bawah butiran ini dikurangkan sebab kita kena asingkan campur tangan agenda politik daripada bidang pendidikan di negara kita... *[Tepuk]* Kita tidak boleh benarkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Arau, saya tak bagi laluan, saya tak bagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Awak orang baik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Nanti kita bincang di luar, okey ya? Jangan jadi ejen kepada orang lain. Tuan Pengerusi, saya minta 30 saat yang terakhir.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan, rumuskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Siapa Perdana Menteri Malaysia?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya rumuskan. Bagi saya, kita tahu, rakyat Malaysia tahu siapa yang menguasai TAR kolej itu, agenda politik jelas nak menegakkan benang basah, tidak payahlah. Bagi saya, rakyat tahu dan rakyat akan menghargai...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Duduklah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ketua Menteri Pulau Pinang dari DAP dilahirkan oleh TAR UC.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam tak payah, duduk. Rakyat akan menghargai jasa daripada Kerajaan Pakatan Harapan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Menteri Industri Utama, Menteri Pertanian, semua daripada pihak PH.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang telah memberikan RM30 juta kepada tabung amanah tersebut untuk kepentingan pelajar. Kepentingan pelajar yang sentiasa menjadi keutamaan KPM dan juga Kerajaan Pakatan Harapan, baik Menteri Pendidikan mahupun Menteri Kewangan. Itu adalah berbeza dengan pihak lawan sana yang memberikan dana kepada institusi yang dibangunkan oleh parti politik, itu bezanya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Rasah, mana satu? Butiran apa?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya hendak jelaskan di sini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya rumuskan ayat terakhir. Berbeza dengan Yang Berhormat Tanjong Piai...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Butiran berapa?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** ...Tidak ada butiran. Apa yang saya sebut ini ada butiran.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Apa pula tidak ada butiran? Siapa cakap tidak ada butiran?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Walaupun dah kali ketiga masuk sini tetapi masih tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Ketawa]*

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Hei, jangan cakap bukan-bukan tau Yang Berhormat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baiklah terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tahniah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hidup Pakatan! Hidup Pakatan!

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Gerik dan yang terakhir Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Pengerusi, Kapit mesti diberi peluang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta bagi peluang Menteri Besar Perak berucap.

**7.07 ptg.**

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Menyentuh Butiran 010000 – Pengurusan. Saya ingin tahu terdapat bagaimana maklumat terkini Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan Putrajaya telah diarahkan bertukar ke Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) di Kiara. Kenapa perlu pindah daripada Putrajaya?

Kebajikan pegawai melebihi 250 orang yang tinggal di kuarters telah diarahkan untuk berpindah. Mereka terpaksa mengosongkan kuarters di Putrajaya, ke mana mereka hendak cari rumah sewa? Keselamatan mereka berulang-alik daripada Putrajaya ke Kiara, anak-anak bersekolah dan sebagainya.

Dimaklumkan perpindahan sepatutnya bermula 1 Januari, peralatan pejabat masing-masing dibawa sedangkan ia melanggar prosedur keselamatan dan harta benda kerajaan. Saya ingin tahu arahan siapakah ini? Mohon pertimbangan Menteri hentikan pertukaran kerja seumpama ini supaya mengikut prosedur yang sebenar.

Kedua, menyentuh Butiran 060100 iaitu berkaitan dengan penggabungan UniSZA dan UMT. Saya ingin tahu sebenarnya adakah ia masih bersifat cadangan ataupun keputusan muktamad? Adakah pendirian-pendirian rasmi setiap pemegang taruh pengurusan kakitangan, pelajar dan begitu juga pihak universiti yang berkaitan. Apakah jawatankuasa yang telah ditubuhkan dan siapakah anggota dan apakah peranannya? Sudah adakah garis masa bila penggabungan ini akan berkuat kuasa dan apakah nama hala tuju dan tujuan bagi universiti baru yang akan ditubuhkan nanti?

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 010000 berkaitan kuota pensyarah universiti di mana kita dapati banyak di universiti hari ini kekurangan tenaga pensyarah akibat daripada bersara secara sukarela dan juga bersara wajib. Isunya sekarang yang bersara wajib boleh diambil pengambilan baru tetapi yang bersara sukarela tidak ada kuota untuk pengambilan baru. Isunya ialah beban kepada tenaga pensyarah yang terpaksa memikul beban untuk mengganti kelas-kelas yang tidak ada pensyarah. Jadi apa penyelesaian terhadap isu ini?

Seterusnya ialah berkaitan dengan Kurikulum KSSM iaitu 040300. Saya ingin tahu sejauh mana penilaian dibuat untuk kemampuan pihak sekolah dan tenaga guru untuk berdepan dengan kurikulum baru ini.

Saya bagi masa saya untuk Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Setiu.

**5.09 ptg.**

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Butiran 040100, kami kongsi ini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila. Teruskan ya.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Sejauh manakah usaha KPM bagi menghasilkan lebih ramai guru-guru yang inovatif bagi meningkatkan lagi aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan PDPC dalam pembelajaran abad ke-21.

**■1710**

Seperti mana Guru Adiwara PAK21 yang dianugerahkan kepada Cikgu Nurhelmi Abdul Mutalib dan seorang lagi, Mohd Asrul Nizam Mohd Yusuf. Kedua-dua guru ini di sekolah yang sama iaitu Sekolah Menengah Jerlun, Kedah. Semoga penganugerahan ini mampu menjadi pencetus inspirasi kepada warga pendidikan sekalian.

Butiran seterusnya, Butiran 040600 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Saya ingin mendapat penjelasan mengenai Program Munsyi yang dilancarkan baru-baru ini. Bilakah tarikh pengisytiharan munsyi jawi akan diumumkan?

Terakhir, Butiran 06000 - Operasi Pendidikan Tinggi. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan sikap tolak dalik KPM dan pentadbiran universiti dalam hal kebebasan akademik mahasiswa dan sistem demokrasi di kampus. Mengapa masih terdapat sekatan, halangan dan kerenah birokrasi yang menggagalkan penganjuran program yang melibatkan pemimpin pembangkang di kampus?

Program yang sudah mendapat kelulusan di peringkat awal, tiba-tiba datang arahan daripada ‘tangan ghaib’ mana yang mengarahkan program yang menampilkan Yang Berhormat Marang di Kampus UIAM Kuantan, UKM dan terbaru di UPM, dibatalkan. Sungguh malang sekali, rupanya Malaysia Baharu ini hanya sekadar slogan indah sahaja sedangkan hakikatnya amalan diskriminasi dan demokrasi tempang di IPTA masih diteruskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Okey, Yang Berhormat Setiu, kongsi dengan Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bagi ya.

**5.11 ptg.**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya hendak sebut Butiran 00102 – Rendah Akademik, berkait fasiliti sekolah. Di Setiu masih ada sekolah yang sering ditenggelami banjir, Sekolah Sungai Las, Sungai Marbah Menyusup, Sekolah Kebangsaan Langkap, Sekolah Kebangsaan Kampung Buluh. Apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini? Apakah bantuan yang diberikan kepada sekolah yang sering ditenggelami banjir ini?

Kedua, surau-surau sekolah yang uzur, kelengkapan surau seperti karpet, PA sistem yang perlu diambil perhatian oleh kementerian.

Ketiga, padang bola. Sebuah sekolah yakni Sekolah Kebangsaan Renek yang sudah lama rosak, yang telah dilaporkan kepada kementerian pada tahun lepas tapi sehingga kini masih belum di baik pulih.

Kedua, pembinaan asrama, Butiran 00201 – Menengah Akademik. Saya hendak bertanya berkenaan dengan pembinaan asrama gantian Sekolah Menengah Tengku Ibrahim, Bandar Permaisuri yang masih tertangguh.

Akhir sekali, 040500 - Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Masih ada sekolah yang menggunakan kelas untuk dijadikan dewan peperiksaan, di mana para pelajar dan guru terpaksa mengangkut kerusi dan meja setiap kali musim peperiksaan. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

**5.12 ptg.**

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya pergi ke Butiran satu.

Dalam dekad ini berita yang- dan berpendapat bahawa kokurikulum pendidikan patut berfokus kepada kemahiran teknologi dan sebagainya. Apakah langkah-langkah atau rancangan pihak Persekutuan untuk menolong pelajar beradaptasi kepada *Industry Revolution 4.0*?

Seterusnya, setakat ini adakah pihak Kerajaan Persekutuan membentuk *round table* untuk mendapatkan pendapat *stakeholders* seperti industri, golongan ibu bapa dan sebagainya semasa membentuk kokurikulum? Adakah *round table* seperti ini efektif?

Seterusnya, Butiran 030100 – Pendidikan Awal. Menurut- kadar kemahiran asas seperti literasi menulis dan mengira amat penting masih rendah berbanding luar bandar. Apakah langkah-langkah atau rancangan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan dan mengimbangkan prestasi kemahiran asas?

Seterusnya, setakat ini apakah prestasi pendidikan pra sekolah dalam mencapai objektif serta mengikut kurikulum standard pra sekolah kebangsaan?

Seterusnya, 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Bilakah pihak kementerian mahu merancang untuk mendirikan sebuah sekolah menengah Tamil mengikut manifesto yang dibentangkan pada PRU 14? Pada masa ini, ramai kaum India bertanya-tanya, tidak ada apa-apa suara dari pihak Kerajaan Pakatan Harapan dan juga dari kementerian. Mohon beri penjelasan.

Seterusnya, di kawasan saya ada 9 buah sekolah Tamil. Salah satu sekolah adalah Sekolah Tamil BMR. Sekolah tersebut telah dalam keadaan daif, banyak masalah yang dihadapi hari ke hari. Saya pernah suarakan dalam Dewan yang mulia ini, pernah tulis surat kepada kementerian, baru-baru ini keluar dalam *paper Namban*, muka pertama. Namun, tiada reaksi daripada pihak kementerian. Mohon beri penjelasan.

Seterusnya, untuk pengetahuan pihak kementerian, membuat kajian di kawasan Padang Serai memandangkan penduduk sudah mencecah 77 ribu orang, sekolah rendah dan sekolah menengah telah jadi padat. Adakah rancangan untuk mendirikan sekolah baru di kawasan tersebut?

Seterusnya, Butiran 010600 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Terima kasih kepada kementerian, membantu sarapan pagi untuk murid-murid semua sekolah. Soalan saya, bolehkah pihak kementerian membantu membayar kos pengangkutan bas sekolah untuk golongan B40 dan M40? Hari ini, saya Ahli Parlimen Padang Serai kemukakan ada ramai pelajar tidak hadir ke sekolah disebabkan tidak mampu membayar. Mohon beri penjelasan.

Seterusnya, bilik guru di Sekolah Menengah Padang Serai dalam keadaan daif. Kalau kita bawa sebiji telur duduk dalam itu, dalam satu jam, telur itu boleh setengah masak. Macam itu panas sekali. Macam manakah guru-guru hendak duduk dan rehat?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya telah keluarkan sebanyak RM100 ribu untuk diperbaiki. Dua kali tender, satu tender pun tidak mahu mari buat. Oleh sebab dia kata pendawaian dan sebagainya dan macam-macam alasan. Saya macam mana hendak tolong? Saya dalam peruntukan 40 peratus saya bagi ke sekolah tapi masih lagi sekolah-sekolah daif dalam kawasan saya. Mohon Yang Berhormat Menteri ambil perhatian sikit, kahwin orang Kedah, tolonglah sikit...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Padang Serai, teruskan. 50 saat lagi.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang muda.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Gerik, diikuti oleh Yang Berhormat Bagan Serai.

**5.17 ptg.**

**Dato’ Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sentuh Butiran 030000 - Operasi Pendidikan. Saya hendak merujuk pengumuman Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pemansuhan aliran Sains dan Sastera untuk sekolah menengah, untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana ibu bapa terasa tidak memahami. Di mana yang paling penting, kalau dimansuhkan aliran Sains dan Sastera, apa akan berlaku kepada sekolah menengah berasrama penuh, sekolah menengah sains yang hampir 80 peratus terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu? Maka, akan adakah perubahan?

Oleh sebab itu, kita melihat pengumuman tersebut ada agenda yang tersirat. Isu yang kedua, saya hendak mencadangkan iaitu Pembantu Pengurusan Murid Pra Sekolah untuk sekolah pedalaman, terutama kawasan orang Asli supaya jangan dilantik daripada wanita. Bukan soal wanita tidak boleh menjalankan tanggungjawab.

Akan tetapi kita lantik daripada kaum lelaki, kerana bila duduk di pedalaman, mereka tidak boleh tidur malam di sana, terutama mereka yang belum kahwin. Kalau sudah kahwin, kena keluar pun akan bermasalah, kena jaga suami. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Pembantu Pengurusan Murid Pra Sekolah ini, kalau kawasan-kawasan pedalaman, biar dilantik di kalangan mereka kaum lelaki. Isu yang kedua, isu guru yang masih tidak mencukupi di kawasan Orang Asli dan pedalaman.

Adalah lebih baik, kita lantik, tambahkan kuota guru ganti yang lebih, kemudian mereka dijadikan guru interim. Selepas itu mereka bolehlah kita tawarkan masuk ke IPG. Di mana setengah-setengah kawasan, guru tidak hendak pergi, terutama kawasan Orang Asli. Mereka rasakan jauh, terpisah daripada keluarga. Maka, kita kena fikir satu kaedah. Hari ini saya faham Yang Berhormat Menteri menghadapi masalah, bila berlaku pertukaran guru, bila guru tadi dipindahkan ke kampung Orang Asli. Mereka akan datang ke kementerian, datang ke jabatan kerana depa tahu di PPD, mereka tidak boleh berunding untuk tidak mahu masuk ke kawasan Orang Asli. Mangsanya ialah sekolah-sekolah Orang Asli.

**■1720**

Isu yang seterusnya saya nak merujuk kepada Sekolah K9 yang di RPS Kemar di mana gabungan sekolah rendah Darjah 1 sampai Darjah 6 dan Tingkatan 1 sampai Tingkatan Tiga. Memandangkan RPS Kemar ini berada di tengah hutan yang jauh dan cuma ada K9 sekarang ini, bila nak belajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, mereka terpaksa keluar ke Gerik yang jauh. Apa salahnya kerana sudah siap bangunan, kita pisahkan sekolah rendah dan kita terus buat- yang bangunan baharu tadi terus kita adakan daripada Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5. Ini cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri untuk hanya tidak ada memerlukan pertambahan bangunan tetapi cuma kita masukkan sekolah menengah atas di perkampungan Orang Asli sesuai dengan jumlah orang asli yang ramai di sana.

Satu lagi K9 di tempat saya ialah di RPS Banun. Saya difahamkan dua kali dah ditenderkan untuk bina bangunan K9 di RPS Banun tetapi sehingga hari ini kementerian tidak mengumumkan mana kontraktor yang boleh membangunkan bangunan sekolah tersebut sedangkan sama-sama naik RPS Kemar dengan RPS Banun tetapi RPS Kemar sudah siap, sudah cantik, paling cantik. Kalau buat kursus di tengah hutan sana, asrama, dewan, surau cukup cantik. Bolehlah Yang Berhormat Menteri sekali-sekali berjalan ke RPS Kemar. Tak nak jemput saya pun tak apa tetapi pergi tengok. *Insya-Allah* di sana ada elektrik solar hibrid yang paling besar di Asia Tenggara, ada sekolah, ramai penduduk. Cuma yang saya masih rasa belum senang hati bila mari keputusan peperiksaan UPSR, tak ramai yang lulus semua subjek.

Akan tetapi ini kita carilah jalan penyelesaian, sama-sama kita usahakan dan saya percaya apa yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah keciciran, tempat saya yang paling tinggi di Hulu Perak. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai.

**5.22 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 070200. Saya ingin bercakap tentang HUKM ataupun *Hospital Canselor Tuanku Muhriz* ataupun HCTM yang menjangkau 22 tahun mempunyai lebih daripada 1,000 katil dan kini telah merawat hampir 800 ribu pesakit setahun yang merupakan pusat rujukan negara. Hospital ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada tahun 1997.

Inilah hospital yang menjadi kebanggaan negara sekarang. Kecemerlangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga orang Melayu dan kebanyakan pakar-pakar yang dilahirkan di negara ini adalah mendapat didikan dan latihan daripada UKM. Hari ini kalau kita pergi mana-mana hospital pakar sama ada swasta ataupun kerajaan, kita dapat lihat lulusan daripada UKM yang menjadi pakar di situ termasuklah hari ini, DG Kesihatan, Datuk Dr*. Noor* Hisham bin Abdullah yang merupakan UKM alumni dan banyak pemimpin negara mendapat rawatan kepakaran di Hospital UKM hari ini.

Tuan Pengerusi, *Royal College of Surgeons of Edinburgh* 500 tahun kini memberi kepercayaan kepada HUKM yang membuka *first centre* di luar dari UK, pusat yang pertama dalam dunia ini di UKM. Ini kepercayaan yang diberikan malah menganugerahkan Felo Kehormat kepada empat pemimpin utama termasuk Canselor Tuanku Muhriz dan juga mantan Naib Canselor, Tan Sri Dr. Noor Azlan.

Jadi, HUKM ini juga akan tak lama lagi mempunyai hospital pakar kanak-kanak yang sedang dalam pembuatan dan dah nak hampir siap dan ini merupakan satu lagi mercu kejayaan HUKM. Setelah lebih daripada 20 tahun ini, inilah masalah yang timbul iaitu peralatannya sudah lama, bangunannya sudah lama dan dalam pemerhatian saya melihat ada juga ECG yang rosak, ada juga mamografi yang tak boleh dipakai dan ada juga katil-katil yang dah lama, bangunan yang sudah uzur catnya dan sebagainya. Jadi untuk menjaga inilah kita harap kerajaan dapat memberikan suntikan lagi supaya dapat mengekalkan prestasi hari ini.

Dalam pemerhatian saya, doktor-doktor, pakar-pakar dan juga jururawat serta pegawai-pegawai di sana memanglah menepati slogan yang dikatakan BFF- *Better, Faster and Friendlier.* Ini satu sikap dan *attitude* yang jelas bagaimana untuk merawat orang sakit. Sebagai seorang doktor, saya dapat memahami hari ini. Apabila pesakit datang, dia sakit. Dia perlu di-*attend*, dia perlu dilihat cepat, dia perlu dilihat dengan lemah lembut, dia perlu dilihat dengan kemanisan supaya jiwanya dapat rasa lega dan penyakitnya dapat diubati dengan cepat. Jadi inilah sikap yang ada pada mereka yang saya sangat-sangat bangga dengan HCTM ini dan begitu juga saya melihat kepada servis yang diberikan yakni jelas menunjukkan *waiting time*-nya sudah turun, dengan izin, *patient satisfactory index*-nya tinggi dan stafnya lebih gembira.

Tuan Pengerusi, satu rancangan mega pembangunan Bandar Kesihatan UKM ataupun *Health Technopolis* sebagai pemusatan perkhidmatan, pembelajaran, penyelidikan kesihatan dan perubatan ini turut melibatkan penyertaan swasta dan *multinational companies.* Kita harap kerajaan dapatlah menyokong supaya ini satu lagi yang akan meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan kesihatan di dunia.

Jadi *alhamdulillah,* saya berharap sangatlah dalam melihat kepada kepakaran yang ada hari ini contohnya dengan kepimpinan daripada Prof. Dato' Dr. Hanafiah, Pengarah Hospital yang juga merupakan *President of Asian Surgical Association*. Satu visi, satu semangat yang kuat yang ditunjukkan hari ini. Moga-moga kerajaan dapat menyuntiklah, bagi lah dua tiga ratus juta lagi ke untuk membantu mengindahkan, menyejahterakan, memberi kebaikan lagi kepada HCTM ataupun Hospital Canselor Tuanku Muhriz ini. Tak nak masuk?

**5.26 ptg.**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih. Saya nak masuk tambahan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, ingin mencelah?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, bukan sahaja berkongsi ubat stapler tetapi juga berkongsi masa. Saya ingin menyentuh Butiran 00203 – Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Kita tengok hari ini sekolah berasrama penuh banyak yang cemerlang termasuklah sekolah-sekolah lama tetapi mereka cemerlang dalam SPM, dapat nombor satu, dua, tiga saban tahun tetapi sekolah mereka masih lagi uzur.

Ini termasuklah Sekolah Tun Fatimah dan juga sekolah dah lama iaitu Sekolah Tuanku Munawir. Saya harap pihak kementerian dapat tengok kembali kerana ada Yang Amat Berhormat Mantan Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pagoh pernah datang ke Sekolah Tun Fatimah dan mengumumkan tetapi sampai hari ini tidak ada bantuan untuk membantu memulihkan dan juga membesarkan sekolah tersebut.

Saya juga ingin menyentuh tentang satu perkara. Semalam, SPM dah habis tetapi tidak untuk pelajar-pelajar yang ada dalam subjek ini tetapi mereka dengan riangnya berlaku di Melaka, ada banyak pelajar yang ditahan naik motosikal dan sebagainya.

Saya ingin tahu, apakah pihak kementerian dalam Butiran 03000 - apakah pengisian untuk pelajar-pelajar yang baru habis UPSR, baru habis PT3, baru habis SPM, apakah pengisian yang dapat diisi untuk pelajar-pelajar ini supaya ketidakhadiran ke sekolah, ponteng sekolah dapat dikurangkan atau dapat di-*zero*-kan kerana masa mereka dapat diisi dengan pengisian-pengisian yang lebih baik yang dapat memanfaatkan pelajar-pelajar. Itu sahaja walaupun Masjid Tanah banyak sekolah.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau datang ke Masjid Tanah tolong tengok-tengok kan permohonan daripada Masjid Tanah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah, ini *floor* Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Saya ada permintaan bertulis untuk dua minit dua butiran daripada Yang Berhormat Kapit. Silakan Yang Berhormat Kapit, *last*.

**5.28 ptg.**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tak sempat salam dan mukadimah pun tak apalah, selamat petang. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang yang singkat ini. Walau bagaimanapun, saya akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri sendiri kepada isu kenaikan pangkat di kalangan guru dan staf pejabat pendidikan di Sarawak khususnya. Yang Berhormat Menteri, untuk kita sama-sama menikmati '*Shared Prosperity'*, slogan Kerajaan Pakatan Harapan, saya ingin merayu campur tangan secara langsung, *direct* Yang Berhormat Menteri sendiri bagi memastikan ada kakitangan jabatan pendidikan baik di ibu pejabat atau di IPG-IPG atau di sekolah-sekolah di mana sahaja staf pendidikan dari kaum Dayak diberi peluang memegang tanggungjawab di tahap gred JUSA C. Buat masa sekarang, tiada seorang pun diberi peluang daripada kaum terbesar di Sarawak ini, kaum Dayak.

Jadi, kementerian ini harus memastikan ada prinsip kesaksamaan dan keadilan apabila menangani urusan pejabat pendidikan. Jadi, ini permohonan sebab Yang Berhormat Menteri, saya mengenali beberapa orang yang layak juga. Ada juga yang di Gred DG54 sekarang yang daripada dulu mendapat ijazah dari luar negara pun. Jadi, mereka ini selama ini memang layak tetapi mesti diberi peluang. Kalau tidak diberi peluang, tak adalah kita *shared prosperity* ini.

**■1730**

Jadi, saya tidak kira, dahulu kita tidak ada peluang, itu pun kelemahan kerajaan kami terdahulu. Akan tetapi janganlah ikut kelemahan itu. Sekarang Yang Berhormat Menteri memang orang berkuasa.

Jadi, butiran selanjutnya Tuan Pengerusi iaitu Rumah Guru. Butiran 00800. Saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri juga supaya SMK Song 2 di kawasan saya diberi projek-projek untuk melengkapi secukupnya fasiliti dan rumah-rumah guru yang amat diperlukan sekarang. Sekolah ini, sekolah baharu tetapi tidak dilengkapi dengan beberapa fasiliti yang sepatutnya ada untuk melicinkan operasi sekolah ini. Jadi, boleh *injury time* sedikit Tuan Pengerusi? Kasihan lah. Ini Tuan Pengerusi punya kuasa bukan Yang Berhormat Jelutong punya kuasa.

Saya ingin menyentuh Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional. Saya ingin memberitahu kepada Menteri bahawa satu tapak telah diluluskan untuk mendirikan sebuah sekolah vokasional di Daerah Kapit. Persoalannya yang perlu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau yang lebih cantik, yang lebih elok persetujuan dan kelulusan nanti.

Jadi, persoalannya apakah ada perancangan dari Kementerian Pendidikan ini untuk melaksanakan pembinaan sebuah sekolah vokasional di Kapit itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Ahli Yang Berhormat, seramai 32 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab dalam tempoh masa 60 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**5.31 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbang saran, pandangan, teguran, fikrah dan lain-lain cadangan yang cukup membina demi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara.

Pendidikan untuk semua dan pendidikan merupakan tanggungjawab semua. Pendidikan harus bersikap inklusif dan ini yang kita cuba lakukan sebaik mungkin. Kita meyakini bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, penglibatan semua pihak, sama ada pihak kerajaan, pihak pembangkang, NGO, komuniti, masyarakat, industri dan swasta adalah wajib dan adalah perlu untuk memastikan akses kepada pendidikan berkualiti dapat dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia. Kita berhasrat untuk melakukan banyak benda selaras dengan sumbang saran dan juga lontaran-lontaran idea yang telah diberikan, kita juga senada dan seirama. Kita menghargainya dan kita merasa berbangga kerana ini menunjukkan keprihatinan setiap anggota Dewan Rakyat ini terhadap isu pendidikan.

Namun, kita mempunyai prioriti dan keutamaan dan juga kita perlu melakukan perubahan itu secara bertahap-tahap dan juga secara berfasa-fasa. Yang penting, apa yang telah kita rencanakan, kita akan lakukan yang terbaik dengan sistem pemantauan yang ada, dengan penuh inklusif dan juga dengan penuh transparensi, kita mengharapkan apa yang kita rancang akan berjaya dan setiap sen yang disalurkan akan terus sampai kepada golongan sasar tanpa terkurang ataupun hilang di pertengahan jalan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk memulakan sesi penggulungan ini dengan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar telah bertanya tentang bantuan pakaian seragam, tiada peruntukan disediakan dalam bajet.

Untuk makluman Yang Berhormat Kangar, penerima bantuan pakaian seragam adalah murid yang berdaftar di bawah program e-Kasih dalam kategori miskin ataupun miskin tegar. KPM menurunkan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan diagihkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah ataupun sekolah dalam tempoh 30 hari penerimaan. Kadar yang diberikan adalah sebanyak RM100 bagi setiap murid. Peruntukan ini dinyatakan dalam Butiran 081300 berjumlah RM6 juta.

Pertanyaan berkaitan dengan caruman PERKESO untuk kakitangan kontrak pula. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, KPM telah pun sedia membuat caruman PERKESO untuk kakitangan kontrak sebagai satu kaedah menjaga kebajikan kakitangan ini. Berkaitan dengan permohonan IPG di Perlis diteruskan. Setakat ini, tiada penutupan IPG dibuat oleh KPM, termasuklah IPG di Perlis.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh Yang Berhormat Menteri? Saya difahamkan bahawa walaupun memang tidak ada penutupan buat masa ini tetapi pengambilan pelajar telah, boleh kata, dihentikan. Jadi, ini menunjukkan satu trend bahawa mungkin dalam masa dua atau tiga tahun mungkin ke hingga lima tahun nanti akan ditutup oleh kerana tidak ada lagi pengambilan pelajar sedangkan IPG ini dia ada kelebihan berbanding dengan IPG lain. Itu sahaja.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kangar ini amat menarik kerana ia berkaitan dengan perancangan kita untuk menaik taraf IPG itu sendiri. Kita harus mempunyai imaginasi yang lebih berani untuk melihat apakah hala tuju IPG di masa hadapan. Buat pengetahuan Yang Berhormat Kangar, IPG Perlis terdapat 163 pelajar PISMP yang akan menamatkan pengajian pada Jun 2020.

Seterusnya, selaras dengan hasrat kita untuk membawa IPG ke tahap yang seterusnya, IPG Perlis akan menjalankan latihan pembangunan profesionalisme guru dalam perkhidmatan. Ini amat-amat kita perlukan di dalam memastikan kualiti pendidikan kita di tahap yang berikutnya. Berkaitan dengan jumlah guru keluaran terkini, jumlah graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPG pada tahun 2019 adalah seramai 2,253 orang.

Persoalan dengan berkaitan teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Saya ditanyakan apakah terdapat modul untuk pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan murid mahir dan cemerlang di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seperti mana yang telah dijawab berkali-kali di Dewan Rakyat ini. Antara program yang diperkenalkan ialah *Highly Immersive Programme* yang diperkenalkan oleh KPM untuk membangunkan persekitaran Bahasa Inggeris di semua sekolah bagi memupuk budaya pembelajaran serta penggunaan Bahasa Inggeris yang positif dalam kalangan murid dengan menambahkan jumlah masa pendedahan murid kepada penggunaan melalui pelbagai aktiviti dan strategi iaitu aktiviti dalam kelas, aktiviti luar kelas, aktiviti kelas tambahan dan aktiviti gerak jangkau.

Begitu juga, kita akan cuba membangunkan aplikasi-aplikasi yang akan dapat membantu murid untuk mereka bukan hanya sekadar menguasai dan didedahkan dengan penguasaan bahasa Inggeris di dalam bilik darjah semata-mata ataupun di dalam ruangan sekolah tetapi juga apabila mereka telah pulang ke rumah. Ini sedang dibangunkan oleh Bahagian IT Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berkaitan dengan Bahasa Malaysia seperti mana yang kita tahu, aktiviti berterusan untuk peningkatan dan pemerkasaan Bahasa Malaysia berjalan berterusan dengan modul-modul yang telah dilaksanakan. Begitu juga bermula pada tahun hadapan, kita akan meletakkan sudut sasterawan di setiap sekolah-sekolah milik kerajaan untuk memperkenalkan anak-anak kita, sekolah-sekolah kita dan para guru terhadap para sasterawan yang merupakan tonggak bahasa di negara yg kita cinta ini.

Berkaitan soalan berkenaan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Apakah KPM perlu *kluster* kan pengambilan murid B40 ke asrama penuh kerana anak-anak M40 juga perlu diberikan ruang untuk memasuki asrama penuh. Program projek khas sekolah berasrama penuh merupakan program bagi membantu murid miskin dari keluarga pendapatan di bawah paras garis kemiskinan untuk meneruskan pembelajaran di sekolah berasrama penuh. Pada masa ini, terdapat 4,224 murid tingkatan satu hingga tingkatan lima menerima program projek khas sekolah berasrama penuh. Kemasukan murid ke asrama penuh memberi keutamaan kepada murid berpotensi daripada keluarga B40.

Walau bagaimanapun, murid dari kalangan keluarga M40 dan T20 juga diberikan peluang untuk memasuki sekolah berasrama penuh. Tidak benar tanggapan bahawa kesemua ruang SBP diberikan kepada anak-anak B40 semata-mata. Kemasukan maksimum murid B40 adalah sebanyak 60 peratus. Maka, selebih 40 peratus diberikan kepada M40 dan T20. Walau bagaimanapun, bermula tahun 2019, ketika kita laksanakan daripada 60 peratus yang diberikan kepada B40, kita hanya menerima 52.28 peratus sahaja kemasukan. Selebihnya diberikan kepada M40 dan T20.

Pertanyaan bagaimanakah Kementerian Pendidikan Malaysia menentukan data keciciran? Berdasarkan data di KPM, rekod menunjukkan bahawa negeri Perlis adalah sifar cicir. Keciciran murid di institusi pendidikan dibuat dengan membandingkan jumlah murid yang berdaftar di institusi pendidikan pada tahun semasa dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, data keciciran KPM tidak termasuk kanak-kanak yang tidak pernah mendaftar di mana-mana institusi pendidikan. Kita akur selepas ini kita akan cuba memperbaiki mekanisme di dalam mengutip data-data berkaitan keciciran.

**■1740**

Mungkin kita perlukan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan, MPPK dan lain-lain lagi. Sekiranya Yang Berhormat ada bertemu dengan mana-mana pelajar yang tercicir dalam sesi lawatan bertemu rakyat, Yang Berhormat bolehlah memaklumkan kepada PPD untuk kita ambil tindakan sewajarnya.

Berapakah nisbah guru dan pelajar mengikut bilangan guru? Bilangan guru di sekolah harian sehingga 18 Oktober 2019 adalah seramai 389,556 orang. Guru di sekolah rendah adalah seramai 234,475 orang manakala di sekolah menengah adalah seramai 155,081 orang. Daftar murid pula seramai 1,813,397 orang di sekolah menengah dan 2,914,087 orang di sekolah rendah. Jumlah keseluruhan murid adalah seramai 4,727,484 orang. Nisbah guru, murid di sekolah harian adalah satu guru kepada 12.14 orang murid.

Yang Berhormat Kangar tanya ini paling banyak tetapi tidak apalah dia menunjukkan keprihatinan dia terhadap pendidikan kita jawablah. Berkaitan dengan penjelasan, adakah pertambahan bajet untuk pelaksanaan dasar-dasar pendidikan yang baharu? Bajet yang telah dibentangkan adalah untuk menampung pelaksanaan dasar-dasar sedia dan beberapa dasar baharu di KPM.

Pertambahan bajet KPM seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan banyak digunakan untuk menampung belanja pembangunan. Dasar-dasar sedia ada tetap juga dilaksanakan dengan penambahbaikan melalui langkah-langkah penjimatan dan jajaran semula keutamaan di peringkat dalaman tahun hadapan.

Pertanyaan berkaitan dengan murid berkeperluan khas, berapa orang yang terima elaun murid berkeperluan khas? Berdasarkan kepada Peraturan Pendidikan Khas 2013, definisi murid berkeperluan khas ialah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan ahli optik, ahli audiologi, ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan awam atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan atau ketidakupayaan dalam masalah yang disebutkan dalam perenggan (a) hingga (e).

Pada tahun 2019 jumlah murid berkeperluan khas yang mendapat manfaat elaun murid berkeperluan khas ialah seramai 87,781 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM157,004,050. Persoalan berkaitan dengan isu aliran Sains dan Sastera yang juga ditanyakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Pelaksanaan KSSM menengah atas mulai tahun 2020 murid menengah atas perlu mengambil tiga kumpulan mata pelajaran yang dikategorikan sebagai mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib dan mata pelajaran elektif. Pakej baharu menyediakan gabungan mata pelajaran yang fleksibel dan memberi nilai tambah kepada murid untuk melanjutkan pengajian tertiari di program asasi, tingkatan enam, politeknik, kolej komuniti dan lain-lain atau bidang kerjaya pilihan.

Perubahan pakej mata pelajaran menengah atas ini juga memperluaskan sistem STEM apabila bukan hanya mata pelajaran dari Sains Tulen, Sains Gunaan dan Teknologi malah mata pelajaran vokasional juga disenaraikan sebagai mata pelajaran elektif STEM. Pakej baharu menyediakan gabungan mata pelajaran yang fleksibel dan memberikan nilai tambah kepada murid untuk melanjutkan pengajian.

Ketiganya memperluaskan bidang STEM apabila bukan hanya mata pelajaran dari bidang Sains Tulen, Sains Gunaan dan Teknologi malah mata pelajaran Vokasional juga disenaraikan sebagai mata pelajaran elektif STEM.

Timbul beberapa kekeliruan ada yang mengatakan kita ingin hapuskan aliran langsung ataupun ada yang mengatakan kita ingin menghapuskan mata pelajaran Bahasa daripada diambil oleh pelajar. Ini semua tidak benar dan merupakan tanggapan liar.

Apa yang berlaku ialah kita ingin memastikan lebih ramai pelajar sama ada daripada aliran Sains ataupun daripada aliran Sastera, aliran Agama, aliran Perakaunan mempunyai peluang untuk mengambil mata pelajaran STEM. Sama ada Sains Tulen, sama ada Matematik, sama ada Teknologi ataupun di bidang Vokasional dan Teknikal mengikut kemampuan sekolah, guru dan juga kelas. Dengan ini kita akan membuka laluan yang lebih luas bagi anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tertiari nanti.

Kadangkala terdapat beberapa kursus yang menghadapi kekurangan pelajar untuk mengambilnya kerana dia mensyaratkan Sains Tulen untuk pelajar mengambilnya. Walaupun terdapat sesetengah pelajar aliran Sastera yang mempunyai bakat contohnya dalam Sains Pengkomputeran. Pada zaman akan datang dari waktu ini banyak diperkenalkan tentang digital subjek, tentang IR 4.0, *coding* dan sebagainya. Malang sekali apabila dibuka hanya kepada pelajar aliran Sains semata-mata, maka pelajar aliran lain tidak dapat untuk masuk.

Maka berdasarkan persetujuan dengan pihak universiti kita melihat bahawa pelajar-pelajar yang mampu untuk memasuki aliran STEM di peringkat tertiari ataupun di peringkat Politeknik ataupun di bidang kerjaya mereka harus diberikan peluang untuk mengambil subjek-subjek Sains maka diberikan pakej yang terbaharu ini dan juga tidak benar bahawa dikatakan berdasarkan pembahagian kepada subjek teras, subjek wajib dan elektif, maka pelajar yang ingin mengambil Bahasa Cina, Bahasa India, Kesusasteraan Cina, Kesusasteraan Tamil dinafikan, tidak benar sama sekali.

Mereka masih boleh mengambil dan ini boleh dilihat kepada penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dibawa di dalam media dan juga berada di laman web Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri. Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, terima kasih bagi penjelasan tentang - cuma satu lagilah saya nampaklah kita sudah 62 tahun Merdeka ada sesuatu tidak kena pada sistem pendidikan kita sudah 62 tahun Merdeka masih ada lagi rakyat Malaysia yang tidak tahu rupa bentuk Jalur Gemilang.

Jadi *something is wrong somewhere*, maaflah. Jadi saya rasa perlu bagi penekanan dari segi pendidikan, dalam pendidikan supaya semua pelajar-pelajar kita tahu macam mana rupa Jalur Gemilang yang sebenarnya. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, pada saya kejahilan terhadap Jalur Gemilang bagi seseorang warga yang mengaku dia rakyat Malaysia adalah satu yang tidak boleh dimaafkan... *[Tepuk]* Ini tidak boleh dikira sebagai satu kedunguan ataupun kejahilan tetapi perlu dilihat sebagai satu pengkhianatan terhadap nasionalisme kita... *[Tepuk]*

Walau bagaimanapun bagi Kementerian Pendidikan kita harus menjadi kementerian yang bertanggungjawab untuk mendidik setiap rakyat Malaysia dengan bantuan setiap orang, dengan bantuan kuasa legislatif dan dengan bantuan kuasa eksekutif. Kita akan memastikan setiap rakyat akan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Maka bermula Jun tahun ini, kita memperkenalkan Pendidikan Sivik kembali ke sekolah-sekolah... *[Tepuk]*

Di mana bukan sahaja kita menyasarkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang beretika tinggi, bermentaliti sivik, lebih daripada itu yang cintakan negaranya dan sanggup mempertahankan identiti nasional demi melawan musuh negara.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya difahamkan bahawa bendera yang digantungkan itu adalah oleh pihak-pihak individu tertentu yang ada kaitan dengan parti politik. Bolehkah Yang Berhormat memberikan penjelasan khususnya Parti MCA saya difahamkan. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bukan Ahli MCA jadi saya tidak boleh menjawab untuk pihak mereka. Soalan tersebut harus ditujukan kepada pemimpin MCA di sini di waktu lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat ini, sebentar saya belum habis.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Sebenarnya saya bersetuju Yang Berhormat, tidak kira siapa. Kita sebagai orang politik, Yang Berhormat Port Dickson sendiri pun menghadiri satu Kejohanan Tekwando. Bendera pun salah letak, yang itu pun kawan baik Menteri Luar yakni adalah bekas pemimpin MCA.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Itu...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Itu atas kapasiti Presiden *Malaysian Basketball Association*. Bagi saya tidak kira siapa, siapa yang hadir itu tidak penting, yang tidak betul tetap tidak betul. Kita kena betulkan itu sahaja. Saya tidak ada masalah jadi jangan kaitkan dengan politik kerana ada muslihat politik itu sahaja. Jangan kita campur aduk...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No,* patut..

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang tidak betul kita kata tidak betul. Kita tidak menghalalkan benda yang haram, tidak mengharamkan benda yang halal. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju bahawa sekurang-kurangnya ada kenyataan minta maaf daripada Parti MCA. Perkara ini dilakukan oleh seorang ahli politik pemimpin MCA. Kenapa sehingga hari ini tidak memohon maaf? Kenapa tidak memohon maaf kerana menggantungkan bendera yang salah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat tidak baca surat khabar. Dia sudah *bow* mewakili MABA, mohon maaf *no execuse, apologies.* Kalau Yang Berhormat tidak baca ataupun membuta tuli serang kita, saya tidak ada....

*[Pembesar suara dimatikan]*

**■1750**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri terus jawab. Masa terhad.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Air Hitam dia tengok bola, dia tidak tengok *basketball.*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato’ Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai]:** Bola, Yang Berhormat Jelutong tengok bola.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh bagi jalan?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Saya yakin- tidak apa nanti selepas ini. Saya yakin siapa pun kita kalau kita duduk di sana atau pun duduk di sini, semua yang berada di Dewan ini kita cintakan Malaysia.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sokong, sokong, sokong.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Kita akan sama-sama mempertahankan Jalur Gemilang kita... *[Dewan Riuh]* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Yang Berhormat Kubang Kerian telah bertanya bahawa kajian PHD di universiti awam, mengapa tidak digunakan untuk meningkatkan pembangunan industri? Bagi pengetahuan Yang Berhormat Kubang Kerian, tujuan kajian-kajian ini dilaksanakan oleh pelajar PHD di universiti tidak hanya tertumpu kepada kajian yang berorientasikan industri semata-mata.

Faedah lain hasil kajian PHD antaranya dapat memberikan manfaat kepada perkembangan ilmu asas ataupun fundamental, manfaat kepada masyarakat, membantu melestarikan alam sekitar, menambahbaikkan polisi, serta perkembangan pengetahuan dan juga mengembangkan disiplin ilmu yang sedia ada. Ada ilmu yang sesuai untuk diberikan kepada industri tetapi ada ilmu yang sesuai untuk pembangunan modal insan.

Walau bagaimanapun, banyak hasil kajian PHD di negara ini yang telah menyumbang kepada peningkatan industri antaranya:

(i) kajian oleh UMS berkaitan ikan *garoupa*;

(ii) kajian di UPM berkaitan padi putera;

(iii) kajian di UNIMAS berkaitan Projek *Ultra Filtration Air*;

(iv) kajian di UTM berkaitan dengan *membrane filter* untuk menapis air dan juga lain-lain lagi

Pihak Universiti Awam diminta menggunakan Teknologi Data Raya dan *artificial intelligence* ataupun kepintaran buatan untuk menyebarluaskan hasil penerbitan dan kajian mereka agar dapat dimanfaatkan oleh banyak pihak.

Bermula pada tahun ini, kita telah menggerakkan Pusat Sitasi Malaysia kita dan juga Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama semua universiti agar dapat menggunakan data raya ataupun *big data* dan menggunakan *artificial intelligence* untuk memastikan setiap hasil kajian, para pengkaji dan juga para akademik kita akan dapat berjaya wara di seluruh jagat ini. Kita ingin pastikan bahawa *intellectual* dan *academic* yang kita hasilkan di universiti kita akan meninggalkan kesan cap tangan mereka di seluruh dunia. Seterusnya memberikan kesan terhadap pembinaan hadarah kemanusiaan yang baharu.

Berkaitan soalan apakah pihak KPM akan selesaikan masalah murid tanpa dokumen untuk masuk ke sekolah oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Untuk maklumat Yang Berhormat Kubang Kerian penerimaan kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri masuk ke sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan adalah berdasarkan SPI Bilangan 3 2018 dengan syarat-syarat yang mana:

(i) mana-mana seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia.

(ii) surat pengesahan atau surat perakuan ketua kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia; dan

(iii) pihak sekolah dengan kerjasama PPD akan bantu untuk mendaftarkan mereka.

Berkaitan dengan isu prasekolah. Apakah kaedah untuk mengenal pasti solusi tentang masalah pembelajaran di pra sekolah. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pra sekolah untuk murid yang menghadapi masalah pembelajaran. Sehingga tahun 2019, kementerian telah mengoperasi sebanyak 213 kelas pra sekolah pendidikan khas. Kita yakin tidak semua pelajar sama seperti pelajar lain.

Ada di antara mereka yang mempunyai keperluan khas, ada yang dilahirkan dengan kekurangan dan malah ada yang dilahirkan dengan kelebihan dan mereka ini perlu ditempatkan di kelas pra sekolah pendidikan khas.

Perancangan bagi tahun 2020, pihak KPM telah merancang untuk mengoperasi tambahan empat kelas pra sekolah pendidikan khas. Berkaitan dengan adakah kaedah untuk mengurangkan beban guru. Bagi pengetahuan Yang Berhormat Kubang Kerian tiada pula ya. Kementerian telah mengumunkan 10 inisiatif bagi mengurangkan beban tugas guru seperti mana yang telah diumumkan pada amanat tahun baharu dan sambutan hari guru pada tahun ini. Secara umumnya, maklum balas yang diterima menunjukkan perkembangan yang positif.

Sekarang ini kajian dilakukan oleh UPSI untuk melihat sejauh mana ia memberi kesan yang signifikan kepada guru kita seterusnya memberikan kesan yang positif terhadap PDP di sekolah. Dalam masa yang sama kementerian juga akan terus meneliti inisiatif yang baharu yang membolehkan membantu mengurangkan beban tugas guru sekali gus menggembirakannya mereka.

Terdapat saranan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian kita perlu menjadikan guru gembira. Apabila mereka gembira, mereka akan menjadi lebih inovatif, lebih kreatif, dan juga lebih produktif. Ini kita lakukan bukan hanya sekadar dengan meringankan tugas mereka, kita juga cuba membanyakkan latihan-latihan kepada mereka dan juga bermula tahun ini kita memperkenalkan di setiap sekolah ruang rehat guru agar para guru mempunyai ruang untuk berehat demi mengelakkan stres.

Soalan daripada Yang Berhormat Tampin. Adakah perancangan untuk menubuhkan sekolah berasrama penuh di Tampin? Pada masa kini, terdapat 69 buah sekolah berasrama penuh di seluruh negara. Sekolah berasrama penuh sedia ada mampu menampung kemasukan murid yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Cadangan pembinaan sesebuah asrama penuh berdasarkan kepada keperluan kritikal dan pembinaannya tidak berasakan kepada sesebuah Parlimen. Ini kerana kalau kita berdasarkan Parlimen kita akan berakhir dengan sebanyak 222 buah asrama penuhlah. Walau bagaimana pun kita ingin pastikan pendidikan yang diterima di sekolah-sekolah menengah yang lain juga berada pada tahap kualiti asrama penuh.

Kita cuba lakukan dan kita tahu Rom tidak dibina pada satu malam dan kita perlukan waktu dan kita perlukan dokongan dan kita perlukan sokongan dan kita perlukan penglibatan setiap pihak terutamanya pihak komuniti, pihak masyarakat dan pihak industri demi membangunkan sekolah-sekolah menengah kebangsaan kita, demi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh anak-anak murid di sekolah-sekolah menengah juga agar dapat setaraf dengan sekolah berasrama penuh.

Yang Berhormat Tampin juga bertanyakan tentang hala tuju FRGS. Bagi tahun 2020, KPM masih mengekalkan hala tuju dan pendekatan seperti mana yang dilaksanakan pada tahun ini iaitu menyokong matlamat mapan atau pun *sustainable development goals* dan lapan bidang keutamaan negara di mana penyelidikan berbentuk *knowledge transfer* menggalakkan penterjemahan karya-karya besar serta memberikan manfaat kepada masyarakat, ekonomi, akademi dan industri. Lapan bidang keutamaan negara adalah:

(i) kesejahteraan sosial dan ekonomi;

(ii) jaminan dan keselamatan makanan;

(iii) infrastruktur asas;

(iv) perubahan iklim dan alam sekitar;

(v) kesihatan;

(vi) pendidikan dan masyarakat madani celik ilmu;

(vii) keselamatan nasional; dan

(viii) teknologi ke hadapan dan pembuatan termaju.

Yang Berhormat Tenom meminta KPM menyemak kandungan sejarah berkaitan penubuhan Malaysia. Buat pengetahuan Yang Berhormat Tenom sejarah berkaitan pembentukan Malaysia sememangnya telah dimasukkan dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Ini perkara asasi yang perlu diketahui. Penjelasan Sejarah Pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 dinyatakan dan diperjelaskan mengikut tahap keupayaan murid dalam Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017 dan KSSM untuk sekolah menengah. Yang Berhormat Tenom juga ada bertanyakan tentang Biasiswa Kecil Persekutuan. Berapa ramai penerima daripada kalangan rakyat Sabah? Buat pengetahuan Yang Berhormat Tenom, bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan melibatkan seramai 12,050 orang murid ataupun pelajar dari negeri Sabah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,413,750.

Yang Berhormat Segamat ada bertanyakan apakah KPM berhasrat memasukkan subjek catur sebagai satu mata pelajaran? Baharu-baharu ini ada yang minta saya untuk masukkan beberapa subjek-subjek lain dalam mata pelajaran. Buat masa ini KPM tiada perancangan untuk mengadakan subjek catur dalam pelaksanaan kurikulum. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada catur telah dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dan kita dapati kebanyakan sekolah kita jikalau tidak kesemuanya pun mempunyai kelab catur ataupun persatuan catur.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat maksud saya akan catur itu adalah dalam pemikiran kreatif. Mata pelajaran pemikiran kreatif akan tetapi catur boleh digunakan satu alat untuk berfikir.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tiada halangan bagi pihak kementerian untuk mana-mana sekolah, mana-mana guru Tuan Pengerusi untuk menjadikan catur sebagai sebahagian daripada alat bantuan mengajar dan kita menyerahkan kepada kreativiti para guru. Cuma seperkara, saya melihat bahawa selain daripada catur yang juga merupakan sukan, kita juga menekankan pentingnya konsep untuk anak-anak kita terlibat dengan sukan dan juga seni bela diri.

**■1800**

Kalau kita pergi mana-mana sekolah, kita akan dapati terdapatnya kelab-kelab seni bela diri. Kebanyakan sekolah mempunyai Kelab Tekwando dan kita juga akan cuba memperkenalkan di setiap sekolah agar dapat menjadikan subjek silat sebagai kokurikulum asas kerana ia merupakan warisan negara dan identiti nasional.

Bagi Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam bertanyakan yang manakah akan diluluskan, sama ada program sarapan ataupun RMT, kerana Program Sarapan tidak ada dalam bajet. Ini juga telah ditanyakan oleh beberapa Yang Berhormat yang lain.

Buat pengetahuan Yang Berhormat Ayer Hitam dan juga rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, murid yang layak menerima RMT akan terus mendapat perhatian daripada KPM. Peruntukan RMT yang diperuntukkan dalam Buku Bajet akan digunakan dengan sewajarnya. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada MoF di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini kita lakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Persoalan berkaitan tentang pelaksanaannya pada tahun hadapan. Memandangkan program ini besar dan akan melibatkan ramai pemegang taruh, bukan hanya murid yang makan tetapi juga guru, tetapi juga pihak kantin, pihak sekolah, PIBG, Kementerian Pertanian dan juga kementerian-kementerian lain, maka KPM telah melakukan beberapa sesi libat urus. Kita melakukan *pilot project* ataupun projek rintis yang lalu dan juga kita melakukan beberapa sesi libat urus.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Izinkan saya habiskan dahulu. Maka kita dapati bahawa terdapat ketidaksediaan lagi bagi beberapa pihak terutamanya di pihak pelaksanaan di bawah sama ada di pihak sekolah sendiri, di pihak kantin, di pihak masyarakat dan juga pihak PIBG, dan kita ambil maklum.

Kita mahukannya kalau boleh seberapa segera tetapi terdapat beberapa kurang persiapan. Maka, Majlis Tindakan Ekonomi telah mencadangkan kepada kita bahawa ianya perlu dilaksanakan secara bertahap. PSP akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kita akan pilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi dan antara pertimbangan tersebut juga adalah kesediaan pihak kantin dan pihak pembekal.

Program Sarapan juga adalah program jangka masa panjang untuk 2.7 juta murid. Antara pertimbangan untuk memastikan program ini berjaya di masa hadapan dan memastikan kemapanannya, beberapa perkara perlu diteliti. Antaranya, kesediaan pihak sekolah dan kantin, kesediaan pihak komuniti, kesediaan pihak PIBG, aspek pengurusan pembaziran. Kita tidak mahu membazir.

Kita mahu program sarapan ini datang bukan hanya sekadar memenuhkan perut tetapi juga memenuhkan minda. Kita mahu latih mereka supaya bukan sekadar makan tetapi menguruskan makanan, adab makan dan lebih penting daripada itu, menguruskan sisa makanan. Kita ingin latih mereka supaya sayang kepada alam sekitar. Kita ingin latih kepada anak-anak murid kita supaya tahu menguruskan *waste* ataupun bahan sisa buang.

Begitu juga kita meletakkan konsep pengoperasian dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mampan demi melaksanakan program ini.

Pada masa yang sama, mesyuarat MTEN juga sedang berbincang tentang mekanisme pembiayaan jangka masa panjang supaya pelan fasa seterusnya akan dikembangkan kepada semua murid pada masa hadapan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Jarang sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Kalau penerangan sebegini, ianya lebih meyakinkan. Daripada kita bagi semua kerana penekanan Yang Berhormat sekarang ialah daripada *over and above* RM295 juta yang diberikan untuk RMT, itu diteruskan, kita ada kemampuan untuk bekalkan kepada B40 yang tertinggi kita bagi dan ianya akan menjimatkan daripada segi kewangan tidak sampai RM1.67 bilion.

Kesediaan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat itu, saya setuju. Ini kerana penerimaan masyarakat- sebab, kita khuatir membazir. Nampaknya Yang Berhormat sudah ada sesi libat urus. Saya sekarang beranggapan bahawa kita lulus pada hari ini RMT sahaja dan apa-apa tambahan itu mungkin datang secara perbekalan tambahan mungkin pada tahun depan. Kalau itu yang dihuraikan oleh Yang Berhormat, saya rasa kita lebih jelas. Kalau tidak, apa Yang Berhormat masa dasarnya cakap berlainan dengan ini dan hari ini kita dapat satu penerangan yang jelas*... [Tepuk]* Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah? Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya seperti juga Yang Berhormat Ayer Hitam, ada beberapa kebimbangan awalnya.

Saya minta supaya program ini akhirnya akan menjadi satu bentuk pembelajaran dan kesannya seumur hayat, sepanjang hayat. Ini kerana salah satu program yang paling berjaya di dunia tentang pemakanan di sekolah ialah di Jepun dan ianya bukan sebagai satu pelajar datang duduk dan makan tetapi para pelajar belajar dari penyediaan dan lain-lain lagi dan faham teorinya dan juga faham tanggungjawab menyediakan makanan serta tanggungjawab selepas makan dan mengelakkan pembaziran.

Apa yang terpenting juga, ia hendaklah menggunakan diet tempatan yang diamalkan sepanjang hayat. Diet yang sihat. Saya minta supaya teorinya betul, tidak seperti piramid makanan, supaya ia betul dan oleh kerana itu, sepertimana Jepun, dapat mengelakkan daripada penyakit-penyakit kronik seperti obesiti dan kencing manis. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mencadangkan. Kita mengambil maklum dan mengambil cakna dan kita akan libatkan semua Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini dalam pelaksanaannya nanti kerana kita yakin tanpa dukungan Ahli-ahli Parlimen kita, tanpa dukungan ADUN-ADUN kita, pelaksanaan ini tidak akan berjaya. Projek ini untuk semua. Projek ini demi rakyat Malaysia, demi generasi masa hadapan kita dan demi Malaysia yang lebih membangun dan lebih maju.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh bertanya sedikit? Tuan Pengerusi, kalau macam itulah tujuannya baik sangat, kita sokong bagilah peluang wakil-wakil rakyat dari sebelah sini masuk ke sekolah-sekolah itu, tengok macam mana pengendaliannya dan pelaksanaannya. Betul tidak, boleh?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi Yang Berhormat Pasir Salak sarapan pagi percuma *[Ketawa]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Rompin telah menyentuh isu masalah disiplin murid yang mana Yang Berhormat Rompin telah mencadangkan perlu dilihat semula masa Pendidikan Islam, Sejarah dan Pendidikan Moral dan perlu diberikan masa yang lebih untuk sesi pengajarannya.

Buat pengetahuan Yang Berhormat Rompin, kurikulum Pendidikan Islam, Sejarah dan Pendidikan Moral telah diperuntukkan waktu yang mencukupi berdasarkan kandungan kurikulum yang telah ditetapkan.

Melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, Sejarah dan Pendidikan Moral, penekanan dalam meningkatkan kesedaran murid supaya tidak melakukan perkara-perkara yang menjadi isu disiplin seperti ponteng sekolah, buli dan gengsterisme.

Semua murid yang mendapat pendidikan formal di sekolah telah mendapat pendedahan dan terdidik untuk beramal dengan adab yang mulia dalam kehidupan. Selain itu, pembentukan insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pendidikan Sivik semula ke sekolah yang mana elemen Pendidikan Sivik ini bukanlah hanya sekadar subjek yang diajarkan di kelas semata-mata tetapi kita kembangkan dalam aktiviti kokurikulum kita dalam aktiviti ekstra kurikulum dan juga termasuk dengan perhimpunan-perhimpunan kita.

Kita mahu lahirkan rakyat Malaysia yang berminda sivik. Kita mahu lahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai etika yang tinggi. Ini juga kita memerlukan dukungan pihak media kerana kita yakin pada hari ini anak-anak lebih mendengar dan lebih terikut dengan media berbanding dengan guru di sekolah.

Walau bagaimanapun, kita juga yakin, apa pun kita berikan di sekolah, kita cuba berikan yang terbaik. Sebaik mana kurikulumnya pun, sebaik mana gurunya pun, segalanya bermula di rumah. Jadi, saya rasa kita perlu memberikan penekanan terhadap bermulanya pendidikan sivik, bermulanya kesedaran etika dan juga moral dan agama adalah di rumah. Maka kita perlu memperkuatkan institusi kekeluargaan. Dalam kes ini, kita perlu bersama-sama menggerakkannya.

Yang Berhormat Rompin juga bertanya tentang Dasar Pembangunan Kurikulum yang bertukar-tukar dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pendidikan murid. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Rompin, KPM telah melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017 (KSSR Semakan 2017) dan KSSM secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017.

Hakikatnya, pemikiran manusia itu berkembang mengikut perkembangan zaman, mengikut perkembangan teknologi dan juga apa yang berlaku secara global. Adalah tidak tepat mengatakan bahawa kita tidak boleh merubah-ubah kurikulum pendidikan. Kurikulum pendidikan harus berjalan seiring dengan perkembangan dunia.

Hari ini kita lihat bagaimana subjek teknologi, subjek tentang *artificial intelligence* dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan masa hadapan perlu diambil kira. Begitu juga dengan kurikulum kita. Perlu diselaraskan agar anak-anak kita bersikap kalis masa depan dan berdaya saing di peringkat global.

Pertanyaan berkaitan bahasa Melayu, buat pengetahuan Yang Berhormat Rompin, sehingga kini, Bahasa Melayu masih menjadi bahasa rasmi dalam sistem pendidikan sama ada dalam dokumen kurikulum, PDP dan juga penaksiran.

Saya juga menyokong bagaimana teguran daripada Yang Berhormat Rompin, perlunya kita sebagai Ahli Dewan Rakyat memulakan contoh dan teladan penghayatan terhadap bahasa kebangsaan kita sendiri. Saya amat kagum kadang-kadang melihat Tuan Pengerusi sentiasa dengan pantunnya.

**■1810**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya masih belajar. Menteri-menteri pun belajar.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Masih belajar dan begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang mampu untuk menggunakan bahasa dengan begitu indah. Kita perlu menjadi contoh kepada rakyat dan kita perlu menjadi contoh dan Yang Berhormat Ayer Hitam juga *[Ketawa]* Ramai rakan-rakan saya daripada pihak kerajaan yang juga menunjukkan kebolehan berbahasa Melayu begitu tinggi.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bahasa-bahasa kebangsaan. Saya tidaklah berniat, saya faham mungkin tetapi tidak berniat untuk menyentuh mana-mana pihak tetapi hakikatnya seperti yang dimaklumi Yang Berhormat Menteri ramai sudah macam tadi saya sudah kata isu Jalur Gemilang 62 tahun, masih lagi orang tidak tahu rupa Jalur Gemilang.

Begitu juga dalam Bahasa Kebangsaan kita ini, sudah kita sudah merdeka 62 tahun ramai antara rakyat Malaysia masih tidak boleh bertutur Bahasa Kebangsaan. Maka saya harap sangat dalam sistem di bawah Yang Berhormat dapat memberi penekanan sebab Bahasa Kebangsaan ini bahasa kita. Jadi kalau tidak tahu Bahasa Kebangsaan seolah-olah sesuatu yang tak kena. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju 100 peratus dengan cadangan daripada Yang Berhormat Tanah Merah.

Yang Berhormat Tampin ada bertanyakan tentang kenaikan pangkat pegawai pendidikan tinggi yang perlu dinilai semula. Buat pengetahuan Yang Berhormat Tampin, kenaikan pangkat pensyarah universiti awam adalah berdasarkan kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh universiti awam yang berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan lembaga pengerusi universiti masing-masing.

Kementerian telah menyediakan garis panduan pada tahun 2012 sebagai rujukan dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada autonomi berkenaan. Walau bagaimanapun memandangkan saya sendiri pun merupakan mantan pensyarah di universiti dan antara mereka yang memperjuangkan kenaikan pangkat bagi para pensyarah di universiti, saya memberikan komitmen bahawa kita akan menyemak semula peraturan dan garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2012 dan kita cuba memastikan kebajikan para akademik dan pensyarah kita tidak akan diabaikan.

Yang Berhormat Hulu Selangor bertanyakan tentang tiada kemudahan asrama di Kolej Komuniti Hulu Selangor. Hulu Selangor ini tanya banyak benda juga macam Yang Berhormat Kangar, tetapi kita jawab mana yang adalah ya. Okey, buat pengetahuan Yang Berhormat Hulu Selangor sejumlah RM500 ribu peruntukan P.63 telah diperuntukkan bagi menaik taraf dan pembaikan bangunan. Antara skop projek ini ialah menaik taraf tandas OKU, pembaikan siling, dan sistem saliran hujan dan penggantian sistem penyaman udara.

Jangkaan SST adalah pada Disember 2019. Selain itu peruntukan untuk perolehan peralatan adalah sebanyak RM154,282. Pembekalan peralatan bermula Januari 2020. Berkaitan dengan asrama Kolej Komuniti Hulu Selangor Tuan Pengerusi, tiada perancangan untuk pembinaan asrama dalam masa yang terdekat memandangkan tiada ruang yang mencukupi kerana kolej komuniti ini beroperasi di premis jenis rumah kedai. Berkaitan dengan pertambahan kursus di Hulu Selangor, sehingga Oktober 2019 sebanyak dua program sepenuh masa peringkat sijil telah ditawarkan dengan kapasiti 360 pelajar baru dikemukakan dua bulan yang lalu.

Enrolmen pelajar adalah seramai 253 orang. Kita tidak dapat penuh buat setakat ini. Kolej komuniti ini juga menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat ataupun *lifelong learning,* dengan izin, sehingga Oktober 2018 sebanyak 1,183 peserta telah mengambil bahagian dalam 80 kursus pembelajaran sepanjang hayat yang telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Hulu Selangor.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga Tuan Pengerusi, untuk menyeru Ahli-ahli Parlimen kita untuk terus memberikan kesedaran, memberikan galakan kepada rakyat kita di bawah sana untuk menyertai program sepanjang hayat yang ditawarkan oleh kolej-kolej komuniti kita di seluruh negara. Ini amat bermanfaat untuk menyediakan mereka dengan ilmu-ilmu yang mereka perlukan demi meningkatkan taraf ekonomi mereka.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Pengerusi, pada pengamatan saya banyak kolej komuniti ini dia kekurangan program dan juga bilangan pelajar ataupun pelatih pun begitu kecil. Padahal kerajaan telah menyediakan kompleks yang begitu lengkap sekali dan memperuntukkan banyak wang sebelum ini untuk membina kampus-kampus kolej komuniti ini.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa ianya digunakan sepenuhnya dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Menteri iaitu kolej komuniti ini bukan untuk pelajar-pelajar sahaja ataupun bekas-bekas pelajar. Akan tetapi adalah untuk masyarakat setempat, orang-orang dewasa lelaki dan perempuan untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran yang tertentu.

Jadi saya ingat setakat ini kita belum berjaya lagi dalam hal ini. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa buat pertama kalinya Yang Berhormat Jelutong boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak dalam kes ini *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jelutong mana ada kolej komuniti adakah?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Ya, memang benar. Sehingga kini kita dapati bahawa apa yang sepatutnya dicapai melalui penubuhan kolej komuniti masih belum lagi pada tahap yang sepatutnya dan melalui hala tuju TVET yang baru dengan penubuhan Jawatankuasa TVET Kebangsaan dan juga Jawatankuasa Teknikal TVET, kolej komuniti akan menjadi sebahagian daripada agenda besar TVET.

Merentasi kementerian, merentasi semua agensi dan juga institusi TVET itu sendiri. Kita juga akan melakukan banyak sesi kerjasama, kolaborasi dan juga kerjasama substantif dengan pihak industri demi memastikan bahawa kursus-kursus yang diberikan di kolej komuniti akan dapat memanfaatkan masyarakat.

Begitu juga bagi Jawatankuasa Teknikal TVET mereka akan bekerjasama dengan pihak media demi menjadikan kursus-kursus TVET yang dilaksanakan di institusi-institusi TVET kita termasuk kolej komuniti akan diperkenalkan dengan lebih meluas dan akan mendapat sambutan yang lebih meluas. Berikan sedikit waktu, saya yakin pihak Jawatankuasa Teknikal TVET, pihak Jawatankuasa Kabinet TVET boleh melakukan yang terbaik dalam tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Selangor ada bertanyakan tentang program baharu yang dilaksanakan di SJK untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu. Buat pengetahuan Yang Berhormat Selangor, melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah semakan 2017 pelbagai pendekatan pedagogi telah dilaksanakan. Antaranya pertamanya pendekatan *modular* iaitu fokus terhadap pengajaran setiap kemahiran bahasa, seni bahasa dan tatabahasa mengikut modul yang disediakan. Pelajaran adalah berpusatkan murid dan lebih fleksibel.

Keduanya, asas berbahasa *back to basic.* Penekanan diberikan kepada asas bahasa dan literasi pada Tahun 1 dan 2 peringkat sekolah rendah. Penguasaan kemahiran asas seperti *penmanship*, mengenali bunyi huruf dan juga kemahiran pra mendengar dan pra bertutur. Pendekatan *phonics* diperkenalkan di Tahap 1 dalam pengajaran dan pembelajaran membaca dan mengeja berdasarkan bunyi huruf. Begitu juga yang paling penting, dalam mengajarkan bahasa kita perlu...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Boleh mencelah sedikit. Berkenaan dengan istilah Bahasa Melayu. Kadang-kadang di panggil Bahasa Melayu, kadang-kadang dipanggil Bahasa Malaysia, kadang-kadang dipanggil bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan itu kita fahamlah. Jadi antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Malaysia boleh tak macam di Indonesia dipanggil Bahasa Indonesia. Jadi Bahasa Melayu ini kita panggil Bahasa Malaysia sudah popular dah kan dulu satu waktu dulu dipanggil Bahasa Malaysia. Apa masalahnya? Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, saya teringatkan kata-kata Jalaluddin Rumi, apabila memperkatakan tentang anggur. Anggur mempunyai nama yang berbeza, ada yang dikatakan sebagai *'inab'* di dalam bahasa Arabnya anggur di Bahasa Parsinya dan di dalam Bahasa Turki ada yang saya sudah lupa kan. Akan tetapi hakikatnya merujuk kepada satu perkara yang sama iaitu anggur. Begitu juga dengan Bahasa Melayu, Bahasa Melayu itulah Bahasa Kebangsaan, itulah Bahasa Malaysia. Itulah bahasa yang kita sama-sama cintai dan kita akan daulatkan di bumi ini. Kembali kepada persoalan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap boleh Tuan Pengerusi?

**■1820**

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menteri, sekejap.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Kembali kepada persoalan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh Tuan Pengerusi? Saya terbaca di dalam akhbar iaitu di Sarawak, katanya hendak beralih kepada bahasa Inggeris. Sejauh mana benarnya? Apa jadi kepada sekolah kebangsaan kalau sekiranya bertukar kepada bahasa Inggeris? *Are we going to have,* dengan izin, *dual languages* atau bagaimana?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, hakikat alam pekerjaan pada hari ini begitu mencabar. Pada tahun-tahun yang akan datang, keadaan akan menjadi lebih mencabar sama ada pekerjaan di peringkat *local* ataupun di peringkat global. Banyak kajian yang telah dilakukan sama ada oleh *JobsMalaysia* dan lain-lain lagi, menunjukkan kemahiran berbahasa Inggeris akan lebih memastikan seseorang graduan untuk mendapat pekerjaan yang lebih dan mendapatkan gaji yang lebih tinggi dan mendapat perhatian daripada syarikat-syarikat untuk diambil bekerja.

Kita harus menyedari bahawa akan banyak pekerjaan yang akan timbul, 5, 10 tahun yang akan datang belum lagi wujud pada waktu ini. Banyak pekerjaan yang wujud pada waktu ini, pada 5, 10 tahun yang akan datang, tidak akan lagi wujud. Kebanyakan pekerjaan akan berdasarkan kepada teknologi, kepada digital, kepada sains pengkomputeran. Hakikatnya, sains pengkomputeran, digital, teknologi, *robotics*, dan lain-lain ini semua memerlukan kepada bahasanya iaitu bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris.

Maka, mahu atau tidak mahu, kita kena persiapkan anak-anak kita, kita wajib mempersiapkan rakyat Malaysia sedari awal sama ada daripada kawasan bandar ataupun luar bandar ataupun pedalaman ataupun di mana-mana mereka. Apa pun latar belakang mereka, apa pun kaum, *ethnicity* mereka, mereka perlu dipersiapkan untuk menghadapi keadaan alam pekerjaan yang menggila. Masa hadapan yang begitu *uncertain,* dengan izin, ataupun tidak terjangkaunya kita. Maka, mahu atau tidak mahu, kita perlu persiapkan anak-anak kita, generasi mendatang, generasi cilik pada waktu ini dengan penguasaan bahasa Inggeris yang secukupnya, terutamanya di dalam literasi digital.

Apa yang berlaku di Sarawak, bukanlah mereka mengabaikan Bahasa Melayu. Akan tetapi kita menyediakan *Dual Language Programme* (DLP) yang telah pun dilaksanakan semenjak 2012 demi untuk mempersiapkan anak-anak di sekolah dengan bahasa Inggeris yang mencukupi. Ini kita yakin akan dapat membantu mereka untuk menghadapi masa depan yang begitu mencabar. Akan tetapi kita juga tidak akan mengabaikan pendidikan Bahasa Melayu kita. Begitu juga penekanan terhadap bahasa Melayu di dalam kehidupan dan juga dalam interaksi seharian perlu dipertingkatkan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Maknanya Tuan Pengerusi, penggunaan ataupun pengajaran bahasa Inggeris itu tidak menukar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengajaran di sekolah kebangsaan. Tidak ya? Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kalau hendak mencapai kemajuan yang hebat dalam bahasa Inggeris, saya cadangkan kita contohi daripada *preschool,* peringkat...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadika.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Yang dijalankan oleh sekolah-sekolah antarabangsa. Saya bukanlah hendak mendabik dada. Saya menghantar cucu-cucu saya ke sekolah-sekolah ini dan mereka baru umur dua tahun, tiga tahun, sudah berbahasa Inggeris macam orang dewasa. Ini kita ambil contoh... *[Disampuk]* Apa pula jadi masalah ini.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, okey. Kita kena raikan, buat pertama kali, beliau begitu tenang... *[Dewan ketawa]* Dan telah memberikan sumbang saran...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tenang dan waras.

**Dr. Maszlee bin Malik:** *[Ketawa]* Tenang. Okey, itu Yang Berhormat Jelutong. Tenang dan waras dan begitu intelektual. Kita berharap...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kali pertama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Thank you, thank you, thank you.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya harap ini bukan kali terakhir ya.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey. Kita berharap Tuan Pengerusi, supaya Yang Berhormat Pasir Salak dapat mengekalkan momentum beliau... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** *Anger management.*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Kembali kepada persoalan, mengajar Bahasa Melayu ke sekolah jenis kebangsaan- samalah juga dengan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Untuk penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Apa pula ini Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia adalah tuan punya kepada sebuah kolej swasta...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau pun hendak dapat puji?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Yang terbesar di negara ini. Jangan perlekehkan dia lah ya. Yang Berhormat Jelutong itu kira tungau-tungau sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, jangan kacau.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey. Kita kembali kepada Yang Berhormat Hulu Selangor. Persoalan Yang Berhormat Hulu Selangor, apakah pendekatan kita terhadap pengajaran bahasa kebangsaan ataupun bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia kepada sekolah jenis kebangsaan? Seperti mana saya telah sebutkan, dua pendekatan sebelum ini dan yang paling penting ialah pendekatan yang ketiga iaitu mempelajari bahasa, perlu ada unsur keseronokan, perlu ada unsur komunikasi.

Maka, kita masukkan di dalam pengajaran bahasa Melayu kita elemen didik hibur, dengan izin, e*dutainment.* Maka, pembelajaran berlaku dalam suasana yang lebih menyeronokkan dan menarik. Pengajaran memberi fokus terhadap konteks yang bermakna, dengan izin, *meaningful context* dan integrasi kepada kesemua kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam keadaan seronok dan menggembirakan. Seni bahasa diperkenalkan dalam Kurikulum Bahasa Inggeris bagi menggalakkan penglibatan murid-murid secara kreatif dan menyeronokkan melalui aktiviti nyanyian, puisi dan juga drama. Begitu juga pendekatan terhadap bahasa kebangsaan dilakukan dalam bentuk yang sama.

Pada waktu ini, Kementerian Pendidikan sedang membangunkan aplikasi-aplikasi untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan juga dalam subjek-subjek Sains dan juga Matematik agar anak-anak kita dapat mempelajari dengan lebih gembira. Kita dapati banyak sebenarnya bahan-bahan di *open sources,* dengan izin, iaitu ruang terbuka di luar sana yang kita boleh dapatkan secara percuma tanpa kita membelanjakan wang cukai rakyat, yang boleh kita gunakan dengan kerjasama mana-mana badan di luar untuk kita didik anak-anak kita.

Tadi Yang Berhormat Pasir Salak sebutkan cucunya pergi ke sekolah *international* dan boleh berbahasa Inggeris seperti orang dewasa. Hari ini kita dapati ramai juga, bukan hanya- tidak perlu mereka pergi ke tadika antarabangsa, mereka belajar daripada *YouTube.* Kita dapati mereka dapat memperbaiki bahasa melalui *YouTube.* Pada hari ini kita cuba melihat bahawa terdapat unsur-unsur teknologi yang akan membantu rakyat kita memperdalami penguasaan bahasa Inggeris, memperdalami penguasaan bahasa Melayu, memperdalami daripada segi Matematik dan juga Sains. Ini kita cuba lakukan dan berilah kepercayaan kepada kami, berikanlah waktu untuk bersama-sama membina masa depan negara kita.

Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian tidak ada. Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang tidak ada. Yang Berhormat Machang. Yang Berhormat Machang tidak ada. Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas ada.

Yang Berhormat Pasir Mas bertanya, apakah guru dan pengajar yang bertanggungjawab untuk mengajar murid berkeperluan khas? Apakah mereka sesuai? Apakah mereka telah diberikan latihan dan juga kepakaran yang secukupnya? Buat pengetahuan Yang Berhormat Pasir Mas, langkah-langkah penambahbaikan yang diambil oleh KPM untuk mengatasi guru yang tidak sesuai dengan kategori murid berkeperluan khas adalah:

(i) melaksanakan kursus profesionalisme guru secara berterusan berdasarkan ketidakupayaan murid berkeperluan khas bermula 2019 yang melibatkan guru arus perdana dan guru pendidikan khas daripada peringkat prasekolah sehingga menengah;

(ii) penyelarasan semula penempatan guru-guru dengan opsyen Pendidikan Khas;

(iii) menambahkan kuota pengambilan guru pelatih bidang Pendidikan Khas di Institut Pendidikan Guru dan juga institut pengajian tinggi; dan

(iv) kita melakukan banyak kolaborasi dan juga kerjasama dengan pihak-pihak NGO dan juga agensi-agensi yang berkaitan dengan murid berkeperluan khas.

Ini kerana kita yakin, murid berkeperluan khas berhak untuk menerima pendidikan yang berkualiti dan inilah komitmen kita. Bukan hanya sekadar kita ingin menerima mereka di sekolah seperti mana kita katakan pendidikan inklusif, *zero reject policy,* dengan izin, ataupun pendidikan untuk semua. Kita ingin pastikan mereka juga menerima pendidikan berkualiti, iltizam kita...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bolehkah saya bertanya?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Boleh.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Saya amat gembiralah mendengar tadi yang memberikan tumpuan kepada murid-murid pendidikan khas ini. Akan tetapi saya ingin bertanya, adakah kementerian akan juga memberikan tumpuan kepada PPKI, program-program yang integrasi ini *in terms of* tempat, premis bangunan mereka yang saya difahamkan terlalu daif, sempit dan seolah-olah dianggap sebagai *third class* sahaja? Jadi, bolehkah ini dilihat? Ini sebab suara daripada guru-guru yang saya bawa ini. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, ya tepat sekali. Bagi kita, PPKI perlu datang seiring dengan apa sahaja inisiatif yang berkaitan dengan murid berkeperluan khas. Itulah yang kita telah lakukan.

**■1830**

Buat tahun ini terdapat penambahan berpuluh kali ganda terhadap PPKI dan untuk tahun hadapan kita akan pastikan penambahan lebih 200 buah sekolah untuk kelas PPKI. Itu komitmen kami, *insya-Allah.*

Yang Berhormat Hulu Rajang bertanyakan tentang kebajikan pendidikan. Yang Berhormat Hulu Rajang ada? Okey. Berkaitan bantuan KWAPM. Ada sekolah pedalaman yang tidak menerimanya. Buat pengetahuan Yang Berhormat Hulu Rajang, Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin disalurkan kepada pelajar miskin dan miskin tegar di semua sekolah kerajaan bantuan kerajaan berdasarkan permohonan melalui sistem yang dibuka pada setiap tahun.

Jika benar ada sekolah di pedalaman yang tidak menerima bantuan ini, saya mohon untuk Yang Berhormat mengemukakan senarai sekolah tersebut dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Bukan hanya kepada Yang Berhormat Hulu Rajang sahaja. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui bahawa ada antara anak-anak kita, ada antara sekolah-sekolah yang tidak menerima bantuan KWAPM ini sila laporkan kepada Kementerian Pendidikan. Kita bekerja bersama-sama demi maslahat rakyat, demi masa depan anak-anak kita.

Yang Berhormat Kuala Kangsar ada bertanyakan tentang apakah graduan TESL perlu menduduki ujian khusus kerana TESL...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya mohon jawapan kepada soalan saya yang pertama itu mengenai kemasukan- sama ada kami Ahli Parlimen pembangkang dibenarkan masuk. Itu dahulu tolong jawab Yang Berhormat Menteri, *please.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa itu emas. Yang Berhormat Menteri, tinggal dua saat lagi.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Saya yakin timbunan jawapan-jawapan begitu banyak dan saya sendiri kalau boleh menginginkan waktu yang lebih tetapi kita mengejar waktu. Waktu itu nyawa. Bukan sekadar emas, waktu itu nyawa dan saya minta maaf kerana tidak menjawab semuanya secara lisan tetapi *insya-Allah* kita akan kirimkan secara bertulis. Walau bagaimanapun...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri, alangkah baiknya kalau Yang Berhormat Menteri dapat *address* dengan isu *regarding on this* Penan sebab benda ini, isunya nampak kecil tetapi kalau Yang Berhormat Menteri dapat menjawab isu orang Penan, isu sekolah Sarawak itu sedikit sahaja...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, boleh bagi jawapan bertulis.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** ...Kalau Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Jadi Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak sempat menjawab.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Buat Yang Berhormat Kuala Kangsar, buat Yang Berhormat Sibuti, kita tidak akan mengecewakan, kita akan menjawab secara bertulis. Apa yang penting...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, kalau jawapan itu bertulis, tolong beritahu juga kepada kawasan Kuala Kangsar di PPD nya mengenai arahan Yang Berhormat Menteri...

**Dr. Maszlee bin Malik:** *Insya-Allah.*

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** ...Dan semua di peringkat kementerian yang terlibat.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Pengerusi

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Pengerusi, macam mana yang disebutkan tadi...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Pengerusi, minta bagi...

**Dr. Maszlee bin Malik:** ...Kita menghargai...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, minta bagi jawapan bertulis itu sebelum berakhirnya 5 Disember ini. Lepas-lepas tidak sampai pun.

**Dr. Maszlee bin Malik:** ...Sebarang sumbang saran...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, sila menggulung.

**Dr. Maszlee bin Malik:** ...Cadangan dan juga lontaran-lontaran idea oleh setiap Ahli Dewan Rakyat ini. Kita mengakui bahawa ini menunjukkan bahawa setiap Ahli Dewan Rakyat ini peka terhadap pendidikan dan juga memberikan tumpuan yang tidak berbelah bahagi untuk pembangunan pendidikan. Dalam hal ini, kita bersatu suara, kita bersatu hati dan kita akan bersama-sama membangunkan pendidikan negara.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jawapan kena bagi juga Yang Berhormat okey. Jawapan bertulislah, kalau tidak sempat hari ini.

**Dr. Maszlee bin Malik:** *Insya-Allah.* Kelulusan hari ini amat penting bukan sahaja untuk meluluskan belanjawan semata-mata, tetapi juga sebagai usaha kolektif, badan legislatif bersama badan eksekutif untuk membuka tirai tahun baharu dengan fajar perubahan sistem pendidikan yang amat penting. Yakinlah, jikalau kita memberikan kelulusan pada hari ini sama ada di pihak pembangkang ataupun di pihak kerajaan, ia menunjukkan usaha kolektif satu hati bersama kita untuk melihat masa depan negara yang lebih bermakna.

Perubahan pendidikan itu tanggungjawab kita. Ia bukan hanya usaha Kementerian Pendidikan sahaja. Bukan hanya usaha kerajaan semata-mata tetapi usaha kolektif kita semua sebagai rakyat Malaysia. Kita lakukan bersama. Sama ada kita ini daripada pihak kerajaan, sama ada kita ini daripada pihak pembangkang demi warga yang tercinta dan nusa yang kita sayangi bersama, apa-apa pencapaian, natijahnya di masa depan nanti bukanlah sesuatu untuk kami di pihak kementerian mendabik dada ataupun kepada kerajaan untuk bongkak diri tetapi ia adalah natijah daripada kerja kita bersama sebagai satu keluarga besar badan legislatif negara Malaysia. Kita sebagai rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hidup Yang Berhormat Menteri!

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, ada pantun tidak?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Menteri pelajaran.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan dah mari minta peruntukan makanan sarapan pagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjadi Menteri menggulung kementerian terakhir peringkat Jawatankuasa Belanjawan 2020 selepas 15 hari perbahasan diadakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM59,264,811,500 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM59,264,811,500 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,858,056,800 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM4,858,056,800 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]*

*[**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Pembangunan 2020 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama menyokong Belanjawan 2020 dan telah bertungkus lumus dan berpenat lelah untuk menyempurnakan tugas mereka. Tahniah dan syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**USUL**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion Ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut".

**Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi;

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion Ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut".

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

*"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion Ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berita baik, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 2 Disember 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang]***